# ORIENTASI SIKAP KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK DI MALAYSIA

**OLEH**

BAHARU BIN KEMAT

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi sebahagian keperluan bagi Ijazah Sarjana Sains (Pengurusan)**

**Mei, 1994**

Hakcipta Baharu b. Kemat, 1994

PENGHARGAAN

Saya mengucapkan kesyukuran kehadrat Allah kerana dengan izin Nya kajian ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Kajian ini tidak akan menghasilkan sesuatu yang berguna tanpa bantuan dan bimbingan dari pelbagai pihak. Pertamanya, saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Profesor Madya Dr. Mohd Salleh Bin Hj. Mohd Din, sebagai penyelia pertama yang telah memberikan bimbingan profesional, masa dan motivasi bagi menjadikan kajian ini berjaya. Ucapan penghargaan dan terima kasih juga diberikan kepada Encik Rosli Bin Mahmood sebagai penyelia ke dua yang telah banyak member&an bimbingan dan bantuan. Ke tiga, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia, yang telah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan kajian di politeknik di Malaysia. Ke empat, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kakitangan dan pelajar politeknik yang telah memberikan kerjasama semasa soalselidik kajian ini dilancarkan. Kepada kakitangan Sekolah Siswazah juga tidak dilupakan kerana telah banyak memberikan bantuan bagi menyiapkan kajian ini.

Akhirnya, ucapan penghargaan saya tujukan kepada isteri saya, Najwa, dan anak-anak saya, Barjoyai, Mohd Najib, Badiuzaman, Mohd Nabil, Puteri Nabila dan Bakhtiar di atas semangat keusahawanan mereka.

## JADUAL KANDUNGAN


**Mukasurat**

PENGHARGAAN ii

SENARAI JADUAL vii

SENARAI RAJAH xi

SENARAI SINGKATAN xii

ABSTRAK xiii

**BAB 1: PENDAHULUAN**

1.1 Pengenalan 1

1.2 Konteks Kajian 1

1.3 Pemyataan Masalah 5

1.4 Objektif Kajian 8

1.5 Kepentingan Kajian 9

1.6 Skop, Andaian dan Batasan Kajian 9

1.6.1 Skop Kajian 9
1.6.2 Andaian Kajian 10
1.6.3 Batasan Kajian 10

1.7 Definisi Istilah 11

1.8 Pendekatan Penyampaian Laporan 14

Rujukan 16

**BAB 2 : PENDIDIKAN POLITEKNIK DI MALAYSIA**

2.1 Pengenalan 18

2.2 Penubuhan Politeknik Di Malaysia 18

2.3 Objektif Penubuhan Politeknik 19

2.4 Politeknik-Politeknik Di Malaysia 20

2.5 Pembangunan Pendidikan Keusahawanan Di Politeknik 22

2.6 Kepentingan Pendidikan Keusahawanan Di Politeknik 30

**Mukasurat**


2.7 Penutup 46

Rujukan 48

**BAB 3 : SIKAP KEUSAHAWANAN**

3.1 Pengenalan 50

3.2 Perspektif Keusahawanan Menurut Pelbagai Disiplin 50

3.2.1 Ekonomi 51
3.2.2 Sosiologi 53
3.2.3 Psikologi 53
3.2.4 Anthropologi 56
3.2.5 Gelagat Organisasi 57
3.2.6 Pemasaran 58
3.2.7 Kewangan 59
3.2.8 Pengurusan Strategik 60
3.2.9 Keusahawanan Menurut Perspektif Islam 61

3.3 Definisi Usahawan dan Keusahawanan 63

3.4 Ciri-Ciri Keusahawanan 70

3.5 Pelbagai Pendekatan Kajian Keusahawanan 79

3.5.1 Pendekatan Sikap 79
3.5.2 Pendekatan Personaliti dan 'Trait' 83
3.5.3 Pendekatan Demografi 84
3.5.4 Pendekatan Kelakuan dan 'Trait' 84

3.6 Kritik Terhadap Pendekatan Kajian Keusahawanan 85

3.6.1 Kritik Terhadap Pendekatan Teori Sikap 85
3.6.2 Kritik Terhadap Pendekatan Personaliti dan 'Trait' 86
3.6.3 Kritik Terhadap Pendekatan Kelakuan dan 'Trait' 88
3.6.4 Kritik Terhadap Pendekatan Demografi 89
3.6.5 Kelebihan Pendekatan Sikap Terhadap Kajian Keusahawanan 90

3.7 Faktor Demografi Hubungannya Dengan Orientasi Sikap Keusahawanan 92

3.8 Model Kajian Orientasi Sikap Keusahawanan 108

3.9 Penutup 109

Rujukan 111

Mukasurat

## BAB 4 : METHODOLOGI KAJIAN


4.1 Pengenalan 120

4.2 Rekabentuk Kajian 120

4.2.1 Populasi dan Sampel 121
4.2.2 Prosidur Sampling 121
4.2.3 Rekabentuk Instrumentasi 122
4.2.4 Pengukuran Angkubah Bergantung 123
4.2.5 Pengukuran Angkubah Tak Bergantung 129

4.3 Instrumentasi 133

4.3.1 Ujian Awal dan Pengesahan Instrumen 133

4.4 Pengumpulan Data 136

4.5 Analisis Data 137

4.5.1 Kenyataan Kondeskriptif 137
4.5.2 Kaedah Korelasi Pearson 137
4 5.3 Kaedah Khi-Kuasadua 138
4.5.4 Kaedah ‘Crosstabulation’ 138
4.5.5 Tingkat Signifikan 138

4.6 Penutup 139

Rujukan 140


## BAB 5 : ANALISIS DAN PENEMUAN


5.1 Pengenalan 141

5.2 Profil Taburan Frekuensi dan Peratusan Faktor Demografi 141

5.3 Menentukan Tahap Sikap Keusahawanan 154

5.4 Ujian Hipotesis 155

5.5 Penutup 206

**BAB 6 : RINGKASAN, PENUTUP DAN CADANGAN** **Mukasurat**


| | | |
|---|---|---|
| 6.1 | Pengenalan | 208 |
| 6.2 | Pemyataan Masalah | 208 |
| 6.3 | Obj ektif | 209 |
| 6.4 | Kepentingan Kajian | 210 |
| 6.5 | Methodologi | 211 |
| 6.6 | Ringkasan Keputusan Profil Demografi | 212 |
| 6.7 | Ringkasan Ujian Hipotesis | 214 |
| 6.8 | Penutup dan Interpretasi | 221 |
| 6.9 | Implikasi | 231 |
| 6.10 | Cadangan | 232 |
| 6.11 | Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan | 234 |

**BIBLIOGRAF'I** 236

**LAMPIRAN**

| | | |
|---|---|---|
| 1.1 | Surat Memohon Kebenaran Kajian Kepada BPTV | 247 |
| 1.2 | Surat Kebenaran Kajian Dari Pengarah BPTV | 249 |
| 1.3 | Ujian Orientasi Sikap Keusahawanan (B.Inggeris) | 251 |
| 2.1 | Bilangan Politeknik Di Malaysia | 256 |
| 2.2 | Lokasi Politeknik-Politeknik Di Malaysia | 257 |
| 2.3 | Senarai Kedudukan Keluaran Pelajar Politeknik 1984-1993 | 258 |
| 4.1 | Soalselidik Kajian | 260 |

## SENARAI JADUAL


| JADUAL | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 3.1 | Definisi dan Ciri-Ciri Usahawan | 64 |
| 3.2 | Perbandingan Di Antara Usahawan Lelaki dan Wanita | 95 |
| 3.3 | Pekerjaan Ibubapa Usahawan | 98 |
| 3.4 | Jumlah Pendidikan Usahawan | 102 |
| 4.1 | Struktur Persampelan Kajian | 122 |
| 4.2 | Item dan Sub-Item Pengukuran Orientasi Sikap Keusahawanan | 124 |
| 4.3 | Sub-Item Pencapaian | 125 |
| 4.4 | Sub-Item Penghargaan diri | 126 |
| 4.5 | Sub-Item Kawalan Personal | 127 |
| 4.6 | Sub-Item Innovasi | 128 |
| 4.7 | Faktor Demografi Responden | 129 |
| 4.8 | Faktor Latar Belakang Pendidikan | 130 |
| 4.9 | Faktor Latar Belakang Pengalaman Responden | 130 |
| 4.10 | Faktor Tahap Pendidikan dan Pekerjaan Ibubapa | 131 |
| 4.11 | Perkara-Perkara Kandungan Soalselidik | 132 |
| 4.12 | Ujian Semula Kebolehpercayaan | 134 |
| 4.13 | Ujian Semula Korelasi (Ujian I) | 135 |
| 4.14 | Ujian Semula Korelasi (Ujian II) | 135 |
| 5.1 | Profil Responden Mengikut Faktor Demo-grafi | 142 |
| 5.2 | Umur Responden | 143 |
| 5.3 | Jantina Responden | 143 |
| 5.4 | Bangsa Responden | 144 |
| 5.5 | Agama Responden | 145 |

| JADUAL | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|


| | | |
|---|---|---|
| 5.6 | Tempat Tinggal Responden | 145 |
| 5.7 | Taburan Responden Mengikut Negeri | 146 |
| 5.8 | Taburan Responden Mengikut Jurusan | 147 |
| 5.9 | Taburan Mata Pelajaran Peringkat SPM | 148 |
| 5.10 | Mata Pelajaran Disukai dan Tak Disukai Peringkat SPM | 149 |
| 5.11 | Mata Pelajaran Pilihan Peringkat Politeknik | 150 |
| 5.12 | PMK Responden | 151 |
| 5.13 | Pengalaman Perniagaan Responden | 151 |
| 5.14 | Tahap Pendidikan Ibubapa Responden | 152 |
| 5.15 | Pekerjaan Utama Ibubapa | 153 |
| 5.16 | Pemilikan Perniagaan Ibubapa | 154 |
| 5.17 | Hubungan Umur Dengan Sikap Keusahawanan | 155 |
| 5.18 | Hubungan Jantina Dengan Sikap Keusahawanan | 157 |
| 5.19 | Hubungan Keturunan Dengan Sikap Keusahawanan | 158 |
| 5.20 | Hubungan Agama Dengan Sikap Keusahawanan | 159 |
| 5.21 | Hubungan Tempat Tinggal Dengan Sikap Keusahawanan | 160 |
| 5.22 | Hubungan Negeri Dengan Sikap Keusahawanan | 162 |
| 5.23 | Hubungan Jurusan Pengajian Politeknik Dengan Sikap Keusahawanan | 163 |
| 5.24 | Hubungan Jurusan Pengajian Sekolah Menengah Dengan Sikap Keusahawanan | 164 |
| 5.25 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Sains Dengan Sikap Keusahawanan | 166 |
| 5.26 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Matematik Dengan Sikap Keusahawanan | 167 |

| JADUAL | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|


| JADUAL | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 5.27 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Sejarah Dengan Sikap Keusahawanan | 168 |
| 5.28 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Dengan Sikap Keusahawanan | 169 |
| 5.29 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Bahasa Inggris Dengan Sikap Keusahawanan | 171 |
| 5.30 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Prinsip Akaun Dengan Sikap Keusahawanan | 172 |
| 5.31 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Perdagangan Dengan Sikap Keusahawanan | 173 |
| 5.32 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Matematik Tambahan Dengan Sikap Keusahawanan | 175 |
| 5.33 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Fizik Dengan Sikap Keusahawanan | 176 |
| 5.34 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Kimia Dengan Sikap Keusahawanan | 177 |
| 5.35 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Biologi Dengan Sikap Keusahawanan | 178 |
| 5.36 | Hubungan Mata Pelajaran Yang Disukai Dengan Sikap Keusahawanan | 180 |
| 5.37 | Hubungan Mata Pelajaran Yang Tidak Disukai Dengan Sikap Keusahawanan | 181 |
| 5.38 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Ekonomi Mikro Dengan Sikap Keusahawanan | 183 |
| 5.39 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Ekonomi Makro Dengan Sikap Keusahawanan | 184 |
| 5.40 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Konsep dan Amalan Pengurusan Dengan Sikap Keusahawanan | 186 |
| 5.41 | Hubungan Mata Pelajaran Asas Keusahawanan Dengan Sikap Keusahawanan | 187 |
| 5.42 | Hubungan Gred Mata Pelajaran Pengurusan Dan Perniagaan Dengan Sikap Keusahawanan | 188 |
| 5.43 | Hubungan PMK Dengan Sikap Keusahawanan | 189 |

| JADUAL | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 5.44 | Hubungan Pengalaman Menj ual Dengan Sikap Keusahawanan | 191 |
| 5.45 | Hubungan Pengalaman Mengawasi Pekerja Dengan Sikap Keusahawanan | 192 |
| 5.46 | Hubungan Pengalaman Mengendalikan Akaun Dengan Sikap Keusahawanan | 193 |
| 5.47 | Hubungan Pengalaman Mengendalikan Perniagaan Sendiri Dengan Sikap Keusahawanan | 194 |
| 5.48 | Hubungan Pengalaman Menguruskan Perniagaan Orang Lain Dengan Sikap Keusahawanan | 196 |
| 5.49 | Hubungan Pengalaman Bekerja Bersama Pemilik/Pengurus Perniagaan Kecil | 197 |
| 5.50 | Hubungan Pengalaman Bekerja Bersama Pemilik/Pengurus Perniagaan Sederhana Dengan Sikap Keusahawanan | 198 |
| 5.51 | Hubungan Pengalaman Bekerja Bersama Pemilik/Pengurus Perniagaan Besar Dengan Sikap Keusahawanan | 200 |
| 5.52 | Hubungan Pengalaman Menghadiri Kursus, Kelas atau Bengkel Perniagaan Dengan Sikap Keusahawanan | 201 |
| 5.53 | Hubungan Tahap Pendidikan Ibu Dengan Sikap Keusahawanan | 202 |
| 5.54 | Hubungan Tahap Pendidikan Bapa Dengan Sikap Keusahawanan | 203 |
| 5.55 | Hubungan Pekerjaan Ibu Dengan Sikap Keusahawanan | 204 |
| 5.56 | Hubungan Pekerjaan Bapa Dengan Sikap Keusahawanan | 206 |

## SENARAI RAJAH


| RAJAH | PERKARA | MUKASURAT |
|---|---|---|
| 3.1 | Model Motivasi Keusahawanan Weber | 54 |
| 3.2 | Model Motivasi Keusahawanan McClelland | 54 |
| 3.3 | Model Kajian Orientasi Sikap Keusahawanan | 108 |

## SENARAI SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| B.I | - | Bahasa Inggeris |
| B.M | - | Bahasa Malaysia |
| ELEK | - | Elektrik |
| EKON | - | Ekonomi |
| IND | - | Industri |
| ITM | - | Institut Teknologi Mara |
| KAW | - | Kawalan |
| KEJ | - | Kej uruteraan |
| MARA | - | Majlis Amanah Rakyat |
| MEDEC | - | Malaysian Entrepreneur Development Centre |
| NVSDME | - | New Venture Start-Up Decision Making Excercise |
| PDGN | - | Perdagangan |
| PEG | - | Program de Entrenamiento Gerencia |
| PMK | - | Purata Mata Keseluruhan |
| POLIMAS | - | Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Syah |
| SBA | - | Small Business Administration |
| SIET | - | Small Industry Extension Training |
| SME | - | Small Medium Enterprise |
| SOSK | - | Skel Orientasi Sikap Keusahawanan |
| SPM | - | Sijil Pelajaran Malaysia |
| TOSK | - | Tahap Orientasi Sikap Keusahawanan |
| UPM | - | Universiti Pertanian Malaysia |

# ABSTRAK

## ORIENTASI SIKAP KEUSAHAWANAN DI KALANGAN PELAJAR POLITEKNIK DI MALAYSIA

Objektif kajian ialah untuk mengetahui orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia serta mengenal pasti hubungan faktor demografi, latar belakang pendidikan, pengalaman responden, pendidikan ibubapa dan pekerjaan dengan orientasi sikap keusahawanan. Dalam konteks ini, masyarakat telah memberikan harapan yang tinggi kepada politeknik sebagai satu dari institusi pengajian yang utama untuk mengembangkan keusahawanan di kalangan pelajar. Isu mengenai sikap pelajar politeknik terhadap bidang keusahawanan telah mendapat perhatian di kalangan pendidik dan kerajaan. Untuk memahami dengan lebih jelas mengenai faktor-faktor yang boleh mempengaruhi orientasi sikap keusahawanan maka satu model pembentukan orientasi sikap keusahawanan telah dicadangkan. Dalam kajian ini instrumen ujian orientasi sikap keusahawanan dan soalselidik mengenai demografi responden telah digunakan. Kajian ini dibuat ke atas pelajar tahun akhir di enam buah politeknik di Malaysia. Walaupun pelajar dari keturunan Cina telah dikatakan mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi kerana latar belakang keluarga, kajian ini tidak mendapati bahawa pelajar-pelajar dari keturunan Cina mempunyai orientasi sikap keusahawanan yang tinggi. Penemuan kajian ini telah memperlihatkan bahawa pelajar wanita, pelajar berasal dari kampung, anak petani dan pengalaman mengendalikan akaun adalah kumpulan pelajar yang mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Mengenai hubungan di antara gred mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia dengan orientasi sikap keusahawanan pelajar, kajian ini mendapati bahawa gred mata pelajaran Bahasa Malaysia dan Matematik Tambahan mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap keusahawanan yang tinggi.

# BAB 1

# PENDAHULUAN

## 1.1 *Pengenalan*

Bab ini menerangkan mengenai konteks kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, andaian dan batasan kajian, definisi istilah dan seterusnya pendekatan penyampaian laporan.

## 1.2 *Konteks Kajian*

Menurut Morris (1985) seseorang ahli perniagaan perlu mempunyai kualiti personaliti yang tertentu. Sikap ialah salah satu aspek kualiti personaliti yang dimaksudkan oleh beliau. Sikap seseorang memainkan peranan penting di dalam menentukan sama ada seseorang itu mempunyai minat terhadap sesuatu pernia-gaan. Oleh kerana itu pelajar juga perlu mempunyai sikap yang positif terhadap bidang pemiagaan bagi membolehkan mereka meminati bidang keusahawanan. Sikap yang positif terhadap pemiagaan boleh membantu mereka sebagai seorang usahawan yang berjaya dan berupaya mengatasi masalah serta cabaran yang dihadapi. Swayne dan Tucker (1973) telah mengenai pasti empat halangan utama yang sebahagiannya berkaitan dengan sikap seseorang yang ingin memulakan

sesuatu perniagaan baru iaitu seperti berikut:

(a) Pasaran;
(b) Keperluan kewangan;
(c) Keluaran dan perkhidmatan; dan
(d) Penglibatan individu.

Di antara empat faktor tersebut, Swayne dan Tucker menjelaskan, penglibatan individu merupakan faktor yang terpenting. Ini bermakna penglibatan diri iaitu berkaitan dengan sikap seseorang memainkan peranan penting dalam menentukan seseorang meminati bidang perniagaan. Menurut Miller (1983) pula, kejayaan sebarang jenis perniagaan adalah bergantung kepada tiga faktor utama berdasarkan penentuan tingkat keusahawanan di dalam sesebuah organisasi seperti berikut:

(a) Personaliti/motivasi pemimpin;
(b) Pengetahuan usahawan dalam perniagaan dan teknikal; dan
(c) Pemusatan terhadap kuasa membuat keputusan.

Kedua-dua keterangan di atas jelas menerangkan bahawa sikap boleh memainkan peranan penting terhadap seseorang individu dalam bidang perniagaan dan keusahawanan. Dengan itu adalah wajar bagi pelajar mempunyai sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan supaya dapat memupuk minat mereka dalam bidang ini.

Bidang perniagaan yang melibatkan keusahawanan adalah merupakan salah satu aktiviti yang menarik dan berpotensi untuk mendapatkan ganjaran yang baik. Tambahan pula, bidang keusahawanan merupakan suatu pekerjaan yang boleh meningkatkan taraf hidup dan kepuasan peribadi serta kejayaan yang boleh dicapai daripadanya tanpa batasan (Kishel, 1981). Oleh kerana itu, pelajar-pelajar politeknik digalakkan untuk menceburkan diri di dalam bidang keusahawanan

yang boleh menawarkan ganjaran dan kepuasan peribadi apabila mengusahakan sesuatu perniagaan. Oleh kerana bidang keusahawanan merupakan suatu pekerjaan yang boleh menawarkan ganjaran dan kepuasan peribadi, adalah diramalkan bahawa lebih banyak usahawan diperlukan dalam masa lima belas tahun lagi bagi memenuhi permintaan untuk makanan, bahan-bahan mentah dan keluaran (Quinn, 1979). Perkembangan ini seharusnya dijadikan motivasi kepada pelajar-pelajar politeknik tentang perlunya usahawan di dalam ekonomi yang produktif.

Oleh kerana bidang keusahawanan kelihatan semakin diminati sejak tahun kebelakangan ini, banyak perniagaan baru dan kecil telah wujud dalam berbagai fesyen. Setiap individu didapati ingin memulakan, membiayai dan mendirikan-nya (Hargreaves, 1984). Sehubungan dengan itu, seramai dua setengah juta orang telah mendirikan perniagaan sendiri di United Kingdom. Daripada jumlah ini satu setengah juta telah bekerja sendiri dan selebihnya bekerja sebagai pengarah dalam syarikat tanggungan berhad mereka. Sekarang, jumlah mereka yang mendirikan perniagaan sendiri adalah lebih kurang lima belas ribu orang pada setiap bulan (Nicholls dan Thornton, 1986). Pengetahuan terhadap per-kembangan ini boleh mendorong pelajar-pelajar politeknik supaya mereka lebih cenderung ke arah keusahawanan sebagai pilihan kerjaya setelah mereka menamatkan pengajian.

Pada hari ini, suatu fakta yang telah diterima umum ialah mengenai sumbangan usahawan yang positif dan produktif dalam pembangunan ekonomi negara. Usahawan dihubungkan sebagai agen keperluan pergerakan modal, mengguna-kan sumber-sumber asli, mewujudkan pasaran dan mengendalikan perniagaan (Pascual, 1990). Oleh itu, tanggapan masyarakat terhadap usahawan sewajarnya dipandang tinggi. Tanggapan ini dapat mengubah sikap sesetengah individu yang

mungkin mengatakan bidang keusahawanan adalah untuk mereka yang tidak mempunyai pekerjaan. Ia seharusnya menjadi daya tarikan kepada pelajar-pelajar politeknik untuk memilih bidang keusahawanan sebagai suatu pekerjaan yang baik.

Untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya, mereka haruslah mempunyai ciri-ciri kejayaan sebagai seseorang usahawan. Burton (1987) menyatakan seseorang yang ingin berjaya di dalam sesuatu perniagaan harus melihat ciri-ciri kejayaan usahawan yang berjaya. Dewing (1919) telah menyenaraikan ciri-ciri terpenting terhadap kejayaan seseorang usahawan seperti berikut:

(a) Daya imaginasi;
(b) Daya usaha; dan
(c) Pertimbangan dan ketahanan.

Kenyataan tersebut menunjukkan ciri-ciri terpenting kejayaan seseorang usahawan bergantung kepada daya imaginasi, daya usaha, pertimbangan dan ketahanan seseorang individu yang ada kaitan dengan sikap seseorang. Sikap positif terhadap keusahawanan boleh memberikan seseorang itu daya imaginasi, daya usaha serta pertimbangan dan ketahanan di dalam menjalankan sesuatu perniagaan. Pelajar-pelajar politeknik wajar mempunyai sikap seperti ini bagi membolehkan mereka mengatasi masalah dan berjaya di dalam sesuatu perniagaan.

Kejayaan seseorang usahawan bukan sahaja terletak di atas faktor-faktor sebagaimana yang dinyatakan oleh Dewing. Joseph Schumpeter (1934) pula telah memperkenalkan konsep innovasi sebagai peranan asas keusahawanan. Beliau menyatakan usahawan adalah mereka yang berinnovasi dalam perkara-perkara berikut:

(a) Memperkenalkan barangan atau perkhidmatan baru;
(b) Memperkenalkan kaedah baru mengenai pengeluaran;
(c) Mengendalikan pasaran baru;
(d) Mencari sumber baru mengenai bahan mentah; dan
(e) Menjalankan organisasi baru bagi sebarang industri.

Kenyataan Schumpeter menjelaskan kepada kita usahawan adalah mereka yang berinnovasi di dalam menghasilkan sesuatu keluaran. Perkara tersebut perlu disedari oleh pelajar-pelajar politeknik kerana usahawan yang berjaya perlu mempunyai innovasi yang merupakan salah satu daripada ciri-ciri keusahawanan.

## 1.3 *Pernyataan Masalah*

Menurut Daim (1994) para siswazah perlu berfikir sebagai seorang pencipta kerja daripada pencari kerja. Sekarang ini keadaan sudah berubah dan zaman mereka menanti pekerjaan sudah berlalu. Negara memerlukan golongan usahawan yang berkaliber dan berwawasan jauh untuk terus berjuang bagi mempastikan pertumbuhan ekonomi negara dapat dikekal dan ditingkatkan. Oleh itu, sumbangan para usahawan generasi muda akan datang sangat besar ertinya. Kenyataan Daim mengenai usaha ke arah menyediakan peluang pekerjaan sendiri di kalangan siswazah, ditujukan kepada generasi pelajar di Malaysia termasuklah pelajar-pelajar politeknik yang telah mendapat kemahiran dan latihan menerusi kurikulum yang terdapat di politeknik. Kemahiran dan latihan

praktikal yang diperolehi sepatutnya digunakan sebagai asas ke arah mengenali bidang keusahawanan. Menurut Timmons, yang dipetik oleh Salleh dan Gibb (1990) menyatakan pandangan mengenai kecekapan keusahawanan boleh dipengaruhi oleh pendidikan dan latihan. Oleh itu, pelajar-pelajar politeknik telah mempunyai latihan kemahiran yang boleh diketengahkan untuk mencipta pekerjaan sendiri dan seterusnya menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, sekali lagi sikap merupakan faktor terpenting bagi menentukan samada seseorang itu mempunyai kecenderungan dan minat yang mendalam untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Sungguhpun seseorang itu mempunyai pengetahuan dalam perniagaan dan keusahawanan, jika sikap mereka tidak positif terhadap keusahawanan, maka belum pasti mereka akan menceburkan diri di dalam bidang ini. Perubahan sikap yang lebih positif terhadap bidang keusahawanan perlu diketengahkan menerusi kurikulum politeknik bagi melahirkan lebih ramai usahawan di kalangan pelajar-pelajar politeknik di Malaysia. Kurikulum keusahawanan yang ada sekarang mungkin menumpukan kepada penubuhan sesuatu perniagaan dan tidak kepada membentuk perubahan sikap pelajar terhadap keusahawanan. Sekiranya ini dapat dibuktikan, satu pendekatan baru menerusi kurikulum keusahawanan perlu di buat di peringkat politeknik supaya dapat mengubah sikap dan pemikiran pelajar agar tidak lagi bersikap mengejar sijil dan diploma bagi kejayaan hidup dan status dalam masyarakat tetapi menjadikan politeknik sebagai sumber percambahan usahawan yang berpotensi untuk kemajuan diri pelajar-pelajar pada masa hadapan .

Menurut Salleh dan Gibb (1990) satu kelainan boleh dibuat di antara program-program yang mana lebih mengembangkan ‘enterprising students’ dan program-program umum yang boleh merangsang keusahawanan di kalangan pelajar. Oleh yang demikian, usaha ke arah mewujudkan lebih ramai usahawan yang berjaya

di kalangan pelajar politeknik perlulah mengambil kira faktor sikap pelajar terhadap bidang keusahawanan.

Objektif penubuhan politeknik antara lainnya ialah agar dapat membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat kerja dan tanggungjawab diri supaya dapat digunakan secara yang berfaedah dan produktif (Lapuran Status Politeknik, 1993). Persoalannya ialah sejauh manakah objektif tersebut dapat dilaksanakan dalam membentuk sikap pelajar terhadap penggunaan kemahiran mereka ke arah keusahawanan bagi mengwujudkan organisasi perniagaan. Objektif penubuhan politeknik juga untuk mengembangkan potensi dan memperbaiki kualiti hidup pelajar dengan cara meluaskan alam kecerdasannya sambil memperbaiki kemahiran dan pengetahuannya. Jika sikap pelajar masih ingin menjadi seorang pekerja dan bukan untuk menjadi seorang majikan objektif tersebut sukar dicapai. Sikap mereka harus dibentuk ke arah mencipta pekerjaan sendiri yang boleh menghasilkan peluang kerjaya. Sikap mereka yang cenderung untuk bekerja makan gaji perlu dikikis. Mereka harus menggunakan potensi diri dengan kemahiran dan pengetahuan yang telah dipelajari di politeknik untuk tujuan keusahawanan.

Berdasarkan kepada pernyataan masalah di atas, beberapa persoalan terhadap penyelidikan kajian ini boleh ditimbulkan seperti berikut:

(a) Sejauhmanakah pelajar-pelajar politeknik mempunyai ciri-ciri orientasi sikap keusahawanan iaitu pencapaian, penghargaan diri, kawalan peribadi dan innovasi?

(b) Sejauhmanakah hubungan di antara faktor-faktor demografi yang digunakan dalam kajian ini terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik?

(c) Sejauhmanakah orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar dapat dibentuk menerusi kurikulum yang dijalankan di politeknik?

## 1.4 *Objektif Kajian*

Objektif kajian ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu:

### 1.4.1 Objektif Umum

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia.

### 1.4.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian ini ialah untuk melihat perkara-perkara berikut:

(a) Adakah terdapat hubungan di antara faktor-faktor demografi yang digunakan dalam kajian ini seperti umur, jantina, keturunan, agama dan tempat tinggal mempengaruhi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik.

(b) Untuk melihat faktor latar belakang pendidikan seperti perbezaan jurusan di politeknik dan perbezaan jurusan semasa di sekolah menengah mempengaruhi sikap keusahawanan pelajar politeknik.

(c) Untuk melihat faktor mata pelajaran di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan di peringkat politeknik mempunyai hubungan terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik.

(d) Untuk melihat adakah terdapat hubungan terhadap mata pelajaran yang menjadi kegemaran mereka di peringkat SPM terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik.

(e) Untuk melihat adakah terdapat hubungan terhadap mata pelajaran yang tidak digemari di peringkat SPM terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik.

(f) Untuk melihat adakah terdapat hubungan terhadap pengalaman pelajar dalam perniagaan terhadap sikap keusahawanan.

(g) Untuk melihat adakah terdapat hubungan terhadap faktor latar belakang tahap pendidikan dan pekerjaan ibubapa terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik.

## 1.5 *Kepentingan Kajian*

Kepentingan kajian ini boleh dibahagikan kepada tiga tujuan utama. Pertamanya, ia boleh memberikan hala cara kepada pihak politeknik bagi merancang keperluan kurikulum dan latihan di masa hadapan dengan lebih berkesan ke arah mewujudkan sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar politeknik di Malaysia. Keduanya, mengenal pasti jenis kursus yang diperkenalkan di politeknik yang mampu mengembangkan orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik. Ketiganya, cadangan-cadangan yang berguna hasil dari penemuan kajian dapat membantu pihak politeknik untuk mengembangkan orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar.

## 1.6 *Skop, Andaian dan Batasan Kajian*

### 1.6.1 Skop Kajian

Skop kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar tahun akhir politeknik di Malaysia.

### 1.63 Andaian kajian

Andaian kajian ini adalah seperti berikut:

(a) Adalah diharapkan sampel yang dipilih iaitu pelajar tahun akhir politeknik di Malaysia dapat mewakili populasi kajian sebenar.

(b) Ciri-ciri dan sifat-sifat personaliti yang diketengahkan dalam Teori Orientasi Sikap Keusahawanan diharap dapat menggambarkan ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar politeknik di Malaysia.

### 1.6.3 Batasan kajian

Kajian ini mempunyai beberapa batasan seperti berikut:

(a) Isntrumen ujian yang digunakan dalam kajian ini telah menggunakan isntrumen yang telah diketengahkan oleh Robinson et al.(1991). Oleh itu ujian semula kebolehpercayaan (re-test reliability) soal selidik bagi kajian ini merupakan di antara perkara yang menjadi batasan dalam kajian ini. Soal selidik yang asal yang pernah digunakan oleh pengkaji terdahulu bagi mengkaji sikap keusahawanan perlu diuji semula bagi melihat kesesuaiannya. Batasan kajian ini menyentuh juga soal penterjemahan bahasa. Soal selidik yang asal di dalam Bahasa Inggeris (Lampiran 1.3) diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia yang mungkin boleh menjejaskan makna kenyataan dalam soal selidik.

(b) Norma median tahap sikap keusahawanan hanya terbatas kepada pelajar politeknik sahaja.

(c) Sampel kajian ini hanya pelajar tahun akhir politeknik. Hasil dari penemuan ini dapat diterima pakai secara umum (generalize) kepada pelajar politeknik sahaja.

## 1.7 *Definisi Istilah*

Istilah-istilah berikut adalah digunakan dalam kajian ini dan didefinisikan seperti berikut:

### (a) Sikap

Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan sikap bukannya dilahirkan tetapi diperolehi daripada pengalaman yang lepas yang dipelajar dan cenderung untuk membawa suatu perlakuan di masa hadapan. Semakin suka (favourable) sikap individu tersebut terhadap sesuatu objek, maka semakin besar kemungkinan individu tersebut bertindak terhadap suatu perlakuan. Begitu juga jika keadaan sebaliknya berlaku. Menurut Stagner (1937) sikap juga dibentuk oleh objek, arah dan darjah. Objek adalah aspek kognitif dari pengalaman seseorang individu. Arah adalah perasaan suka (favourable) atau tidak suka (unfavourable) terhadap sesuatu objek tersebut yang lahir daripada pengalaman individu. Darjah pula adalah kadar aktiviti yang dilakukan dan melahirkan situasi yang melibatkan sikap. Hawkin dan Coney (1980) menyatakan sikap adalah terdiri daripada kepercayaan dan kecenderungan untuk bertindak. Allport (1954) pula mendefinisikan sikap sebagai satu kesediaan mental dan saraf yang diatur mengikut pengalaman dan boleh mempengaruhi arah gerakbalas individu terhadap semua objek dan situasi yang mana individu tersebut terlibat.

### (b) Keusahawanan

Keusahawanan didefinisikan sebagai proses pengwujudan organisasi (Sapienza et al.1991). Definisi yang sama telah diberikan oleh Gartner (1989).

### (c) Usahawan

Perkataan usahawan berasal daripada perkataan Peranchis iaitu "Entreprende" yang membawa erti memikul tanggungjawab. Usahawan ialah seorang yang memikul tanggungjawab, mengelolakan, mengurus dan mengandaikan risiko-risiko mengenai 'suatu perniagaan (Kuratko dan Hodgetts, 1989). Menurut Drucker (1985) usahawan adalah mereka yang selalu mencari perubahan, ber-tindak terhadap perubahan dan mempergunakannya sebagai peluang. Pendekatan 'trait' pula, usahawan dilihat sebagai satu set ciri-ciri dan sifat-sifat personaliti (Gartner 1989).

### (d) Kreativiti

Mengikut Webster yang dipetik oleh Kao (1989) kreativiti didefinisikan sebagai kebolehan membawa sesuatu yang baru ke dalam kenyataan. Mengikut Matherly dan Goldsmith yang dipetik oleh Kuratko dan Hodgetts (1989) kreativiti ialah penghasilan idea-idea yang berkeputusan membaiki kecekapan atau ke-berkesanan sesuatu sistem.

### (e) Mengambil risiko

Mitton (1989) mendefinisikan usahawan sebagai orang yang gemar mengambil risiko, bersedia mencari dan mengurus keadaan yang tidak menentu dan menerima risiko serta boleh menjauhi daripada risiko. Usahawan mengandaikan risiko berhubung dengan keadaan yang tidak menentu dan tidak diinsurankan.

**(f) Lokus Kawalan (Locus of Control)**

Mengikut Rao yang dipetik oleh Burton (1987) lokus kawalan dalaman (internal locus of control) adalah menjadi ciri asas kepada seseorang yang bertindak sebagai agen perubahan dalam membaiki diri mereka, masyarakat atau organisasi mereka.

**(g) Penghargaan Diri (Self-Esteem)**

Penghargaan diri merujuk kepada keperluan untuk mendapat sanjungan daripada orang lain. Mengikut Maslow yang dipetik oleh McConnel (1983) keperluan sanjungan diri adalah penting untuk kehidupan manusia sebagaimana keperluan manusia terhadap air dan makanan.

**(h) Motivasi Pencapaian (Achievement Motivation)**

Definisi asal motivasi telah diberikan oleh Murray yang dipetik oleh Shaver dan Scott (1991) sebagai sistem personaliti. Perkataan motivasi berasal dari istilah Latin iaitu "Motivare" yang bermakna menggerak (McConnel 1983). Menurut beliau motivasi didefinisikan sebagai suatu siri persoalan mengenai mengapa individu berfikir, merasa dan berkelakuan sebagaimana mereka lakukan. McClelland (1961) menperkenalkan teori mengenai "Need Achievement" yang menyatakan bahawa seseorang individu dengan suatu keperluan pencapaian mempunyai kecenderungan yang kuat untuk memilih dan tugas yang tidak berganjak yang melibatkan satu standard kecemerlangan, tugas yang mencabar dan memerlukan kemahiran peribadi dan tanggungjawab untuk berjaya serta mempunyai suatu keinginan untuk maklumbalas. Beliau menambah keperluan pencapaian yang mendesak bagi seseorang individu menjadikan seseorang itu sebagai usahawan.

Menurut McClelland (1987) keperluan dan motif yang ditemui sebagai meramalkan keutamaan seorang individu adalah untuk mereka yang sederhana mengambil risiko atau gemar kepada kerja yang mencabar samada semasa bekerja atau bermain. Motif pencapaian telah dibahaskan sebagai meramalkan kecenderungan seseorang untuk menerima tanggungjawab peribadi dalam suatu tugas yang mencabar. McClelland mencadangkan mereka yang mempunyai suatu keperluan yang tinggi untuk pencapaian menekankan nilai yang besar ke atas maklumbalas pencapaian. Beliau juga menyatakan mereka yang mempunyai suatu keperluan yang tinggi untuk pencapaian adalah lebih innovatif kerana mereka adalah seorang yang inginkan sesuatu yang lebih baik.

**(i) Innovasi**

Mengikut Drucker (1985) innovasi ialah mempergunakan perubahan sebagai suatu peluang untuk suatu perniagaan atau untuk satu perkhdimatan yang berbeza. Mengikut Kuratko dan Hodgetts (1989) innovasi ialah satu proses yang mana usahawan-usahawan menukarkan peluang-peluang ke dalam idea yang boleh di pasarkan.

**(j) Demografi**

Demografi bagi maksud kajian adalah merujuk kepada ciri-ciri yang merupakan maklumat mengenai jantina, umur, bangsa, taraf perkahwinan, tempat tinggal, kerjaya dan latar belakang keluarga.

### 1.8 *Pendekatan Penyampaian Laporan*

Laporan terhadap kajian ini dipersembahkan dalam enam bab. Bab pertama mengariskan mengenai pernyataan masalah, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian, andaian dan batasan kajian dan definisi istilah. Bab ke dua ialah mengenai pendidikan politeknik di Malaysia yang mengariskan objektif

politeknik, pembangunan pendidikan keusahawanan di politeknik clan kepentingan pendidikan keusahawanan di politeknik. Ulasan karya dibentangkan dalam Bab 3 yang mengenengahkan perspektif keusahawanan menurut pelbagai disiplin, ciri-ciri keusahawanan, pendekatan terhadap kajian keusahawanan dan ulasan karya faktor-faktor yang mempengaruhi keusahawanan. Berdasarkan kepada ulasan karya ini, dicadangkan satu model kajian. Di akhir bab ini, beberapa hipotesis utama dicadangkan. Bab ke empat ialah mengenai methodologi kajian yang mengariskan rekabentuk kajian, instrumentasi dan kaedah menganalisis data. Bab ke lima akan menggariskan hipotesis secara terperinci dan diikuti dengan analisis dan penemuan. Seterusnya bab ke enam akan mengemukakan ringkasan penemuan, cadangan dan penutup.

**Rujukau:**


Allport, G. W.(1935). **Attitudes,** In C. A. Murchison (ed.), A Handbook of Social Psychology, Worcester, Mass, Clark University Press, m.s.798-844.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (1993). **Laporan Status,** Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Burton R.P.(1987). **Prediction of Entrepreneurship Based On An Attitude Consistency Model,** PhD.Thesis, Brigham Young University.

Daim Zainuddin, Tun.(1994). "Siswazah Perlu Cipta Kerja". **Utusan Malaysia,** Januari, 4, hal. 2.

Dewing, A. **S.** (1919). **The Financial Policy of Corporation. New** York, N. Y., Ronald Press, m.s.245254.

Drucker, P. F. (1974). **Management: Tasks, Responsibilities, Practices. New** York, N. Y., Harper & Row, m.s.45-47.

Drucker, P. F. (1985). **Innovation and Entrepreneurship.** London: William Heinemann Ltd..

Fishbein, M. and Ajzen, I. **(1975). Belief, Attitude, Intention and Behavior.** New York: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.

Gartner, W. B. (1989). "Who Is an Entrepreneur? Is the Wrong Question", **Journal of Ent reprenuership Theory and Practice,** m. s. 47-49.

Hargreaves R. B. (1984). **Starting a Business,** London: William Heinemann Ltd.

Hawkins, D. **I.** dan Coney, A. K.(1980). **Consumer Behavior,** Dallas, Texas: Business Publication Inc.

Herron, L., Sapienza, H. J., dan Cook D. S. (1991)."Entrepreneurship Theory from an Interdisciplinary Perspective", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. I. m.s.9-12.

Kishel, Gregory F.(1981). **How to start,run, and stay in business,** Toronto: John Wiley & Sons, Inc.

Kuratko, D. F. dan Hodgetts, R. M. (1989). **Entrepreneurship, A Contemporary Approach,** New York: The Dryden Press.

McConnell, J. V. (1983). **Understanding Human Behavior,** 2nd Ed. : New York: Holt, CBS college Publishing.

Miller, D.( 1983). "The Correlates of Entrepreneurship in Three Types of Firms", **Management Science,** July, m. s.770-791.

Mitton, D. G. (1989). "The Compleat Entrepreneur", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** m.s.9-11.

Mohd Salleh Hj . Din dan Gibb, A. A. **(1990). "Small Business and Entrepreneurship Education, An Innovative Approach",** International Conference on Small and Medium Scale Enterprise, Pulau Langkawi, 28-30 May.

Morris MJ.(1985). **Starting A Successful Small Business,** London: Kogan Page Limited.

Nicholls, G. dan Thornton, G.(1986). **101, Ways to run a business profitably,** London: Telegraph Publication.

Pascual, C. R.(1990). **"Strategy For The Development of A Country's SME"**, The Entrepreneurship Development For Collegiate Education Level, International Conference on Small and Medium Scale Enterprise, Pulau Langkawi, 28-30 May.

Quinn, J. B. (1979). "Technological innovation, entrepreneurship and strategy", **Sloan Management Review,** Vol.20(1), m.s. 19-30.

Schumpeter, J. A.(1934). **The Theory of Economic Development, in Studies in Economic Development,** Cambridge Mass, Harvard University Press.

Schumpeter, J. A. **(1948). "Economic Theory and Entrepreneurial History, in Change and the Entrepreneur",** Research Center in Entrepreneurial History, Cambridge, Mass, Harvard University Press, m.s.63-66.

Shaver, K. G. dan Scott, L. R.(1991). "Person, Proses, Choice: The Psychology of New Venture Creation", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** m.s.30-31.

Stegner, R. (1965). **Psychology of Personality,** New York: McGraw Hill Book co.

Swayne, C. B. dan Tucker, W. R. (1973). **The Effective Entrepreneur,** Morristown, N. J.: General Learning Press.

# BAB2

## PENDIDIKAN POLITEKNIK DI MALAYSIA

### 2.1 *Pengenalan*

Bab ini menerangkan mengenai penubuhan politeknik di Malaysia, objektif penubuhan politeknik, politeknik-politeknik di Malaysia, pembangunan pendidikan keusahawanan di politeknik dan seterusnya kepentingan pendidikan keusahawanan di politeknik.

### 2.2 *Penubuhan Politeknik LX Malaysia*

Pentadbiran politeknik di Malaysia adalah di bawah bahagian pendidikan Teknik dan Vokasional (BPTV), Kementerian Pendidikan. Bahagian ini telah membawa perubahan yang besar terhadap program pendidikan politeknik dalam rancangan pembangunan ekonomi dan sumber tenaga manusia. Pendidikan teknikal peringkat lepasan sekolah menengah di Malaysia bermula dengan tertubuhnya Politeknik Ungku Omar, Ipoh, pada tahun **1969** (BPTV, Lapuran Status, **1993).**

## 2.3 *Objektif Penubuhan Politeknik*

Objektif penubuhan politeknik adalah selaras dengan matlamat pendidikan negara yang bertujuan:

> "...untuk mempastikan bahawa keperluan tenaga rakyat negara dapat dipenuhi sama ada dari segi jangka pendek mahupun jangka panjang, dan lebih-lebih lagi untuk mempastikan bahawa sistem pendidikan itu dapat memenuhi matlamat negara ke arah melahirkan masyarakat yang bersatupadu, berdisplin dan terlatih. " (BPTV. Lapuran Status, 1993).

Berdasarkan kepada matlamat pendidikan negara, maka objektif Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional telah digubal seperti berikut:

(a) Bagi memenuhi kehendak negara dalam melatih pelajar lepasan sekolah menengah atas untuk mewujudkan tenaga separa profesional di peringkat sijil dan diploma dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan lam-lain teknologi.

(b) Membentuk kemahiran, kebolehan, kefahaman, sikap, tabiat kerja dan tanggungjawab dalam diri penuntut supaya dapat digunakan secara berfaedah dan produktif.

(c) Membantu di dalam perindustrian dan proses pemodenan dengan memberi sumbangan gunatenaga ke arah pembangunan industri yang lebih produktif.

(d) Membantu mengembangkan potensi penuntut dan memperbaiki lagi kualiti hidupnya dengan cara meluaskan lagi alam kecerdasan, disamping memperbaiki kemahiran dan pengetahuannya.

## 2.4 *Politeknik-Politeknik Di Malaysia*

Terdapat tujuh buah politeknik di negara ini yang terletak di Ipoh, Kuantan, Alor Setar, Batu Pahat, Kota Bharu, Kuching dan Port Dickson. Lampiran 2.1 menunjukkan bilangan politeknik mengikut negeri dan tahun ditubuhkan sehingga Disember, 1993. Lampiran 2.2 menggambarkan lokasi politeknik-politeknik di Malaysia. Senarai kedudukan keluaran (output) pelajar politeknik mengikut kursus dari tahun 1984 hingga 1993 ditunjukkan dalam Lampiran 2.3. Keterangan ringkas tujuh buah politeknik adalah seperti berikut:

### (a) Politeknik Ungku Omar

Politeknik Ungku Omar, Ipoh, merupakan politeknik pertama di Malaysia yang telah ditubuhkan pada tahun 1969. Pada tahun 1980an, ia telah berkembang pesat terutamanya dalam penambahan tenaga pengajar dan bangunan baru bagi menampung peningkatan kemasukan pelajar. Politeknik ini mampu mengambil pelajar seramai satu ribu tiga ratus orang setahun dan jumlah pelajar sekarang ialah tiga ribu orang. Politeknik ini menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan seperti elektrik, pembinaan awam, jentera am serta dalam bidang perniagaan dan perakaunan. Ia merupakan sebuah politeknik yang unik kerana menawarkan kursus pada peringkat diploma dalam bidang Kejuruteraan Perkapalan. Kursus seperti ini tidak terdapat di lain-lain politeknik di Malaysia.

### (b) Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah

Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang, telah ditubuhkan pada tahun 1976. Politeknik ini mampu mengambil pelajar seramai sembilan ratus orang setahun dan jumlah pelajar sekarang ialah dua ribu orang. Ia menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan seperti elektrik, pembinaan awam, jentera am, komputer serta perniagaan dan perakaunan. Ia merupakan sebuah

lagi politeknik yang unik selain daripada Politeknik Ungku Omar, Ipoh, kerana menawarkan kursus Teknologi Memproses Makanan yang mana kursus seperti ini tidak terdapat di lain-lain politeknik di Malaysia.

### (c) Politekuik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah

Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah, telah ditubuhkan pada tahun 1984. Ia mampu mengambil pelajar seramai lapan ratus orang setahun dan jumlah pelajar sekarang ialah satu ribu empat ratus orang. Ia juga menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan, perniagaan dan perakaunan seperti yang terdapat di politeknik lain.

### (d) Politekuik Kota Bharu

Politeknik Kota Baru, Kelantan, telah ditubuhkan pada tahun 1985. Politeknik ini mampu mengambil pelajar seramai satu ribu orang setahun dan jumlah pelajar sekarang ialah satu ribu tujuh ratus orang. Ia juga menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan, perniagaan dan perakaunan. Ia merupakan sebuah lagi politeknik yang unik di Malaysia kerana menawarkan kursus dalam bidang Kej uru teraan Pertanian .

### (e) Politekuik Kuching, Sarawak

Politeknik Kuching, Sarawak, telah ditubuhkan pada tahun 1987. Jumlah pelajar politeknik ini sekarang ialah enam ratus orang. Ia juga menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan seperti elektrik, pembinaan awam, jentera am, serta kursus dalam perniagaan dan perakaunan. Keunikan politeknik ini ialah dari segi usahanya menjalin hubungan kerjasama dengan PETRONAS dan telah memperkenalkan kursus-kursus baru yang berkaitan dengan industri petroleum.

### (f) Politeknik Port Dickson

Politeknik Port Dickson, Seremban, Negeri Sembilan, telah ditubuhkan pada tahun 1990. Jumlah pelajar politeknik ini sekarang ialah satu ribu tiga ratus orang. Politeknik ini menawarkan kursus-kursus dalam bidang kejuruteraan, pemiagaan dan perakaunan seperti yang terdapat di politeknik lain.

### (g) Politeknik Batu Pahat

Politeknik Batu Pahat, Johor, dijadikan sebagai pusat latihan kakitangan politeknik. Keperluan tersebut untuk memenuhi permintaan tenaga pengajar yang terus meningkat dan bagi memenuhi permintaan tenaga pengajar bagi empat buah lagi politeknik baru yang akan ditubuhkan di bawah Rancangan Malaysia ke Enam. Pusat latihan ini akan menawarkan kursus di peringkat sarjana muda dalam bidang pembinaan awam, elektrik dan kejuruteraan jentera. Pada peringkat sarjana, ia akan menawarkan kursus dalam bidang sains pendidikan dan teknikal. Pada peringkat sijil pula ia akan menawarkan kursus dalam bidang pendidikan teknikal.

## *2.5 Pembangunan Pendidikan Keusahawanan Di Politeknik*

Tokoh-tokoh pendidikan negara dan para pengkaji mengenai pendidikan keusahawanan tidak banyak membuat penyelidikan ke atas pembangunan pendidikan keusahawanan di politeknik-politeknik di Malaysia. Keadaan ini berbeza jika dibandingkan dengan pengkajian mengenai program keusahawanan di universiti-universiti di Malaysia. Menurut Abidin (1987) terdapat banyak program-program keusahawanan di kalangan siswazah universiti telah dijalankan, bertujuan untuk melahirkan para graduan yang terlatih dan mempunyai motivasi yang tinggi serta bersedia bagi memulakan perusahaan sendiri.

Menurut Salleh (1992) hanya sekarang ini perhatian istimewa telah diberikan oleh institusi pengajian tinggi dengan menawarkan kursus dalam bidang keusahawanan bagi mengembangkan keusahawanan pelajar yang mana akhirnya membolehkan mereka menceburkan diri dalam perniagaan sendiri. Beliau menjelaskan, sekarang ini sekurang-kurangnya hanya terdapat tiga buah sekolah perniagaan di Malaysia iaitu Institut Teknologi Mara (ITM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) yang telah memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pembangunan keusahawanan atau pemiagaan kecil .

Berdasarkan wawancara dengan Ketua Jabatan Perdagangan, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Syah (Polimas), kurikulum keusahawanan telah di-perkenalkan di politeknik pada tahun 1987 menerusi subjek Amalan Pemiagaan Kecil. Subjek ini diberi dua waktu seminggu bagi semua pelajar semester akhir jurusan kejuruteraan di semua politeknik. Objektif utama kurikulum tersebut adalah untuk memperkenalkan asas amalan perniagaan kecil kepada pelajar-pelajar politeknik. Beliau menjelaskan jurusan perdagangan tidak mengambil mata pelajaran tersebut kerana kurikulum jurusan perdagangan telah meliputi aspek pengurusan dan perniagaan. Bagi memperkemas dan mempertingkatkan lagi kandungan kurikulum yang lebih menjurus kepada bidang keusahawanan, satu jawatankuasa peringkat politeknik telah dibentuk untuk menyediakan kurikulum subjek Amalan Perniagaan Kecil dalam panduan mengajar di semua politeknik. Pada tahun 1990 jawatan kuasa tersebut telah mengadakan perbin-cangan mengenainya di Port Dickson. Hasil daripada perbincangan itu, pada tahun 1991 kurikulum yang menjurus kepada keusahawanan telah digubal dengan mendapat nasihat daripada kakitangan Pusat Pembangunan Keusa-hawanan.

Mara (MEDEC). Maka pada tahun 1992 mata pelajaran asas keusahawanan telah dibentuk dan dapat digunakan disemua jurusan kejuruteraan politeknik di Malaysia.

Kandungan kurikulum kursus keusahawanan di politeknik meliputi ciri-ciri keusahawanan, jenis-jenis perniagaan dan undang-undang perdagangan. Berdasarkan wawancara dengan Ketua Jabatan Perdagangan Polimas, menjelaskan pada bulan Februari dan September, 1993, satu mesyuarat bagi membincangkan mengenai kurikulum ini telah di adakan untuk membuat satu keputusan bahawa kursus asas keusahawanan hendaklah dijalankan di semua jurusan di politeknik termasuk jurusan perdagangan. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh semua ketua-ketua jabatan dan telah dipengerusikan oleh Penolong Ketua Pengarah BPTV. Beliau menyatakan pada peringkat permulaan tahun 1987, kakitangan yang menjadi tenaga pengajar bagi kursus ini adalah terdiri daripada kakitangan jabatan perdagangan. Tetapi pada tahun 1993 tenaga pengajar bagi kursus ini telah melibatkan tenaga pengajar dari semua jabatan di politeknik.

Pada tahun 1991 dua orang pegawai kanan politeknik dari jabatan perdagangan telah dihantar berkursus di Bangkok dan Manila selama dua minggu untuk menghadiri kursus dalam bidang keusahawanan di bawah tajaan rancangan Colombo. Menyedari bahawa pentingnya kakitangan perlu didedahkan kepada kursus keusahawanan, maka pada tahun 1992, BPTV telah menghantar seramai lebih kurang 30 orang kakitangan dari seluruh politeknik untuk berkursus di Mimaland.

Polimas telah mengambil inisiatif dalam meningkatkan moral pelajar-pelajar terhadap bidang keusahawanan dengan menubuhkan satu jawatankuasa keusahawanan yang bertujuan untuk menjalankan aktiviti-aktiviti keusahawanan. Jawatankuasa ini telah mengadakan sebuah pusat bagi mengembangankan bakat, kreativiti, innovasi dan memasarkan hasil keluaran pelajar-pelajar.

Bagi mendapatkan sedikit sebanyak pengalaman terhadap bidang perniagaan, maka koperasi telah ditubuhkan di semua politeknik di Malaysia. Koperasi ini dianggotai oleh pelajar-pelajar politeknik dan menjadi kewajipan bagi setiap pelajar menjadi ahli koperasi. Perjalanan koperasi ini diurus oleh pelajar-pelajar dan dibantu oleh guru penasihat mereka.

Program bagi pembangunan keusahawanan di politeknik didapati tidaklah begitu ketara dan masih berada pada tahap asas serta dicampurkan dengan amalan pemiagaan kecil. Keadaan ini berbeza sebagaimana yang terdapat di universiti-universiti di Malaysia iaitu program pembangunan keusahawanannya lebih menyeluruh yang meliputi pendidikan keusahawanan. Kurikulum keusahawanan di politeknik seharusnya mampu melatih pelajar memupuk kesedaran terhadap keusahawanan dengan memberikan tumpuan kepada ciri-ciri keusahawanan iaitu seperti mewujudkan keperluan pencapaian motivasi yang tinggi di kalangan pelajar, mewujudkan penghargaan diri (self-esteem), innovasi, kreativiti, lokus kawalan dalaman dan pengambilan risiko. Unsur-unsur ini perlu di berikan penekanan di dalam pembentukan kurikulum keusahawanan politeknik di Malaysia.

Kurikulum politeknik yang tidak menjurus kepada bidang keusahawanan mung-kin disebabkan objektif penubuhan politeknik hanya untuk melahirkan tenaga separa profesional di peringkat sijil dan diploma dalam bidang perniagaan dan kejuruteraan bagi menyediakan tenaga pekerja untuk keperluan sektor perdagangan dan perindustrian. Maka objektif ini harus diubah supaya lebih

strategik dan dapat menyesuaikan dengan keperluan dan kehendak semasa negara yang berhadapan dengan isu untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2000. Oleh itu, objektif politeknik mesti melihat kepada pembangunan pendidikan keusahawanan bagi melahirkan lulusan politeknik yang boleh mencipta pekerjaan sendiri dengan menggunakan kemahiran yang diperolehi di politeknik. Dengan itu mereka boleh merebut peluang-peluang yang terdapat dalam sektor perdagangan serta perindustrian sebagai seorang usahawan yang mewujudkan organisasi. Kenyataan tersebut adalah sesuai dengan saranan mengenai keperluan merekabentuk semula secara menyeluruh sistem pendidikan di Malaysia. Sistem yang sedia ada tidak lagi sesuai dengan wawasan negara untuk menjadi sebuah negara maju menjelang tahun 2020 yang telah diutarakan oleh tokoh akademik negara iaitu Profesor Diraja Ungku Aziz (Utusan Malaysia, 26 Januari 1994). Menurut beliau:

> "Kita perlu berbincang dan merangka semula sistem itu keseluruhannya .... daripada peringkat pra sekolah hingga ke ijazah lanjutan."
>
> (Utusan Malaysia, 26 Januari 1994)

Dalam mengulas kenyataan yang diutarakan oleh Profesor Diraja Ungku Aziz, Sulaiman (1994) menyatakan:

> "Kementerian sentiasa membuat penilaian yang berterusan ke atas sistem pendidikan negara dan jika dirasakan perlu diubah atau dipinda, kita akan melakukannya."
>
> (Utusan Malaysia, 27 Januari 1994)

Menyentuh soal menyemak kembali kurikulum pendidikan di negara ini, Sham (1994) menggesa semua fakulti di Universiti Kebangsaan Malaysia perlu menyemak kembali kurikulum yang digunakan dengan memasukkan unsur-unsur yang agak liberal. Ini kerana, di samping menjurus kepada suatu bidang tertentu kita juga tidak melupakan kepentingan dan kepakaran siswazah untuk mengetahui tentang perkara-perkara lain di luar bidang mereka. Beliau menjelaskan, seorang jurutera perlu mengetahui hal-ha1 lain selain daripada bidang mereka seperti berpengetahuan tentang pengurusan, perbezaan budaya, keupayaan untuk berkomunikasi dengan lebih efektif, berfikir dengan kritis dan lebih terbuka. Pentingnya kenyataan Sham terhadap penyelidikan ini menunjukkan perlunya perubahan di dalam kurikulum pendidikan yang telah memperlihatkan bidang pengetahuan yang diperolehi oleh pelajar-pelajar. Seorang juruteknik lepasan politeknik juga memerlukan kemahiran seperti yang dinyatakan oleh Sham. Juruteknik lulusan politeknik perlu dilatih dengan kemahiran teknik yang boleh digunakan ke arah bidang keusahawanan yang akan menghasilkan pekerjaan sendiri dan peluang kerjaya yang lebih luas.

Jilca perubahan di dalam sistem pendidikan negara berlaku, ini bermakna ia akan melibatkan sistem pendidikan di semua institusi pengajian termasuk politeknik. Oleh itu, diharapkan perubahan tersebut meliputi pembangunan pendidikan keusahawanan di politeknik. Keperluan ini penting kerana pembangunan keusahawanan telah mendapat perhatian serius sejak beberapa tahun yang lalu dan sekarang terdapat beberapa institusi yang telah mengkhusus dalam membangunkan dan merangsang keusahawanan (Sharma, 1992). Beliau menjelaskan tujuan utama rancangan pembangunan keusahawanan beberapa tahun lagi ialah

bagi mencari pengertian dan cara bagi mencapainya. Pendekatan terkini mengenai keusahawanan yang dinyatakan oleh Sharma adalah ke arah penekanan kepada ciri-ciri seperti berikut:

(a) Usahawan adalah 'trail-blazers' atau 'innovator' dalam sesetengah hubungan;

(b) Mereka boleh dikenalpasti melalui ciri-ciri demografi, sosial, ekonomi dan psikologi; dan

(c) Usahawan dan keusahawanan boleh dirangsangkan, ditingkatkan dan dikawal.

Oleh itu pendekatan yang dinyatakan oleh Sharma (1992) di atas memperlihatkan bahawa usahawan dan keusahawanan boleh dirangsang, ditingkatkan dan dikawal yang boleh memberikan panduan dan dorongan terhadap mana-mana institusi dalam mewujudkan pendidikan keusahawanan bagi melahirkan pelajar-pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap keusahawanan. Menurut beliau lagi, sokongan dan stimulasi yang dirancang boleh disesuaikan sebagai satu strategi yang penting untuk pembangunan perindustrian terutamanya dalam negara membangun. Sebagai contoh, pembangunan kepada pendidikan teknik di India, penyesuaian polisi stimulasi dan merancang pembangunan keusahawanan mempunyai kesan keatas pembangunan keusahawanan di dalam pendidikan teknik di India. Pemuda-pemuda yang terlatih dalam bidang teknikal dari luar bandar telah memulakan aktiviti keusahawanan. Peluang-peluang pekerjaan yang sedikit dan syarat perkhidmatan yang tidak menarik telah menjadikan bidang keusahawanan dipandang tinggi di kalangan pemuda-pemuda yang terlatih dalam bidang teknikal. Beliau menegaskan adalah menjadi cabaran kepada ahli

teknologi, pembuat polisi, pentadbir-pentadbir, ahli pembangunan dan institusi pendidikan terhadap pembangunan keusahawanan.

Kenyataan Sharma (1992) mengenai pembangunan keusahawanan boleh dijadikan panduan mengenai perlunya keperluan latihan diberi penekanan kepada pelajar-pelajar dalam bidang keusahawanan khususnya, pelajar yang mempunyai kemahiran teknikal agar mereka boleh menggunakan kemahiran yang dipelajari bagi tujuan keusahawanan. Oleh itu, politeknik adalah salah sebuah institusi yang berpotensi untuk kemajuan program pembangunan keusahawanan.

Menurut Schwalb, Grosse dan Romero (1988) kaedah biasa yang digunakan oleh sekolah-sekolah perniagaan untuk menjadikan bidang keusahawanan sesuai dalam kurikulum adalah seperti berikut:

(a) Kajian kes;
(b) 'Internship';
(c) Kursus keusahawanan; dan
(d) Program yang memerlukan pelajar mewujudkan firma sebenar.

Program yang menggunakan model ini dibangunkan oleh Universidad del Pacifico di Peru. Ia ditubuhkan pada tahun 1985 sebagai tindakbalas terhadap krisis ekonomi di Peru. Program de Entrenamiento Gerencia (PEG) berhasrat untuk melahirkan pengurus-pengurus perniagaan yang boleh menguasai persekitaran dan meneruskan operasi firma mereka. Sumber kewangan keseluruhannya dibiayai oleh pelajar sendiri, firma-firma baru ini diperbadankan mengikut undang-undang, membayar cukai dan menumpukan perhatian kepada jualan dan industri perkhidmatan. Pengalaman tahun pertama program ini telah mewujudkan 161 buah pekerjaan di 80 buah firma kepunyaan pelajar sendiri dan 30 orang pekerja tambahan diambil bekerja. Kos pentadbiran universiti dapat dikurangkan kerana masyarakat sekitar telah menerima program tersebut. Hasil

kajian ini menunjukkan amat penting bagi politeknik mencontohi usaha-usaha membangunkan keusahawanan di kalangan pelajar sekolah seperti yang dijalankan oleh PEG.

Robinson dan Haynes (199 1) menyatakan bidang keusahawanan telah berkembang dengan kadar yang dramatik selepas 20 tahun yang lalu. Kajian telah dijalankan menerusi perbualan telefon kepada 232 buah universiti dan sekurang-kurangnya 10,000 pelajar telah diarahkan untuk menentukan sejauhmanakah perkembangan program pendidikan keusahawanan menumpukan kepada bidang keusahawanan. Kajian ini telah disusuli dengan tinjauan melalui surat bagi mengesahkan maklumat yang diperolehi menerusi perbualan telefon. Keputusan menunjukkan bahawa program pendidikan adalah tersibar dengan luasnya menerusi sistem segmen pendidikan ini tetapi ianya tidak berkembang. Cabaran kepada pendidikan keusahawanan bukannya sekadar meneruskan pengembangan bidang tersebut tetapi mengembangkan program yang wujud dan membangunkan kakitangan serta membaiki kualiti bidang berkenaan. Kajian oleh Robinson dan Haynes (199 1) dapat dijadikan panduan kepada pembangunan pendidikan keusahawanan di politeknik. Program yang telah wujud wajar dikembangkan dan membaiki kualiti kakitangan dalam bidang ini yang akhirnya dapat membaiki kualiti bidang keusahawanan di politeknik.

### *2.6 Kepentingan Pendidikan Keusahawanan LX Politeknik*

Peranan politeknik adalah untuk melahirkan tenaga pekerja separa profesional pada peringkat sijil dan diploma bagi memenuhi keperluan dan permintaan negara dalam sektor perindustrian dan perdagangan. Politeknik juga wajar melihat tentang kepentingan pembangunan keusahawanan sesuai dengan kehendak dan keperluan semasa negara yang berhadapan dengan isu untuk menjadi negara maju menjelang tahun 2000. Kepentingan pendidikan

keusahawanan di politeknik dapat dilihat daripada kajian-kajian mengenai kejayaan pendidikan keusahawanan di institusi negara ini dan di lain negara agar dapat dijadikan contoh terhadap kepentingan program pendidikan keusahawanan politeknik di Malaysia.

Menurut Ashmore dan Pritz (1983), secara tradisinya pendidikan teknik dan vokasional bertujuan untuk menjadikan pelajar-pelajar sebagai pekerja. Sebenarnya terdapat peluang kerjaya yang lain iaitu pelajar-pelajar boleh mempelajari bagaimana memulakan dan mengurus perniagaan mereka sendiri untuk membolehkan mereka menjadi seorang usahawan. Beliau menjelaskan pendidikan teknik dan vokasional dengan keadaan semulajadinya, adalah amat sesuai bagi membangunkan keusahawanan. Pendidikan keusahawanan amat penting dibangunkan dan digabungkan sebagai satu yang berbeza dengan mata pelajaran lain tetapi selari dengan semua program pendidikan teknik dan vokasional. Mereka menjelaskan pendidikan keusahawanan penting dibangunkan di institusi pengajian dan di vokasional adalah berdasarkan justifikasi berikut:

(a) Pendidikan keusahawanan pada asasnya adalah amat berkurangan di sekolah-sekolah. Pendidikan keusahawanan yang wujud hanya dimasukkan ke dalam kursus yang sedia ada atau dalam program disiplin vokasional;

(b) Secara umumnya, pendidik-pendidik menyediakan individu sebagai pekerja dan bukannya sebagai majikan. Oleh itu adalah perlu satu program diadakan untuk membantu mendidik pelajar-pelajar menjadi majikan;

(c) Pendidikan kerjaya kurang berkesan untuk memberi sumbangan dalam mengenalkan individu terhadap bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;

(d) Kandungan program pengajaran keusahawanan mestilah berasaskan kepada penemuan kajian;

(e) Pembelajaran tertentu adalah secara berkumpulan yang menekankan kepada asas keusahawanan dan bukannya jenis-jenis perniagaan;

(f) Latihan untuk membentuk seorang usahawan meliputi tiga bidang utama iaitu kesedaran untuk memupuk personaliti seorang usahawan, pengetahuan mengenai apa yang diperlukan bagi mendirikan suatu perniagaan dan penggunaan prinsip-prinsip keusahawanan bagi mengelola dan mengurus suatu perniagaan;

(g) Menyedia dan mendapatkan bahan-bahan pengajaran dari pihak kerajaan serta badan-badan penerbit perniagaan bagi menyediakan sumber utama pengajaran harian di bilik darjah;

(h) Suatu program pengajaran amat berkesan, jika ianya mudah lentur digunakan dalam suatu persekitaran pembelajaran yang pelbagai;

(i) Bahan-bahan pengajaran mestilah bersesuaian kepada pelbagai gaya pengajaran dan pembelajaran;

(j) Satu program pengajaran yang mampu berterusan mesti mengandungi bahan-bahan yang mencukupi untuk perancangan pelatih dan pelajar serta mempunyai sumber pembelajaran untuk pelajar; dan

(k) Pembelajaran ialah pencapaian terbaik bila ianya merupakan satu proses yang progresif dari perkara yang mudah kepada yang kompleks dan bila ianya memenuhi keperluan semasa pelajar.

Anderson (1984) di dalam kajiannya mendapati dua pertiga daripada keseluruhan siswazah universiti Harvard mengambil kursus pengurusan keusa-hawanan yang ditawarkan di universiti tersebut. Sebanyak 80 peratus siswazah

tahun pertama universiti tersebut ingin membuka perniagaan mereka sendiri. Kajian ini mencatatkan bahawa sepuluh tahun yang lalu hanya 5 peratus dari siswazah universiti tersebut telah mengambil pengkhususan dalam perniagaan tetapi kini jumlahnya telah meningkat kepada 40 peratus. Hasil kajian ini mendapati siswazah tidak lagi bersikap negatif terhadap perniagaan tetapi mereka ingin menceburkan diri dalam bidang tersebut. Ini bermakna menerusi kurikulum keusahawanan pelajar yang bersikap positif terhadap bidang tersebut boleh diwujudkan. Langkah yang dijalankan oleh universiti tersebut dalam mengubah sikap pelajar meminati bidang keusahawanan boleh dicontohi oleh politeknik.

Menurut Clark et. al. (1984) dalam kajiannya telah meneliti sama ada kursus penciptaan baru dapat mempromosi dan mengubah sikap terhadap keusahawanan. Kajian mereka mendapati lebih kurang 25 peratus hingga 40 peratus daripada pendaftaran kursus tersebut adalah siswazah yang sudah memiliki pemiagaan mereka sendiri. Siswazah yang belum mempunyai perniagaan sendiri iaitu 79.1 peratus bercadang untuk membuka perniagaan mereka. Seramai 256 responden pula bercadang membuka perniagaan mereka, didapati seramai 129 responden iaitu 50.4 peratus telah pun memulakan perniagaan mereka ekoran dari mengikuti kursus tersebut. Kajian ini menunjukkan bahawa keusahawanan yang disalurkan melalui pendidikan dapat memberikan kesan di dalam melahirkan usahawan dan dapat mengubah sikap pelajar untuk meminati bidang keusahawanan. Oleh itu, politeknik boleh mencontohi institusi tersebut di dalam mempromosi dan mengubah sikap pelajar terhadap keusahawanan.

Kajian-kajian yang dijalankan di Barat telah menunjukkan bahawa sikap keusahawanan dan minat untuk bergiat dalam bidang keusahawanan boleh disemai pada diri seseorang melalui kursus atau latihan. Amalan pendidikan memainkan peranan dalam meningkatkan motivasi keusahawanan di kalangan

pelajar-pelajar. Ini bermakna pendidikan keusahawanan memainkan peranan yang penting dalam melahirkan usahawan di kalangan pelajar.

Mengikut kajian “Keberkesanan Program Pembangunan Usahawan dan Pembangunan Perniagaan, " oleh MEDEC didapati hanya 12 peratus peserta lepasan MEDEC yang menjadi usahawan adalah dari kalangan mereka yang berijazah dan berdiploma. Ini bermakna peserta yang dilahirkan melalui program tersebut telah menjadi seorang usahawan, sungguhpun jumlah peratusan yang melibatkan diri dalam keusahawanan adalah rendah. Politeknik harus melihat perkembangan ini dan cuba mencari sebab mengapa bilangan mereka yang bertaraf diploma menjadi usahawan adalah rendah setelah mereka menghadiri kursus kerana politeknik juga melahirkan pelajar yang bertaraf diploma.

Mengikut kajian yang dijalankan bersama antara MEDEC-ITM dan SEDC (UPM), Nawawi (1988) menyatakan kekurangan siswazah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan adalah disebabkan perkara-perkara berikut:

(a) Sikap siswazah, ibubapa dan masyarakat tidak cenderung ke arah keusahawanan;

(b) Kurang kesedaran terhadap peluang-peluang perniagaan berdasarkan kemahiran yang ada dan kesedaran terhadap keusahawanan sebagai suatu bidang profesional;

(c) Sistem pendidikan kurang menekankan pembinaan sikap dan semangat keusahawanan;

(d) Takut kepada risiko perniagaan telah mengurangkan minat mereka dalam bidang keusahawanan; dan

(e) Kurang bersedia dari aspek modal, pengetahuan dan lain-lain aspek perniagaan .

Penemuan kajian tersebut adalah menunjukkan sistem pendidikan yang kurang menekankan pembinaan sikap dan semangat keusahawanan dikalangan pelajar. Ini bermakna betapa pentingnya pembangunan pendidikan keusahawanan perlu menekankan kepada pembinaan sikap dan semangat dikalangan pelajar. Usahawan bukanlah terdiri daripada mereka yang dilahirkan tetapi ia boleh dibentuk, diasuh dan boleh dipelajari melalui sistem pendidikan. Kenyataan ini pernah dinyatakan oleh Holt (1992) yang tidak mempercayai usahawan adalah dilahirkan. Beliau menjelaskan, bagi mereka yang menyimpulkan bahawa usahawan tidak boleh di pelajari, bagaimana pengusahaan baru terbentuk serta bagaimana innovasi mengambil tempat adalah mereka yang mempunyai kepercayaan yang sedikit terhadap aspek keusahawanan.

Ivancevich (1991) mendapati Fakulti Sekolah Pengurusan dan Dekan, di Amerika Syarikat pada hari ini telah bertelagah tentang isu sama ada bidang keusahawanan perlu dipelajari. Disamping itu semangat keusahawanan yang ditunjukkan oleh orang awam adalah rendah. Majoriti para akademik di Amerika Syarikat tidak yakin bahawa keusahawanan adalah satu mata pelajaran yang patut dijadikan kurikulum sekolah pengurusan. Sungguhpun begitu, keusahawanan masih diajar dan merupakan satu konsep intergratif dan ia diperlukan di institusi pengajian tinggi. Oleh kerana ia mengandungi unsur kreativiti, maka pihak sekolah boleh mencadangkan mengenai gelagat keusahawanan seperti penyelesaian masalah, komunikasi dan integrasi di dalam sistem pendidikan. Pembangunan kemahiran secara bersepadu seharusnya diberi keutamaan terhadap pelajar-pelaj ar perniagaan . Tambahan lagi semangat keusahawanan diperlukan sebagai asas penting bagi sekolah-sekolah pengurusan.

Oleh itu, penemuan hasil kajian ini boleh dijadikan asas yang kuat terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan di politeknik untuk diberi perhatian yang serius di dalam melaksanakan kurikulum keusahawanan.

Plashka, dan Welsch (1990) menyatakan di sepanjang tempoh tahun 1980 hingga 1984, terdapat perkembangan perniagaan kecil-kecilan. Satu corak pertumbuhan dapat dikenal pasti di dalam pelajaran keusahawanan. Para pentadbir menjangka program pertukaran pada masa hadapan menekankan perspektif daripada perniagaan kecil-kecilan hingga ke peringkat keusahawanan. Potensi keusahawanan akan digabungkan kepada program pengurusan perniagaan di peringkat sarjana. Ini bermakna betapa pentingnya program keusahawanan diperkenalkan kepada pelajar-pelajar walaupun dalam bentuk perniagaan kecil-kecilan bagi menyemai sikap keusahawanan di kalangan pelajar. Usaha ini boleh dicontohi oleh politeknik di dalam merangka program aktiviti keusahawanan untuk pelajar-pelajar politeknik.

Menurut Salleh (1992), Institut Teknologi Mara (ITM) adalah institusi pengajian tinggi yang pertama di Malaysia memberikan tumpuan ke atas pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar bagi memupuk kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar. Bagi mencapai objektif ini ITM telah menubuhkan Pusat Pembangunan Keusahawanan (MEDEC) dalam tahun 1975. Beliau menjelaskan di antara program yang dikendalikan oleh MEDEC adalah seperti berikut:

(a) Program pembangunan usahawan yang bertujuan untuk melatih dan mengembangkan keusahawanan dan kemahiran pengurusan di kalangan individu Bumiputra yang baru memulakan perniagaan mereka;

(b) Pembangunan keusahawanan untuk kakitangan kerajaan yang direka-bentuk untuk pekerja-pekerja kerajaan dalam kategori B, C dan D yang berkeinginan memulakan perniagaan mereka sendiri;

(c) Program latihan keusahawanan siswa yang direkabentuk untuk siswa dan eksekutif yang merancang memulakan perniagaan mereka sendiri; dan

(d) Program latihan keusahawanan untuk peiajar institusi ini.

Kajian yang dijalankan oleh MEDEC adalah penting kepada pembangunan keusahawanan di politeknik supaya dapat dijadikan contoh tentang kesungguhan yang ditunjukkan oleh ITM di dalam membangunkan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar.

Clouse (1990) menyatakan bidang keusahawanan telah tumbuh dan matang dari segi pembentukan dan struktur masa depannya. Melalui kajiannya beliau telah memberikan tumpuan kepada gelagat sekumpulan pelajar keusahawanan dalam membuat keputusan untuk memasuki bidang baru melalui "New Venture Start-Up Decision Making Exercise" (NVSDME) berdasarkan teori keputusan gelagat kriteria pelbagai. Latihan ini diberikan kepada 47 orang pelajar baru keusahawanan di sebuah universiti, barat tengah Amerika. Analisis data dikumpulkan dengan mengendalikan ujian pada permulaan semester dan di penghujung semester. Penganalisaan menunjukan kursus pengenalan keusahawanan boleh mempengaruhi para pelajar membuat keputusan simulasi berdasarkan inisiatif ke atas bidang baru. Pelajar-pelajar diberi peluang untuk membuat keputusan ke atas bidang baru secara simulasi pada awal kelas, NVSDME membekalkan mereka dengan rujukan tertentu mengikut topik yang dipelajari dalam sepanjang semester. Latihan itu juga boleh digunakan untuk membentuk sikap keusahawanan yang berpotensi bagi program latihan di luar universiti. Penemuan hasil kajian tersebut menunjukkan betapa pentingnya peranan kursus dalam mempen-

garuhi para pelajar membuat keputusan simulasi berdasarkan inisiatif ke atas bidang baru. Oleh itu kepentingan pendidikan keusahawanan amat berguna bagi membentuk sikap pelajar-pelajar terhadap keusahawanan yang boleh dicontohi oleh politeknik.

Bottorff (1989) dalam kajiannya menyentuh mengenai sekolah perniagaan di Amerika yang semakin meningkat bilangannya termasuklah program kurikulum keusahawanan. Program tersebut berbeza daripada sekolah latihan perniagaan yang traditional. Ia telah menekankan perkara-perkara berikut:

(a) Situasi yang perlu diterokai oleh perniagaan kecil-kecilan dan pemiagaan baru yang hendak dimulakan;

(b) Khidmat pelatih perniagaan yang bukan ahli akademik sebagai pensyarah dan penasihat; dan

(c) Projek individu hasil daripada kreativiti pembelajaran peribadi.

Hasil kajian Bottorff menunjukkan pentingnya bidang keusahawanan ditekankan di institusi pengajian yang boleh dicontohi oleh politeknik.

Menurut Vesper dan McMullan (1988) dalam kajiannya yang menunjukkan terdapat perkembangan yang pesat terhadap pendidikan keusahawanan di universiti dalam tempoh 20 tahun yang lalu. Sesetengah institusi mula menawarkan program keusahawanan. Program ijazah sarjanamuda keusahawanan yang baru telah diselaraskan dengan program ijazah sarjana perniagaan berkaitan dengan perkara-perkara berikut :

(a) Liputan topik-topik asas sejak dari permulaan;

(b) Pengetahuan berkenaan keusahawanan;

(c) Latihan kemahiran dan komunikasi secara bertulis, lisan dan perbincangan empat mata;

(d) Penekanan terhadap pemikiran kreatif dan sintisis;

(e) Penglibatan 'authentic' dalam keusahawanan yang sebenar;

(f) Program yang diwujudkan oleh pelajar;

(g) Latihan mengenal pasti peluang-peluang yang dirangsangkan oleh teknologi; dan

(h) Pendekatan terhadap model peranan keusahawanan.

Kajian ini telah memberi gambaran tentang perkembangan yang pesat terhadap pendidikan keusahawanan di universiti-universiti dalam tempoh 20 tahun yang lalu yang boleh dicontohi oleh politeknik. Elemen program tersebut dengan jelas dapat membina kemahiran individu terhadap keusahawanan.

Menurut Haines (1988) dalam kajiannya mencadangkan kaedah pedagogi untuk mengajar keusahawanan dan kaedah tersebut telah diuji kepada sekumpulan 10 orang pelajar daripada sekolah perniagaan di Universiti Carleton, Ottawa, Ontario. Pelajar-pelajar tersebut bertanggungjawab untuk merancang perniagaan, memberikan nasihat dan membuat pemilihan tenaga kerja. Pada tahun 1976, bilangan pelajar yang mengikuti program tersebut telah bertambah seramai 12 orang. Pada waktu itu setiap kumpulan yang mengikuti program tersebut telah disusun dalam bentuk perkongsian mengikut undang-undang. Prestasi pelajar dinilai dari segi ramainya pelanggan yang datang dan keuntungan perniagaan yang diperolehi. Pelajar tersebut bertanggungjawab terhadap semua aspek perniagaan termasuk peningkatan kewangan, pemasaran dan operasi perancangan. Penilaian terhadap program dibuat dengan menjalankan kajian ke atas pelanggan pada tahun 1977 dan telah menemubual 31 daripada 151 orang pelanggan pada tahun 1978. Program tersebut telah memperlihatkan kejayaan. Walaubagaimanapun, pembelajaran secara penglibatan

merupakan satu perkara yang menghalang kemajuan pelajar-pelajar dalam pelajarannya dan ahli fakulti menganggapnya sebagai suatu risiko yang perlu dipertimbangkan terhadap karier mereka. Hasil kajian ini boleh memberikan panduan kepada politeknik dalam merangka program keusahawanan untuk pelajar-pelajar politeknik. Penglibatan pelajar dalam mendirikan dan menguruskan perniagaan boleh dicontohi oleh politeknik.

Vesper (1988) dalam kajiannya merumuskan keusahawanan merupakan bidang akademik yang menunjukkan perkembangan yang baik. Permintaan terhadap pelajaran untuk kursus keusahawanan meningkat dan sesetengah kursus adalah mempunyai perhubungan yang begitu tinggi.

Menurut Zietham (1987) dalam kajiannya yang telah dijalankan untuk mengenal pasti tingkat pelajaran di universiti dalam bidang keusahawanan dan perniagaan kecil-kecilan, menyatakan data telah dikutip melalui kajian ke atas 100 orang pelajar sekolah perniagaan di seluruh Amerika. Didapati 76 maklumbalas telah diterima. Kebanyakan responden mempunyai kaitan dengan program keusahawanan atau perniagaan kecil-kecilan dan kebanyakan program yang sedang berkembang berada di dalam sekolah yang bersaiz kecil dan sederhana. Maklumat tersebut menunjukkan program pendidikan keusahawanan adalah lebih kurang sama di seluruh negara pada peringkat pra graduan dan graduan. Penemuan yang menarik dalam kajian ini ialah program keusahawanan boleh dibangunkan di dalam sekolah kecil dan sederhana. Ini bermakna politeknik juga mempunyai potensi untuk membangunkan keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar agar mereka mempunyai minat dan sikap yang positif terhadap keusahawanan.

Sexton dan Upton (1987) menyatakan kursus keusahawanan mewujudkan ciri-ciri personaliti yang unik ke atas pelajar keusahawanan. Kursus ini disusun sebagai kursus peringkat doktorat, penyediaan tugasan dan sedikit bimbingan, sesi kelas orientasi perbincangan dan senarai pembacaan.

Kursus ini ditawarkan sebagai asas ujian terhadap 40 orang pelajar kelas keusahawanan peringkat 'Senior'. Pada akhir semester pertama, penilian dibuat ke atas setiap orang pelajar tersebut. Analisis kajian menunjukkan kursus tersebut memenuhi objektifnya terhadap situasi semasa dan hasilnya adalah tidak diyakini. Kursus tersebut telah membenarkan pelajar menggunakan peluang yang ada untuk melatih keupayaan individu yang merupakan suatu pendekatan yang disukai oleh pelajar. Akhir kajian menunjukkan para pelajar berminat untuk belajar sambil membuat (learn by doing) dan merasakan kursus pendekatan telah menambahkan keyakinan pada diri mereka. Penemuan dalam kajian ini menunjukkan kepentingan pendidikan keusahawanan melalui kursus pendekatan keusahawanan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai personaliti yang unik, melatih keupayaan individu dan menambahkan keyakinan pelajar. Oleh itu kepentingan pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar politeknik perlu melihat kajian ini dalam membentuk sikap keusahawanan.

Winer dan Myers (1986) mendapati kebanyakan pelajar ingin mengetahui bagaimana untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Kursus keusahawanan tidak sepatutnya menjadi kursus pengurusan perniagaan kecil, ia sepatutnya menekankan tentang bagaimana untuk memulakan suatu perniagaan baru. Tenaga pengajar tidak boleh mengajar tentang bagaimana untuk berjaya dalam sesuatu pemiagaan tetapi boleh membantu dari segi aspek-aspek berikut:

(a) Menyediakan rancangan perniagaan;

(b) Membiasakan pelajar dengan keusahawanan;

(c) Membentuk keupayaan pelajar untuk membincangkan tentang pemiagaan (enterprise); dan

(d) Membolehkan pelajar menimba pengalaman sebagai usahawan.

Kajian tersebut merumuskan mengenai peranan yang harus dimainkan oleh tenaga pengajar di dalam merangsang keusahawanan di kalangan pelajar. Tenaga pengajar adalah sebagai pembimbing ke arah menunjukkan jalan mengenai keusahawanan dan bukannya sebagai penentu kejayaan keusahawanan pelajar. Politeknik wajar melihat peranan yang dimainkan oleh tenaga pengajar dalam menjayakan program keusahawanan di politeknik sesuai dengan kajian yang telah dijalankan oleh Winer dan Myers.

Menurut Kannan (1992) kepentingan latihan motivasi keusahawanan yang dijalankan di Institut Latihan Keusahawanan (SIET) di Hyderabad mempunyai objektif seperti berikut:

(a) Untuk meningkatkan semangat keusahawanan dan membaiki kemahiran keusahawanan;

(b) Menyediakan skop untuk pembangunan diri dengan menumpukan perhatian ke atas diri dan perubahan motivasi pengarahan diri; dan

(c) Mengembangkan penerusan tajuk utama yang membolehkan peserta merintis/memulakan dan mengawal perubahan penting terhadap pertumbuhan ekonomi yang pan tas .

Objektif yang ke dua yang dinyatakan oleh Kannan mempunyai pengertian yang tersendiri terhadap kepentingan pendidikan keusahawanan yang boleh digunakan di politeknik iaitu untuk menyediakan skop bagi pembangunan diri dengan menumpukan perhatian ke atas diri dan perubahan motivasi ‘self-directed’. Program pembangunan keusahawanan yang telah diperkenalkan di SIET pada

tahun 1970, juga telah melatih jurutera-jurutera muda yang tidak mempunyai pekerjaan dan pengalaman kerja untuk menjadi seorang usahawan. Pengalaman yang diperolehi oleh SIET dalam menjayakan program keusahawanan di kalangan pelajar mereka boleh dicontohi oleh politeknik. Pelajar politeknik yang mempunyai latar belakang pendidikan dalam kejuruteraan boleh menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Kannan (1992) menjelaskan pergerakan keusahawanan yang sangat berkesan dalam sesebuah negara adalah bergantung kepada kebolehan kita berikhtiar dan merekabentuk program jangkapanjang yang berkesan. Sesetengah program keusahawanan boleh berbentuk formal dan tidak formal. Keusahawanan sebagai program yang formal boleh dicuba menerusi perpaduan dengan program pendidikan umum universiti, kolej dan institusi teknikal. Tidak dapat dinafikan bahawa mendidik atau melatih individu sama ada untuk menjadi usahawan sebenar atau yang berpotensi adalah satu permulaan yang penting.

Parameswaran (1992) menyatakan sistem pendidikan sekarang kemungkinan telah mengalami banyak kesilapan seperti persediaan yang tidak mencukupi dan penilaian yang tidak tepat. Kesannya boleh mewujudkan bahaya kerana kekurangan penekanan ke atas pembangunan ciri-ciri keusahawanan, kesedaran innovasi, pengembangan motivasi dan sebagainya. Jelas beliau sistem pendidikan yang ada hanya mengeluarkan jurutera, doktor dan ahli ekonomi yang lemah. Pada masa yang sama menjadikan kerosakan yang lebih besar dengan mengeluarkan individu yang suka bergantung, sombong dan penakut. Jika individu seperti ini yang akan dikeluarkan oleh sistem pendidikan, kejayaan program keusahawanan jangka pendik tidak akan tercapai. Oleh sebab itu, pergerakan keusahawanan jangka panjang nampaknya terletak kepada pengenda- lian menerusi proses keusahawanan. Beliau menambah objektif pendidikan keusahawanan di kalangan jenarasi muda ialah untuk mewujudkan penghargaan

yang bermakna di kalangan mereka mengenai kualiti keusahawanan yang mana kemudiannya boleh membantu membangunkan diri mereka sebagai seorang usahawan. Penekanan haruslah mewujudkan suatu persekitaran atau suasana kesedaran innovasi, ketulinan, kreativiti dan satu desakan untuk kecemerlangan. Parameswaran (1992) menjelaskan program pendidikan adalah suatu perkara yang komprehensif, perancangan dan perlaksanaan yang cekap serta imaginatif. Beliau tidak mencadangkan supaya pelajar-pelajar sekolah, kolej dan institusi sepatutnya diberikan dua waktu seminggu dalam mata pelajaran keusahawanan. Sebaliknya beliau mencadangkan program keusahawanan jika dilaksanakan di sekolah sepatutnya memberikan penekanan ke atas sikap dan perubahan nilai, bukan hanya untuk mendapatkan kemahiran atau maklumat. Menerusi bahan bacaan perpustakaan, latihan ‘role-play’, permainan perniagaan dan proses percubaan yang lain, mungkin boleh membawa satu perubahan terhadap pembentukan sikap keusahawanan pelajar.

Menurut Pascual (1990) kepentingan pendidikan keusahawanan di maktab dan di institusi pengajian adalah untuk menanam benih keusahawanan dan pemikiran terhadap perniagaan kecil di kalangan pelajar tersebut. Beliau menyatakan perkara ini dalam persidangan di Langkawi mengenai strategi pembangunan keusahawanan untuk peringkat pendidikan kolej . Projek pendidikan keusahawanan itu berharap dapat memberikan kesedaran terhadap pelajar mengenai kemungkinan menjadikan bidang usahawan sebagai suatu pekerjaan dan pilihan kerjaya mereka. Oleh sebab itu, sekolah dan maktab telah menawarkan kursus-kursus dalam pembangunan keusahawanan yang akan menjadi sebahagian daripada kurikulum pelajar. Politeknik boleh melihat perkembangan ini sebagai satu contoh yang boleh diikuti dalam menawarkan kursus-kursus keusahawanan di semua jurusan di politeknik.

Benson (1993) menyatakan dalam tahun kebelakangan ini bidang keusahawanan telah berkembang dan mengambil tempat dalam kurikulum di universiti dan kolej. Bidang keusahawanan telah diberikan penekanan. Berhubung dengan model kurikulum keusahawanan di peringkat ijazah, kursus-kursus yang dicadangkan termasuklah kreativiti, innovasi dan pembangunan keluaran, isu-isu yang berkaitan dengan undang-undang keusahawanan dan pengurusan perniagaan kecil. Beliau menjelaskan pendidikan keusahawanan yang optima memerlukan pendedahan untuk mendapatkan pengalaman dalam dunia keusahawanan. Keputusan akhir kajian beliau mendapati ramai pelajar yang menamatkan pelajaran dari kolej dengan pengalaman perniagaan ingin memulakan pemiagaan mereka sebelum tamat pengajian.

Solomon dan Fernald (1991) dalam hasil kajian mereka ke atas pembangunan perancangan kursus akademik, seminar dan bengkel dalam pengurusan perniagaan kecil dan keusahawanan di Amerika Syarikat, mendapati terdapat banyak bilangan kolej dan universiti telah mula menawarkan kursus dan program dalam pengurusan perniagaan kecil dan keusahawanan. Beliau menjelaskan bidang pengurusan perniagan kecil dan pendidikan keusahawanan sedang berkembang dan menunjukkan tanda pertumbuhan untuk dekad yang akan datang. Perkara yang menarik dalam kajian ini ialah kepentingan pendidikan keusahawanan dapat dibangunkan dengan memberikan penekanan terhadap perubahan sikap pelajar sesuai dengan keperluan dan kehendak semasa negara serta masa depan keusahawanan yang menjanjikan pelbagai faedah yang boleh diperolehi daripada mengusahakan sesuatu perniagaan.

Berdasarkan kepada hujah-hujah yang telah dibentangkan menurut kajian-kajian yang telah diketengahkan oleh para-para penyelidik mengenai keusahawanan, sistem pendidikan politeknik harus melihat perkara-perkara positif terhadap hasil kajian tersebut yang boleh dijadikan panduan dalam merangka dasar pendidikan keusahawanan. Keusahawanan sebagaimana yang dinyatakan oleh Parameswaran (1992) melibatkan suatu pendekatan individu, suatu pendekatan sosial dan suatu pendekatan kumpulan. Pendekatan individu melibatkan secara langsung penyatuan pendidikan keusahawanan dengan proses pendidikan umum keusahawanan menerusi percubaan yang dirancang dengan baik. Pendekatan sosial melibatkan kempen merangsang yang berkesan bagi mewujudkan suatu persekitaran yang menghargai dan menilai fahaman keusahawanan. Pendekatan penglibatan kumpulan pula, menyediakan pentingnya sokongan dan latihan kepada kumpulan usahawan yang wujud. Ketiga-tiga pendekatan ini mungkin berjalan selari tetapi dalam keadaan tertentu ketiga-tiga kaedah ini boleh disepadukan dalam perancangan yang baik untuk pendidikan keusahawanan.

## 2.7 *Penutup*

Pembangunan keusahawanan di politeknik mempunyai asas-asas yang boleh dimajukan agar dapat memantapkan kurikulum keusahawanan dan seterusnya dapat disesuaikan dengan kurikulum yang lain yang terdapat di politeknik supaya dapat menghasilkan perubahan sikap yang positif terhadap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik. Bidang keusahawanan ternyata telah menunjukkan kepentingannya dalam kontek menyediakan diri pelajar sebagai seorang yang mempunyai kreativiti, innovasi, keperluan pencapaian motivasi yang tinggi, berani mengambil risiko bagi tujuan perniagaan, dan mempunyai lokus kawalan dalaman yang tinggi. Sesungguhnya, proses membentuk sikap keusahawanan di kalangan pelajar adalah satu proses jangka panjang yang perlu diberi perhatian

serius dan penekanan bagi mewujudkan perubahan sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan sebagai suatu pilihan kerjaya yang dipandang tinggi. Melalui proses pendidikan, seseorang akan mengalamai nilai tambah peribadi iaitu mendapat pengetahuan dan membentuk sikap seseorang. Oleh itu, pendidikan keusahawanan amat penting dibangunkan di politeknik bagi melahirkan pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap bidang keusahawanan.

## Rujukan:


Anderson, A. L. (1984). "Entrepreneurs, risk, reward, small business, attitudes, trends", **Journal of National Underwriter(Life/Health)**, Vo1.88, November, 1984.

Ashmore, M. C. dan Pritz, S. G.(1983). "Program for acquiring competence in entrepreneurship", no.240 AA, **Center On Education and Training For Employment,** The Ohio State University.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (1993). **Laporan Status,** Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bottroff, D.(1989). "The Entrepreneur nature or nurture?", **New England Business, Vol.11. No.5. m.s.14-18.**

Clark, B. W., Davis, C. H. dan Harnish, V. C.(1984). "Do courses in entrepreneurship aid in new venture creation, **Journal of Small Business Management, Vol.22,** m.s. 10-15.

Clouse, V. G. H.(1990). "A controlled experiment relating entrepreneurial education to students, start-up decisions", **Journal of Small Business Management,** Vo1.28, No.2, m.s.45-53.

Haines, G. H. Jr.(1988). "The Ombudsman, teaching entrepreneurship", **Interfaces,** Vol.18, No.5, m.s.23-30.

Ivancerich, J. M.(1991). "A traditional faculty member's perspective on entrepreneurship, **Journal of Business Venturing,** Vo1.6, No. 1, m.s. 1-7.

Kannan, I. G. (1992). **Training for Entrepreneurship Development,** Yousufguda, Hyderabad, India, Small Industry Extension Training Institute.

Mohd. Salleh Hj. Din (1992). **The Development Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia,** PhD. Thesis, University of Durham.

Nawawi Hj. Mohd Jan (1988). "Siswazah dan Keusahawanan", **Sasaran,** Januari-Jun, halaman 52.

Parameswaran, E. G.(1992). **Educating for Entrepreneurship, Small Industry Extension Training Institute,** Yousufguda, Hyderabad, India.

Pascual, C. R.(1990)." Strategy For The Development of A Country's SME, The Entrepreneurship Development For Collegiate Educational Level", **International Conference On Small and Medium Scale Enterprise,** Pulau Langkawi, 28-30 May.

Plascha, G. R. dan Welsch, H. P. (1990). "Curiculum designs and strategies", **Journal of Entrepreneurship, Theory and Practice,** Col. 14, No.3, m.s.55-71.

Robinson, P. dan Haynes, M.(1991). "Entrepreneurship education in America's major universities", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol.15, No.3, m.s.41-52.

Schwalb, M. M. Grosse, R. S. dan Romero, E.(1988). "Developing entrepreneurs in developing countries, The PEO programme in Peru", **Journal of Management Development,** Vo1.7, No. 14, m.s.31-40.

Sexton, D. L. dan Upton, N. B.(1987). "Evaluation of an innovative approach to teaching entrepreneurship" , **Journal of Small Business Management,** Vo1.25, No.2, m.s.3543.

Sharma, S. V. S. (1992). **Developing Entrepreneurship Issues and Problems, Yousufguda,** Hyderabad, India, Small Industry Extension Training Institute.

Solomon, G. T dan Fernald, L. W. Jr.(1991). "Trends in small business management and entrepreneurship education in the United States", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. 15, No.3, m.s.25-39.

Technical & Vocational Education Devision (1993). **Handbook Polytechnic in Malaysia,** Kuala Lumpur, Ministry of Education Malaysia.

**Utusan Malaysia(1994). "2020** Pendidikan Perlu Perubahan", Jan, 26.

**Utusan Malaysia(1994).** "Semak Kembali Kurikulum", Feb, 12.

**Utusan Malaysia(1994).** "Sistem Pendidikan Sesuai Untuk Tahun 2020", Jan, 23.

Vesper, K. H. dan McMullan, W. E.(1988). "Entrepreneurship, today courses, tomorrow degree?, **Journal of Entrepreneurship, Theory and Practice,** Vol.13, No.1. m.s.8-10.

Vesper, K. H.(1987). "Entrepreneurial academics - How can we tell when the field is getting somewhere?", **Journal of Small Business Management,** Vol.25. No.2, m.s.l-7.

Winer, L. dan Myers, M.(1986). "Many students seek the skill successful entrepreneurs need/students need the truth about entrepreneurship", **Marketing News,** Vol.20. No. 15, m.s.30-32.

Zainal Abidin Mohamad (1987). " Keusahawanan Di Kalangan Penuntut-Penuntut Universiti", **Usahawan,** April-Mei,

Zietham, C. P. dan Rice, G. H. Jr.( 1987). "Entrepreneurship", **Journal of Small Business Management,** Vol.25, No. 1. m. s.44-50.

# BAB 3

# SIKAP KEUSAHAWANAN

## 3.1 *Pengenalan*

Bab ini menerangkan perspektif keusahawanan menurut pelbagai disiplin, definisi usahawan dan keusahawanan, pendekatan-pendekatan kajian terhadap sikap keusahawanan, kritik-kritik dan kelebihan-kelebihan terhadap pendekatan tersebut, pengukuran sikap keusahawanan dan ulasan perkembangan faktor-faktor demografi yang mempengaruhi keusahawanan. Seterusnya bab ini akan mengemukakan satu model kajian serta hipotesis utama untuk diuji.

## 3.2 *Perspektif Keusahawanan Menurut Pelbagai Disiplin*

Terdapat pelbagai definisi dalam karya-karya penulisan yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang keusahawanan sebagaimana yang dinyatakan oleh Salleh, dan Gibb (1990). Sungguhpun perspektif mereka adalah dalam pelbagai cara, seakan-akan, tumpuan setiap satu adalah sedikit berbeza dan mungkin menambahkan kepada pemahaman kita terhadap fakta mengenai keusahawanan (Burton, 1987). Mitton (1989) yang memetik pendapat beberapa pengkaji keusahawanan di antaranya ialah Kirzner (1979), melihat usahawan sebagai seorang “passive equilibrator”, Schultz (1978), melihat usahawan sebagai orang yang mempunyai kebolehan berurusan dengan keadaan ketidak-seimbangan, Evans (1979), melihat konsep usahawan sepatutnya berada dalam suatu kumpulan, Strauss (1944) melihat usahawan sebagai suatu firma, Knight

(1921) dan Schakles (1966), melihat usahawan sebagai orang yang melihat risiko untuk perkara yang tidak menentu dan tidak diinsurankan, Papandreau (1943), melihat usahawan sebagai orang yang pertama mengenal pasti ketidaktentuan, dan Hebert & Link (1982) pula, melihat perubahan yang tidak menentu mengenai usahawan adalah disebabkan oleh teori keusahawanan yang tidak tersusun.

Terdapat lapan disiplin akademik yang memberikan penerangan mengenai konsep keusahawanan iaitu ekonomi, sosiologi, psikologi, anthropologi, gelagat organisasi, pemasaran, kewangan dan pengurusan strategik (Herron, Sapienza dan Cook, 1991). Di dalam Islam ada juga menyebutkan mengenai kegiatan perniagaan yang berkaitan dengan keusahawanan. Oleh itu, bab ini akan menerangkan secara ringkas perspektif keusahawanan menurut pandangan Islam. Di bawah ini diterangkan perspektif keusahawanan menurut pelbagai disiplin seperti berikut:

### 3.2.1 Ekonomi

Menurut Burton (1987), di dalam teori ekonomi peranan usahawan dihubungkan dengan risiko kewangan untuk memajukan ekonomi dalam bidang tertentu. Menurut Holt (1992), ahli ekonomi yang pertama memberikan istilah usahawan ialah Richard Clinton. Definisi beliau tertumpu kepada aspek spekulasi iaitu usahawan membeli kilang pengeluaran pada harga tertentu, mengeluarkan barangan yang boleh dipasarkan dan menjualnya pada harga yang tidak tertentu. Oleh yang demikian, fahaman nilai memandu secara langsung kepada gelagat keusahawanan. Ahli teori sosial iaitu Thomas Cochran yang dipetik oleh Burton (1987), telah mengembangkan tradisi Weberian dengan memasukkan nilai-nilai budaya, peranan dan harapan sosial sebagai faktor penentu dalam gelagat keusahawanan. Dalam konteks ini beliau menjelaskan, usahawan mewakili model

personaliti masyarakat yang dibentuk melalui amalan mereka semasa kanak-kanak dan budaya mereka semasa persekolahan. Kelakuan individu dalam perniagaan akan dipengaruhi menerusi sikap yang dipunyai oleh usahawan terhadap pekerjaan mereka, peranan harapan terhadap kumpulan yang disanjung dan keperluan terhadap pekerj aan.

Menurut Say (1803) iaitu seorang ahli ekonomi berbangsa Peranchis yang dipetik oleh Sharma (1992), usahawan dilihat sebagai mereka yang bekerja sendiri atau mereka yang meminjam modal. Say juga menyatakan seorang usahawan yang ingin berjaya harus mempunyai penilaian, ketekunan, pengetahuan mengenai dunia perniagaan serta kebolehan mengawas dan mentadbir. Sharma juga telah memetik kenyataan yang dibuat oleh Walker (1870) dalam menerangkan perbezaan usahawan dengan kapitalis. Usahawan ialah seorang jurutera kemajuan dalam perusahaan dan ketua agen dalam pengeluaran.

Mengikut Kirzner yang dipetik oleh Mitton (1989), usahawan dilihat sebagai 'passive equilibrator'. Schultz (1978) pula, menyatakan usahawan adalah mereka yang mempunyai kebolehan berurusan dalam keadaan ekonomi yang tidak seimbang.

Ahli ekonomi berpendapat usahawan adalah mereka yang rasional menganalisis keadaan dirinya secara objektif dan keputusan yang dibuat adalah logik (Burton,1987). Menurut Schumpeter yang dipetik oleh Salleh, dan Gibb (1990), Usahawan didefinisikan dalam ekonomi sebagai mereka yang mengenalkan sesuatu yang baru (innovator), pengambil risiko, pengurus, penganjur faktor-faktor pengeluaran, seseorang yang berurusan dengan keadaan yang tidak menentu dan pendamai. Mitton (1989) menyatakan hanya sedikit persetujuan dicapai di kalangan ahli ekonomi mengenai definisi keusahawanan.

### 3.2.2 Sosiologi

Teori sosiologi yang terawal membincangkan mengenai keusahawanan telah diketengahkan oleh Max Weber dalam tahun 1904 (Burton, 1987). Menurut Weber, kunci kejayaan seseorang usahawan terletak pada innovasinya dalam menjalankan sesuatu pekerjaan, sempurna dan rasional mengenai setiap aspek perniagaannya. Beliau menjelaskan kuasa yang memandu di sebalik aktiviti-aktiviti keusahawanan ialah "Etika Kerja Protestant", mempelajari lebih awal amalan pengaruh zaman kanak-kanak dan memelihara kanak-kanak yang mungkin cenderung terhadap keusahawanan. Penekanan ke atas pengalaman zaman peringkat awal kanak-kanak, kemudiannya telah di ambil oleh ahli psikologi bernama McClelland sebagai asas penentu faktor motivasi dalam kajian beliau. Hagen yang dipetik oleh Salleh, dan Gibb (1990) menyatakan ahli sosiologi mendefinisikan usahawan dalam konteks mengenai keluaran kesan dari tekanan sosial dan juga sebagai "marginal man".

### 3.2.3 Psikologi

Teori psikologi mengenai keusahawanan telah dikuasai oleh McClelland (1961) dengan konsep keperluan pencapaian. Asas motif pencapaian terletak kepada konsep Weberian terhadap etika kerja protestant. Beliau mengemukakan desakan motif psikologi adalah kesan dari campur tangan proses pensosialan keluarga di antara nilai-nilai ideologi Weber dan gelagat keusahawanan. Sebagai

perbandingan model motivasi keusahawanan Weber, ditunjukkan dalam Rajah 3.1 berikut:




Rajah 3.1: **Model Motivasi Keusahawanan Weber**
**Sumber : Kilby dipetik oleh Burton (1987)**

Model motivasi keusahawanan McClelland ditunjukkan dalam Rajah 3.2 berikut:




Rajah 3.2: **Model Motivasi Keusahawanan McClelland**
**Sumber: Kilby P. dipetik oleh Burton,(1987)**

Taylor(1985) telah mengenal pasti lima ciri-ciri personaliti yang berhubung dengan keperluan untuk pencapaian iaitu:

(a) Kepercayaan diri peringkat tertinggi;

(b) Kebolehan menyediakan matlamat dan cabaran dengan jelas;

(c) Kebolehan mengambil risiko;

(d) Kekuatan lokus kawalan dalaman (internal locus of control); dan

(e) Kebolehan menyelesaikan masalah.

Birney, Burdick dan Teevan yang dipetik oleh Burton(1987), menyatakan seseorang yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi adalah mereka yang mempunyai ciri-ciri berikut:

(a) Mengemari tugas-tugas yang melibatkan sedikit risiko secara objektif;

(b) Bekerja kuat terhadap tugas-tugas yang memerlukan tindakan mental dengan bij ak;

(c) Berkehendak mengendali suatu keadaan yang memberikan suatu rasa pencapaian peribadi;

(d) Tidak dipengaruhi kuat oleh ganjaran-ganjaran kewangan;

(e) Bekerja lebih baik di bawah keadaan-keadaan di mana maklum balas yang konkrit boleh diperolehi; dan

(f) Cenderung berfikir dalam hal perspektif jangka panjang.

Menurut Burton (1987), terdapat beberapa konsep mengenai ciri-ciri motif pencapaian berasaskan ke atas kajian teori atau kajian empirik. Di dapati konsep teras terhadap keusahawanan adalah sama iaitu:

(a) Sederhana mengambil risiko;

(b) Locus kawalan dalaman;

(c) Pentingnya sistem ganjaran 'intrinsic';

(d) Keupayaan mental dalam menyelesaikan masalah; dan

(e) Imej diri yang positif iaitu penghargaan diri yang tinggi dan kebolehan menanggap.

Burton (1987) menjelaskan konsep-konsep tersebut merupakan konsep-konsep asas untuk kebanyakan teori-teori psikologi mengenai keusahawanan. Arkes and Garske yang dipetik oleh Burton (1987) telah mengemukakan alternatif lain terhadap motivasi pencapaian berasaskan ke atas kajian yang terdahulu oleh Korman (1970) dan Kukla (1972, 1974). Alternatif tersebut dengan mudah

menyatakan individu yang mempunyai penghargaan diri dan keyakinan yang tinggi berkelakuan sama terhadap keperluan yang tinggi untuk pencapaian. Beliau menyatakan penghargaan diri dan keyakinan diri dipandang serius di dalam tugas pencapaian daripada model McClelland. Korman yang dipetik oleh Burton (1987) telah membentuk suatu hipotesis mengenai gelagat kerja berasaskan konsep penghargaan diri dalam bidang yang asas seperti berikut:

(a) 'Chronic self-esteem' iaitu sejauh mana seorang individu berfikir secara umumnya mengenai dirinya sebagai seorang individu yang cekap;

(b) Tugas tertentu penghargaan diri adalah berhubung terutamanya kepada tugas di tangan; dan

(c) Penghargaan diri ke atas pengaruh sosial berasaskan ke atas tekanan sosial dalam persekitaran kerja dan di tempat lain.

Ketiga-ketiga jenis penghargaan diri tersebut secara langsung memberi kesan ke atas tanggapan seseorang terhadap kecekapan dan kebolehan untuk menjalankan tugas.

### 3.2.4 Anthropologi

Menurut Deutsch yang dipetik oleh Herron et. al. (1991), terdapat sedikit sahaja penyelidikan ke atas keusahawanan yang disebabkan oleh sebahagian besar ahli anthropologi memberikan tumpuan ke atas perniagaan dan sebahagiannya disebabkan kebanyakan penyelidik dilatih dalam disiplin yang khusus dan tidak di dalam pelbagai disiplin. Stewart, yang dipetik oleh Herron et.al. (199 1) menyatakan anthropologi telah menyumbangkan atau boleh menyumbangkan kepada kajian mengenai keusahawanan melalui pemeriksaan kepentingan maklumat teknikal dan pasaran. Struktur peluang adalah satu topik yang kritikal terhadap penyelidikan dalam anthropologi yang berhubung terus kepada kajian keusahawanan. Stewart mencadangkan kaedah anthropologi yang utama iaitu

‘ethnography’ boleh digunakan dalam mengkaji keusahawanan. Herron et. al. (1991) menjelaskan pertalian di antara anthropologi dan keusahawanan sepatutnya di luaskan tetapi perkara ini belum lagi diberi perhatian yang serius.

### 32.5 Gelagat Organisasi

Gartner, Bird dan Starr, yang dipetik oleh Herron et. al. (1992) menyatakan kajian terhadap gelagat organisasi terhadap keusahawanan yang pada mulanya hanya menumpukan perbezaan di antara kedua-dua bidang tersebut. Kajian ini kemudiannya menyoal bagaimana tajuk ini sepatutnya ditafsirkan dalam perbezaan yang sedikit terhadap bidang keusahawanan. Perbezaan tersebut ialah penggunaan konsep gelagat organisasi dan konsep keusahawanan bagi membantu pemahaman pengkaji-pengkaji keusahawanan. Herron et. al.( 1991) menjelaskan keusahawanan didefinisikan sebagai proses pengwujudan organisasi dan dengan itu matlamat penyelidik keusahawanan ialah untuk membuktikan bagaimana dan mengapa organisasi diwujudkan. Uniknya gelagat organisasi dari lain-lain disiplin ialah penyelidik gelagat organisasi mentarifkan sempadan bidang ini melalui pemeriksaan motivasi dan gelagat sesuatu organisasi yang wujud.

Menurut Herron et. al (1992), penyelidik keusahawanan melihat kewujudan organisasi sebagai suatu yang belum dibentuk atau sebuah organisasi yang baru dibentuk. Mereka membantah terhadap perbezaan kewujudan organisasi sebagai konsep keusahawanan mengikut pandangan gelagat organisasi kerana ia hanya menambahkan kekeliruan dalam kajian keusahawanan. Gartner, Bird dan Starr (1988) telah memberikan dua contoh yang baik kepada pengkaji-pengkaji keusahawanan. Pertama, memeriksa aliran kerja kajian pengurusan, di mana penyelidik-penyelidik dalam bidang ini tidak begitu jauh mendefinisikan pengurusan dalam membezakannya dari bukan pengurusan atau menghubungkan perkara

yang baik dan buruk mengenai gelagat pengurusan terhadap pencapaian organisasi daripada keusahawanan. Ke dua, motivasi yang dicadangkan bagi memotivasikan orang lain mungkin menjejaskan motivasi usahawan sendiri yang boleh berubah mengikut masa.

3.2.6 Pemasaran

Gerry Hills dan Buddy LaForge, yang dipetik oleh Herron et. al. (1992) menyatakan sebab bidang pemasaran penting kepada keusahawanan seperti berikut:

(a) Mengikut falsafah ia adalah sama di mana kedua-duanya patut di arah-kan kepada pasaran dan pelanggan;

(b) Kaedah penyelidikan pemasaran boleh digunakan untuk menilai dan mengenal pasti peluang-peluang;

(c) Kelakuan pemasaran dan kelakuan keusahawanan adalah sama;

(d) Pemasaran boleh digunakan untuk memahami innovasi; dan

(e) Pemasaran adalah fungsi perniagaan yang penting.

Hills dan LaForge, yang dipetik oleh Herron et. al. (1992) menjelaskan mengenai pelbagai pendekatan yang memandu perkembangan teori pemasaran. Hills dan LaForge menerangkan tumpuan kepada sembilan pendekatan yang telah dikenal pasti oleh Sheth, Gardner dan Garrett (1988) terhadap pertalian isu-isu setiap pendekatan dengan proses keusahawanan. Pertama, pendekatan institusi pemasaran menumpukan ke atas institusi dan organisasi yang merancang perlaksanaan fungsi pemasaran , misalnya, peruncit dan pengedaran berbentuk baru. Dengan menggunakan konsep asas ini sebagai permulaan, penyelidik-penyelidik mungkin mengambil berat tentang sejauhmana usahawan mewujudkan institusi baru dan apakah peranan yang dimainkan oleh institusi

tersebut dalam keusahawanan. Kedua, mengenai “penyebaran innovasi” dan “model gelagat pembeli” yang telah tersibar luas dalam pemasaran. Perbezaan yang signifikan antara pemasaran dan keusahawanan ialah penyebaran kajian innovasi pemasaran telah menumpukan ke atas keluaran individu berbanding dengan penyebaran perniagaan baru. Hills dan LaForge mempertimbangkan semula ciri-ciri keluaran yang memberi kesan ke atas penerimaan pengguna terhadap innovasi termasuklah faedah relatif, kebolehan perbandingan, komplek-siti, kebolehan percubaan, kebolehan memerhati dan tanggapan terhadap risiko. Ketiga, kesesuaian konsep strategi pemasaran iaitu segmentasi pasaran dan sasaran pasaran terhadap perlaksanaan strategi pemasaran yang berkesan adalah amat penting kepada kejayaan awal dan pertumbuhan perniagaan baru. Dalam kaedah strategi pemasaran, kaedah penyelidikan pemasaran telah dikenal pasti boleh digunakan dalam bidang keusahawanan.

### 3.2.7 Kewangan

Herron et. al. (1992) menyatakan Brophy dan Shulman tidak mencuba untuk mendefinisikan keusahawanan tetapi telah menumpukan ke atas applikasi teori kewangan dan tajuk-tajuk mengenai pembiayaan perniagaan. Beliau mengemu-kakan unsur-unsur penting teori kewangan moden adalah sebagai latar belakang dalam menyelesaikan kerja. Disamping kajian keusahawanan dan kewangan teori-teori penilaian dan applikasi am turut dibincangkan oleh Brophy dan Shulman. Brophy dan Shulman yang dipetik oleh Herron et.al.(1992), mengulas mengenai portfolio penilaian aset modal, kecekapan pasaran dan teori pilihan harga sebagai latar belakang dalam melihat keusahawanan. Penekanan Brophy dan Shulman ialah penilaian ke atas keperluan hubungan antara firma-firma keusahawanan dan pasaran luaran serta membantu mendedahkan kesan risiko dan matlamat kewangan dalam membuat keputusan keusahawanan.

Menurut Robinson et. al. (1992), teori struktur modal iaitu kajian mengenai penyediaan sumber modal dalam pertukaran untuk mendapatkan aliran tunai masa hadapan, telah dikemukakan dengan memberi tumpuan ke atas masalah kepentingan di kalangan pemegang syer, peminjam, pekerja, pengurus, pembekal, pengedar dan pelanggan. Ia menyediakan asas untuk membuat teori mengenai struktur modal dan kontrak serta tajuk-tajuk penting mengenai pengwujudan perniagaan. Perbincangan ini menurut Robinson et. al. mempertimbangkan beberapa perkara mengenai kecairan, percukaian, risiko kemuflisan, kos agen dan maklumat yang boleh digunakan dalam keusahawanan. Robinson et. al. menjelaskan bahawa pengaruh positif terhadap kajian keusahawanan ke atas perkembangan kajian kewangan adalah mengenai ketidakcekapan pasaran yang boleh diatasi menerusi kreativiti keusahawanan.

### 3.2.8 Pengurusan Strategik

Herron, Sapienza, dan Cook (1992) yang mengulas kajian Sandberg (1984) telah memberikan ringkasan yang berguna dalam pengurusan strategik. Menurut mereka, Sandberg telah memberikan definisi keusahawanan yang berlawanan terhadap bidang pengurusan strategi dengan mengemukakan isu-isu teras keusahawanan iaitu pengwujudan perniagaan baru, innovasi, mengenal pasti peluang dan mengandaikan risiko. Sandberg juga tidak memilih antara pendekatan "trait" dan "gelagat" dalam mengkaji keusahawanan. Beliau menyatakan banyak kemungkinan yang boleh ditafsirkan antara kajian strategi dengan keusahawanan. beliau berpendapat, model yang dikemukakan oleh Schendel dan Hofer (1979) dalam mengkaji keusahawanan adalah meliputi bidang strategi yang mengandungi empat komponen iaitu skop, penyibaran sumber-sumber, faedah pertandingan dan sinergi. Sementara, proses strategi melibatkan enam tugas

utama iaitu pembentukan matlamat, analisis persekitaran, pembentukan strategi, penilaian strategi, perlaksanaan strategi dan kawalan strategi. Sandberg (1984) melihat adanya sumbangan potensi yang boleh diperolehi dalam pengurusan strategik terhadap penyelidikan keusahawanan. Sebagai contoh, katanya ' tema innovasi' menerangkan bagaimana innovasi terjadi, disokong dan dilaksanakan. Selanjutnya pengurusan strategik dapat memberikan panduan dalam mengenal pasti peluang, pembentukan matlamat dan mengandaikan risiko.

### 3.2.9 Keusahawanan Menurut Perspektif Islam

Menurut Syed Othman (1989), dalam Islam masalah keusahawanan dengan kepelbagaian aktivitinya adalah merupakan salah satu aktiviti yang dipandang sebagai ibadah. Seseorang yang mengikuti ajaran Islam di dalam Al-Quraan dan Al-Hadis pasti akan membawa kepada suatu kesimpulan yang objektif bahawa Islam adalah agama untuk hidup di dunia dan di akhirat. Dalam Al-Quraan surah Al-Imran ayat ke 14 yang dipetik oleh Syed Othman dengan jelas menerangkan persoalan mengenai kehendak manusia terhadap sesuatu yang bersifat material. Beliau menyatakan masalah keusahawanan ada hubung kaitnya dengan masalah harta. Syed Othman menjelaskan Allah telah menetapkan kepada semua makhluk yang ada di muka bumi ini terhadap segala rezeki yang terkandung di dalamnya bahan-bahan makanan dan sumber-sumber kekayaan yang boleh memberikan kesenangan. Kesemua itu tidak akan dicapai melainkan manusia itu bekerja dengan bersungguh-sungguh. Ini kerana, Allah tidak akan merubah nasib sesuatu kaum melainkan kaum itu sendiri berusaha merubahnya. Di dalam Al-Quraan surah An-Nahl (ayat 11) yang dipetik oleh Syed Othman menyatakan Islam amat menggalakkan umatnya menggunakan akal dan fikiran serta berikhtiar dan berusaha untuk membawa perubahan teknologi melalui proses innovasi. Beliau menambah Islam menggalakkan umatnya berusaha untuk mencapai kejayaan yang terima oleh Allah sama ada kejayaan di dunia ataupun

di akhirat serta hendaklah selalu berusaha mengurangi ataupun menghapuskan risiko sebelum berserah. Menurut beliau lagi, Islam menyanjung tinggi segala pekerjaan atau amalan yang berfaedah. Perniagaan merupakan satu daripada jenis pekerjaan yang tergolong dalam kategori amal.

Syed Othman menyatakan Nabi Mohammad s.a.w. telah memberikan dorongan yang kuat mengenai perniagaan melalui hadis yang bermaksud bahawa peniaga yang benar dan amanah akan dikumpulkan bersama orang-orang yang benar dan para syuhada. Beliau menjelaskan perniagaan merupakan satu kegiatan yang mulia dapat dilihat dari pendekatan Al-Sunah. Huraian kedudukan perniagaan dalam Islam dan jenis perniagaan yang dimaksudkan ialah kegiatan-kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh usahawan-usahawan yang jujur, berusaha dengan benar untuk mencari rezeki dan keuntungan yang halal seperti yang dimaksudkan oleh hadis-hadis. Seseorang peniaga yang benar itu akan dihimpunkan bersama-sama para Nabi, golongan yang benar, para syuhada dan orang-orang yang soleh. Ibnu Khaldun, yang dipetik oleh Syed Othman (1989) menerangkan bahawa perniagaan adalah percubaan-percubaan untuk mendapatkan keuntungan atau rezeki menerusi penyuburan harta melalui pembelian barang-barang secara murah dan menjualnya lebih daripada harga belian. Kadar lebihan yang diperolehi daripada usaha dan percubaan ini dinamakan keuntungan. Pandangan Ibnu Khaldun pada dasarnya adalah diakui dan diterima oleh pengkaji-pengkaji dalam bidang keusahawanan masa kini. Misalnnya, Knight (1921) menyatakan keuntungan sebagai ganjaran hasil dari risiko yang diambil oleh tuan punya perniagaan di dalam pelaburannya. Menurut Al-Qordhawi (1987), Islam telah memerintahkan umatnya mencari harta melalui perdagangan yang halal dan diredahi sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Allah di dalam surah Al-A'raf ayat ke 25 dan 26.

### 3.3 *Definisi Usahawan dan Keusahawanan*

Menurut Kuratko dan Hodgetts (1989), perkataan usahawan berasal daripada perkataan Perancis iaitu "Entreprende" yang membawa makna memikul tanggungjawab, mengelolakan, mengurus dan mengandaikan risiko mengenai suatu pemiagaan. Definisi usahawan yang diberikan oleh Kuratko dan Hodgetts mempunyai persamaan dengan definisi yang diberikan oleh Lesseu (1988).

Menurut Gibb (1988), usahawan merupakan orang yang menjalankan perniagaan. Oleh itu ia memperlihatkan sifat dan bentuk tertentu mengenai gelagat dan pemikiran berkaitan dengan perniagaan. McClelland (1961) mendefinisikan usahawan sebagai seseorang yang mengeluarkan keluaran yang lebih untuk dirinya dan dijual atau ditukar kepada orang lain. Mengikut Drucker (1985), usahawan ialah mereka yang selalu mencari perubahan, bertindak terhadap perubahan dan mempergunakan perubahan sebagai peluang. Silver, seorang pengusaha kapitalis yang telah dipetik oleh Holt (1992), menyatakan usahawan sebagai seseorang yang bertenaga, 'single-minded' dan mempunyai 'mission' dan 'vision' yang jelas serta berkeinginan menciptakan 'vision' mereka ke dalam suatu pengeluaran atau perkhidmatan bagi membaiki kehidupan manusia. Menurut Herron et.al. (1991), keusahawanan didefinisikan sebagai proses pengwujudan organisasi. Definisi yang sama telah diberikan oleh Gartner (1989). Sexton dan Bowman-Upton (1991) pula telah mendefinisikan keusahawanan:

> **"as the process of identifying opportunities in the marketplace, marshaling the resources to pursue those opportunities, and committing the actions and resources necessary to exploit the opportunities for long-term personal gain". Sementara Burch (1986), mendefinisikan keusahawanan sebagai; "Entrepreneurship is the act of being an entrepreneur, a derivative of the French term entreprendre, which means " to undertake; to pursue opportunities; to fulfill needs and wants through innovation and starting business. "**
>
> **(Sexton dan Bowman-Upton, 1991, m.s.2)**

Gartner (1989) telah menyenaraikan definisi dan ciri-ciri usahawan serta keusahawanan yang terdapat di dalam ulasan karya yang telah ditemui oleh penyelidik-penyelidik seperti dalam Jadual 3.1 berikut:

**Jadual** 3.1: Definisi **dan** Ciri-Ciri **Usahawan**

| **Pengarang** | Definisi | Ciri-ciri |
|---|---|---|
| Brockhaus (1980) | seorang usahawan didefinisikan sebagai seorang pemilik utama dan pengurus satu perniagaan yang sukar dan tidak dikerjakan di tempat lain (m.s. 510) | Kecenderungan mengambil risiko. |
| Cole (1959) | aktiviti yang amat berguna (termasuk suatu urutan keputusan yang bersepadu) seorang individu atau kumpulan individu, mengambil tanggungjawab penting, mengekalkan atau unit perniagaan berorientasikan keuntungan untuk pengeluaran atau agihan barangan ekonomi dan perkhidmatan (m.s. 7) | |
| Collins dan Moore (1970) | Kita membezakan antara pembina orgaisasi yang mencipta suatu yang baru dan firma yang bebas dan mereka yang membentuk fungsi keusahawanan di dalam organisasi yang telah didirikan. garangkali kita semua selepas itu berfikir mengenai usahauan dalam cara mengikut pandangan Schumpeter iaitu memandang usahawan sebagai: "setiap orang ialah seorang usahawan bile dia sebenarnya melakukan kombinasi yang baru dan menghilangkan ciri-ciri sebaik sahaja dia mendirikan perniagaannya. (m.s 10). | Pekerjaan ibubapa, pendidikan, kepuasan kerja dahulu dan sikap sosial. |
| Cooper dan Dunkelberg (1981) | Kertas kerja ini melapurkan di atas apa yang kita percaya mengenai sampel usahawan yang terbesar dan sangat berbeza yang telah dikaji hingga hari ini. Penemuan adalah dari satu survey seramai 1805 pengurus-pemilik | Ibubapa, pendatang, pendidikan, bilangan kerja dahulu, umur. |

sambungan Jadual 3.1: Definisi dan Ciri-ciri Usahauan

| Pengarang | Definisi | Ciri-ciri |
|---|---|---|
| Davids (1963) | Pengasas perniagaan baru (m.s. 3). | Pendidikan, bilangan anak, ugama, sukan dan kelab gabungan. |
| DeCarlo dan Lyons (1979) | Tidak memberi definisi | Umur, kadar umur, pendidikan, usaha keusahauanan dahulu rejimentasi, erti permulaan, pencapaian, autonomi, pencerobohan, kebebasan, kepimpinan, sokongan dan penyesuaian. |
| Draheim (1972) | Keusahawanan - tindakan yang mengasas satu syarikat baru di mane dahulunya tidak wujud. Usahawan ialah individu dan usahauan-usahauan adalah kumpulan kecil individu-individu yang menjadi pengasas syarikat baru | Kebolehan, takut kehilangan kerja, pengalaman kerja terdahulu, "track record", darjah "state of the art technology'. |
| Duran, (1975) | Tidak memberi definisi. | Motivasi pencapaian "locus of control", latihan. |
| Ely dan Hess (1937) | Individu atau kumpulan individu yang mengandaikan tanggungjawab menggabungkan faktor-faktor pengeluaran ke dalam sebuah organisasi perniagaan den menjadikan organisasi ini beroperasi.....dia berkuasa ke atas tenaga industri, dan di atasnya terletak seluruh tanggungjawab untuk kejayaan den kegagalan mereka (m.s. 113). | Tidak memberikan ciri-ciri |
| Gomolka (1977) | Tidak memberi definisi | Jantina, umur, etni k, pendidi ken, kerja ibubapa den latar belakang sosial. |
| Gould (1969) | Tidak memberi definisi | Persatuan "del iquent" tanggapan terhadap peluang, kelas sosial, motivasi pencapaian. |

sambungan Jadual 3.1: Definisi dan Ciri-ciri Usahauan

| Pengarang | Definisi | Ciri-ciri |
| --- | --- | --- |
| Hartman (1959) | Satu perberaan antara pengurus dan usahauan dalam hal perhubungan mereka kepada kuasa yang formal dalam organisasi industri . ..Usahawan mungkin menimbangkan kuasa formalnya secara bebas atau dia boleh menerangkan kuasanya setelah diturunkan kepada orang lain, kepada pemegang saham. Tetapi di dalam organisasi die seorang sahaja sumber semua kuasa formal. Pengurusan didefinisikan sebagai bukan sumber semua kuasa. Garis sempadan antara usahauan dan pengurus kemudian akan diterangkan dengen jelas (m.s. 450-451) | |
| Hisrich dan O'Brien (1981) | Tidak memberi definisi | Disiplin diri den ketekunan keinginan berjaya, orientasi t indakan, mat lamat orientasi, tingkat kuasa. |
| Hornaday dan Aboud (1971) | Kejayaan usahauan telah didefinisikan sebagai seorang lelaki atau perempuan yang memulakan satu perniagaan yang mana dahulunya tiada, mereka yang mempunyai sekurang-kurangnya lapan orang pekerja dan telah mendirikan perniagaan itu selama sekurang-kurangnya lima tahun. | Keperluan untuk pencapaian autonomi, pencerobohan, pengiktirafan, kepimpinan bebas, rejimentasi, later belakang keluarga, kuasa, kecenderungan innovasi. |
| Hornady dan bunker (1970) | Usahauan yang berjaya adalah seorang individu yang memulakan satu perniagaan, mendirikannya di mana belum ada perniagaan yang dahulu berperanan den meneruskanya untuk tempoh sekurang-kurangnya lima tahun kepada struktur membuat keuntungan sekarang. ..dengan lima belas orang atau lebih pekerja (m.s. 50) | Keper luan untuk pencapaian, cerdik, kreativiti, tingkat tenaga, mengambi l daya usaha,, kepercayaan diri, kepimpinan, keinginan untuk wang, keinginan pengiktirafan, desakan pencapaian, kuasa, penggabungan, pertimbangan mengena i perkara yang tidak menentu. |

sambungan Jadual 3.1: Definisi dan Ciri-ciri Usahauan

| Pengarang | Definisi | Ciri-ciri |
|---|---|---|
| Howell (1972) | Keusahauanan • tindakan pengasas sebuah syarikat baru yang belum uujud sebelum ini. Usahauan ialah individu dan usahauan-usahauan adalah kumpulan kecil orang-orang yang mengasas syarikat baru. Istilah ini juga digunakan untuk menentukan yang pengasas mempunyai hak milik yang signifikan dalam perniagaannya | Umur, taraf perkahuinan, aktiviti luaran, tingkat pendidikan, bilangan kerja terdahulu, desakan kerja terdahulu den pengaruh. |
| Hull, Bosley dan Udell (1980) | Seorang individu yang mengelolakan dan mengurus tanggungjauab satu perniagaan dengan mengendalikan untuk tujuan keuntungan. Untuk tujuan ini definisi yang standard ini akan dikembangkan kepada individu termasuk individu yang membeli atau meuarisi suatu keuujudan perniagaan dengan niat (dan berusaha ke arah) untuk mengembangkannya (m.s.11). | Minat dalam keuangan den kemasyuran, keingingan sosial, keutamaan tugas, 'locus of control', kecenderungan mengambil risiko, kreativiti den pencapaian. |
| Lachman (1980) | Usahauan ialah dianggap sebagai seorang individu yang menggunakan kombinasi baru faktor pengeluaran untuk mengeluarkan jenama pertama dalam sebuah industri. | Umur, lamanya di Israel, pendidikan, peker jaan bapa, pencapaian motivasi, orientasi pencapaian. |
| Lavington (1922) | Dalam zaman moden usahauan diandaikan dalam banyak bentuk. Die mungkin seorang ahli perniagaan persendirian, seorang rakan kongsi, 'joint stock company', seorang koperasi masyarakat, seorang ahli majlis perbandaran atau badan yang sama (m.s. 19) | Tidak memberikan ciri-ciri. |
| Leibenstein 91968) | Melalui keusahawaan secara routin kita bermakna melibatkan aktiviti dalam mengelola dan membaua ke atas penubuhan yang baik, berterusan yang mana bahagian peranan pengeluaran digunakan adalah diketahui umum dan yang mana berjalan dalampenubuhan yang baik dan dengan jelas mendefinisikan pasaran. Menerusi N-keusahauanan bermakna kita pentingkan aktivit-aktiviti meuujudkan atau meneruskan sebuah perniagaan di mana tidak semua pasaran adalah baik dibangunkan atau jelas didefinisikan atau dalam mane bahagian yang sesuai mengenai peranan pengeluaran tidak diketahui sepenuhnya (m.s. 73) | |

sambungan Jadual 3.1: Definisi dan Ciri-ciri Usahauan

| Pengarang | Definisi | Ciri-ciri |
|---|---|---|
| Liles (1974) | Kita telah memeriksa keusahawanan yang mane ia terlibat dalam perniagaan yang sukar dan penting dan mempertimbangkan apa yang kita temui yang usahauan adalah individu yang istimewa • luar biasa. Ini mungkin benar yang kejayaan usahawan menjadi sebahagian dari dirinya. Tetapi pada permulaannya bile mereka membuat keputusan memulakan kerjaya keusahawanan, mereka akan menumpukan benar-benar seperti lain-lain cite-cite, individu yang berjuang (m.s. 14). | |
| Litzinger (1965) | Perbezaan telah dilihat antara usahawan yang mana mereka adalah orang yang mempunyai matlamat dan orientasi tindakan sebagai yang berlawanan dengan pengurus yang mana melaksanakan polisi dan prosidur dalam mencapai matlamat. Pemilik motel mom dan pop kelihatan sebagai jenis keusahauanan yang melaburkan modalnya dan mengendalikan sebuah perniagaan (m.s. 268). | Mengutamakan risiko, bebas, kepimpinan, pengiktirafan, sokongan, penyesuaian, baik hati, struktur. |
| McClelland (1961 | geseorang yang melaksanakan kawalan terhadap makna pengeluaran dan mengeluarkan lebih dari yang dia boleh guna dala hal untuk menjualnya (atau bertukar) untuk pendapatan individu (atau untuk isirmah)....Dalam amalan individu seperti ini bertukar menjadi peniaga, mengendalikan firma dan bebas (m.s. 65). | Pencapaian, optimis, pengabungan, kuasa, bercermat, mempastikan, kepercayaan dalam mencapai status, moral pasaran. |
| Mescon and Montanari (1981) | Usahawan didefinisikan sebagai pengasas perniagaan baru. | Pencapaian, autonomi, penguasaan, ketahanan, perinteh, 'locus of control'. |
| Palmer (1971) | Peranan keusahawanan melibatkan pengukuran asas risiko den mengambil risiko di dalam organisasi sebuah perniagaan. Tambahan lagi usahauan yang berjaya ialah individu yang boleh mengetahui keadaan risiko dan membetulkannya dan kemudian menentukan pol isi yang akan meminimakan risiko yang terlibat...Kemudian individu yang boleh mengukur membetulkan keadaan risiko, mereka tidak akan didefinisikan sebagai seorang usahawan (m.s. 38). | Tidak memberiken ciri-ciri. |

sambungan Jadual 3.1: Definisi dan Ciri-ciri Usahauan

| Pengarang | Definisi | Ciri-ciri |
|---|---|---|
| Say (1816) | Agen yang menggabungkan semua makna pengeluaran dan yang mencari nilai dalam keluaran... membangunkan semula seluruh modal yang digunakan dan nilai upah, kadar bunga dan bayaran sewa asalkan keuntungan dipunyai oleh dirinya (m.s 28-29). | Tidak memberikan ciri-ciri |
| Schrage (1965) | Tidak memberikan definisi | Tanggapan 'Veridical', motivasi pencapaian, motivasi kuasa, menyedari pencapaian yang sering melemah-kan. |
| Schumpeter (1934) | Keusahauanan, sebagai yang didefinisikan secara intinya, mengandungi dalam membuat benda-benda yang umumnya tidak dibuat dalam sebab yang biasa dalam amalan perniagaan, ia secara intinya satu phe-nomena yang datang dari aspek yang luas mengenai kepimpinan (m.s. 254). | Tidak member i ken ciri-ciri. |
| Stauss (1944) | Kertas kerja ini ialah suatu pendebatan kemajuan pembahagian firma itu ialah usahawan. | Tidak memberikan ciri-ciri. |
| Thorne dan Ball (1981) | Tidak memberikan definisi. | Umur, bi langan perniagaan dahulu, pendidikan, latar-latar belakang keluarga. |
| Uainer dan Rubin (1969) | Skim usahawan McClel land ialah "mereka yang mengelolakan firma (unit perniagaan) dan meningkatkan kemampuan pengeluaran. | Pencapaian, kuasa, penggabungan. |
| Walsch dan Young (1982) | Tidak memberikan definisi. | 'Locus of control', 'Machiavelliansim', sanjungan diri, mengambi l risiko, bersi kap terbuka terhadap innovasi, ketegasan, peraturan kerajaan, bersikap optimis terhadap ekonomi . |

Sunber:Gertner (1988), m.s. 13-20

Gartner (1988) menyatakan banyak definisi keusahawanan yang digunakan seperti yang terdapat di dalam Jadual 3.1 telah menimbulkan masalah. Di antara masalah tersebut ialah tidak jelas dalam mentakrifkan konsep keusahawanan, hanya sedikit kajian menggunakan definisi yang sama, kekurangan persetujuan asas mengenai "siapa seorang usahawan", ciri-ciri dan 'trait' usahawan.

### *3.4 Ciri-Ciri Keusahawanan*

Ciri-ciri seseorang usahawan bukan sahaja dipengaruhi oleh faktor personaliti tetapi juga berbagai faktor lain seperti perpindahan dan ketidakpuasan individu, peluang-peluang, galakan kerajaan dan kemudahan mendapatkan sumber-sumber (King, 1985). Burton (1987) menyatakan adalah sukar untuk mengkaji keusahawanan kerana kekurangan persetujuan mengenai definisi gelagat keusahawanan yang spesifik. David McClelland (1961) merupakan orang yang pertama mengkaji ciri-ciri seorang usahawan. Beliau menegaskan kebanyakan usahawan yang berjaya mempunyai kehendak terhadap pencapaian yang cemerlang, mengambil risiko secara sederhana serta mempunyai punca kawalan dalaman diri (locus of control) yang tinggi. Timmons (1979) telah mengenal pasti ciri-ciri usahawan yang berjaya iaitu di antaranya mereka yang mempunyai darjah keyakinan yang tinggi dan melihat wang sebagai faktor motivasi kejayaan, memerlukan maklumbalas, mempunyai komitmen dan menetapkan matlamat dengan jelas serta sederhana dalam mengambil risiko. Geoffrey (1982) pula, telah mencirikan usahawan sebagai seorang yang mempunyai keyakinan diri, berorentasikan tugas hasil, pengambil risiko, berkepimpinan, mempunyai lokus kawalan dan berorentasikan masa depan .

Dalam melihat sikap seseorang terhadap keusahawanan, penyelidik akan meneliti kepada ciri-ciri yang perlu ada bagi seseorang usahawan. Ciri-ciri keusahawanan tersebut berasaskan kepada kajian ciri-ciri personaliti iaitu lokus kawalan yang telah diketengahkan oleh Scherer (1991), Borland (1975), dan Brockhaus & Nord (1979), kecenderungan mengambil risiko yang diketengah-kan oleh Brockhaus (1980) dan Hull, Bosley & Udell (1980), Innovasi yang diketengahkan oleh Carland (1982), Morris & Fargher (1974), dan motivasi pencapaian oleh Harnaday & Aboud (1971) dan McClelland (1961) serta penghargaan diri dan keyakinan (self-esteem and confidence) oleh Arkes & Garske (1982). Ciri-ciri keusahawanan yang telah diketengahkan oleh penyelidik-penyelidik tersebut terhadap bidang keusahawanan dibincangkan seperti berikut:

**(a) Lokus Kawalan (Locus of Control)**

Lokus kawalan atau keperluan autonomi adalah merupakan ciri-ciri usahawan yang menerangkan tentang kepercayaan individu terhadap kemampuannya menentukan hasil daripada peristiwa-peristiwa yang berlaku di dalam hidupnya. Menurut Scanlan (1979), seseorang yang mempunyai lokus kawalan dalaman akan mempercayai bahawa mereka boleh mengawal dirinya dan sebarang kejadian bergantung kepada kehendak dan keputusan mereka.

Brockhaus (1980) yang telah dipetik oleh Sandberg (1984) telah menjalankan kajian dalam tahun 1978 ke atas peniaga-peniaga. Ahli perniagaan yang mampu berdaya tahan pada tahun 1978 didapati mempunyai kawalan dalaman yang lebih tinggi berbanding dengan peniaga yang gagal. Oleh itu, Brockhaus telah membuat kesimpulan bahawa individu yang mempunyai kawalan luaran lebih suka berhenti berniaga daripada berusaha mengatasi kerugian yang dialami. Gurin, Lao dan Bettie (1969) yang dipetik oleh Scanlan (1979), telah membuat kajian terhadap pelajar-pelajar. Hasil kajian tersebut menunjukkan pelajar yang

mempunyai tahap kawalan diri yang tinggi, mendapat markah tinggi dalam ujian, berkeyakinan dalam pelajaran dan mempunyai minat yang tinggi terhadap pelajaran berbanding dengan pelajar yang kurang kawalan diri. Hasil kajian ini sama seperti yang ditemui oleh Brockhaus (1980). Borland (1974) dalam kajian-nya mengenai penentu ciri-ciri pelajar yang berkeinginan untuk memiliki perniagaan mendapati adanya perbezaan yang nyata terhadap kawalan dalaman antara pelajar yang berkeinginan memulakan suatu perniagaan dengan mereka yang tidak berkeinginan. Beliau menambah, kawalan dalaman adalah lebih baik dalam meramalkan keusahawanan berbanding dengan pencapaian motivasi. Sexton dan Bowman (1984) dalam kajiannya mendapati pelajar dalam bidang keusahawanan dan perniagaan mempunyai skor yang sama ke atas kawalan dalaman. Pelajar yang bukan dalam bidang perniagaan didapati mempunyai skor yang tinggi dalam kawalan dalaman.

Rao (1985) yang dipetik oleh Burton (1987) menyatakan lokus kawalan dalaman menjadi ciri asas bagi mereka yang bertindak sebagai agen perubahan dalam membaiki dirinya, masyarakatnya atau organisasinya. Beliau menjelaskan dalam ulasan karya mengenai lokus kawalan menerangkan faktor "dalaman" mempunyai ciri-ciri yang sama dengan individu yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi. Perkara tersebut pernah dinyatakan oleh Richards (1975) yang dipetik oleh Rao (1985) dan Leftcort (1976). Lokus kawalan dalaman mempunyai hubungan terhadap kerja. Mereka yang mempunyai lokus kawalan dalaman lebih berkerjasama, percaya pada diri sendiri, lebih mengetahui mengenai kerja, mempunyai pengarahan diri, bertanggungjawab, lebih menggunakan pujukan berbanding dengan menggunakan kuasa paksaan dan menganggap seseorang mempunyai kebolehan yang sama serta menganggap keusahawanan bukan bidang perjudian. Richard menambah, ia mempunyai hubungan dengan penghargaan diri yang menganggap kebolehan seseorang.

Lokus kawalan diukur dengan menggunakan skel lokus kawalan Rotter (1966) yang telah menghasilkan keputusan yang signifikan terhadap kajian yang dijalankan oleh Miller et.al (1982), Brockhaus (1973, Durand dan Shea (1972) dan Shapero (1975) yang dipetik oleh Burton (1987).

Skel lokus kawalan Laverson (1972) telah dikembangkan untuk mengukur tiga aspek mengenai lokus kawalan iaitu kawalan oleh kuasa penuh orang lain, kawalan oleh tekanan terhadap peluang dan kawalan dalaman. Skel Inventori Orientasi Keusahawanan telah dikembangkan oleh Rao dan rakannya pada tahun 1985. Skel ini biasa digunakan dalam program latihan bersama-sama dengan skel Rotter E-l dan skel Lokus Kawalan Leverson bagi mendapatkan maklumbalas ke atas kecenderungan terhadap lokus kawalan dalam.

**(b) Kecenderungan Mengambil Riiiko**

Berbagai konsep risiko telah digunakan di dalam kajian keusahawanan. kajian awal mengenai risiko hanya tertumpu kepada risiko yang bercorak kewangan. Giles (1974) yang dipetik oleh Sandberg (1974) menyatakan konsep tersebut telah dikembangkan kepada kos melepas dan 'psychic costs' terhadap kegagalan usahawan. McClelland (1961), Mescon (1979) dan Sexton (1980) menjelaskan para usahawan adalah suka memilih risiko yang bertaraf sederhana.

King (1985) telah menjalankan kajian perbandingan di antara dua kumpulan iaitu kumpulan usahawan yang berjaya dan kumpulan usahawan yang tidak berjaya dalam perniagaan. Hasil kajian beliau menunjukkan min bagi usahawan yang berjaya adalah lebih tinggi dalam pengarahan diri, motivasi pencapaian, lokus kawalan, kuasa dan penyelesaian masalah. Usahawan yang tidak berjaya pula mempunyai min yang lebih tinggi di dalam keupayaan mengambil risiko dan manipulasi. Hasil kajian ini menunjukkan faktor pengambilan risiko tidak mempunyai kaitan dengan kejayaan dalam perniagaan.

Menurut Lafuente (1989), individu yang mengambil risiko menunjukkan prestasi yang baik dalam keuntungan dan pertumbuhan perniagaan mereka. Beliau mendapati firma yang mempunyai gaya pengurusannya yang baik, mendapat keuntungan yang lebih tinggi berbanding dengan firma berorentasikan risiko. Jika dilihat dari aspek pertumbuhan organisasi, keadaan yang sebaliknya pula berlaku di mana firma yang mengambil risiko mempunyai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding dengan firma yang mengamalkan pengurusan secara 'adaptive'. Knight (1921) yang dipetik oleh Sandberg (1984) menyatakan:

> "profit is a residual share arising because of uncertainty and accuring to the entrepreneur for excercising that ultimate responsibility which its very nature cannot be insured nor capitalized nor salaried".

Brockhaus (1980) yang dipetik oleh Sandberg (1984) telah membuat perbandingan antara usahawan yang berjaya dengan usahawan yang gagal berdasarkan pengukuran risiko yang dipilih apabila mereka menerima lesen perniagaan. Tiada perbezaan diperolehi di antara dua kumpulan tersebut. Oleh itu, beliau telah membuat andaian bahawa pemilihan risiko berkemungkinan tidak mempunyai kaitan dengan kejayaan perniagaan.

Ray (1981) pula menyatakan pengambil risiko memilih kerjaya terbaik yang boleh mereka lakukan walaupun merbahaya. Mereka juga memilih kriteria mobiliti di dalam organisasi, dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran dan menunjukkan prestasi yang lebih baik berbanding dengan pengambil risiko yang rendah. Menurut Bird (1989), risiko melibatkan penilaian psikologi terhadap peluang kejayaan atau kegagalan untuk sebarang tugas atau rancangan. Bird menyatakan lagi, usahawan mungkin menghadapi ketidakpastian dalam perkara-perkara tertentu seperti kewangan, sosial dan keluarga, emosi dan fizikal, kerjaya, kemungkinan pertumbuhan dan kejatuhan organisasi. Mac-

Crimmon dan Wehrung (1986) yang dipetik oleh Salleh (1992) menyatakan risiko adalah wujud dari tiga sumber. Pertama, kekurangan kawalan, pengaruh dari orang lain dan kewujudan sumber yang tidak mencukupi. Kedua, kekurangan maklumat dan maklumat yang tidak sesuai. Ketiga, kekurangan masa dalam membuat sesuatu keputusan.

Menurut McClelland (1961), seseorang individu yang mempunyai pencapaian yang tinggi adalah sederhana dalam kecenderungan mengambil risiko. Atkinson (1957) menyatakan probabiliti kejayaan adalah 50 peratus bagi mereka yang mengambil risiko sederhana dan lebihnya adalah pencapaian motivasi. Timmons (1976) menyatakan usahawan cenderung mempunyai sikap sabar yang tinggi terhadap ketidakpastian. Menurut Burton (1987), kriteria pengesahan bagi pengukuran pengambilan risiko, korelasi jarak di antara 0.17 hingga 0.58 ke atas kriteria yang berbeza. Beliau membuat kesimpulan, secara umumnya keutamaan menggunakan pengambilan risiko tidak banyak menyumbangkan terhadap meramalkan keusahawanan.

**(c) Kreativiti dan Innovasi**

Kreativiti merupakan di antara ciri-ciri sikap yang penting bagi seorang usahawan yang telah diketengahkan oleh Schumpeter (1934). Carland et al.(1984) telah membandingkan idea Schumpeter mengenai kreativiti keusahawanan termasuklah memperkenalkan barangan baru, memperkenalkan kaedah baru pengeluaran, membuka pasaran baru, membuka penawaran baru dan mengelolakan semula industri. Menurut Bird (1989), kreativiti adalah sebagai suatu yang abstrak dan merupakan proses memulakan suatu organisasi yang baru menerusi penemuan, penciptaan dan innovasi. Mengikut kajian Sexton dan Bowman (1984), usahawan yang lebih berpotensi mempunyai innovasi, adalah pelajar yang bukan mengkhusus dalam perniagaan. Menurut Schein (1977), keperluan kreatif di kalangan pelajar kolej adalah berkaitan terhadap kerjaya

keusahawanan dan kesediaan mewujudkan suatu yang baru bagi membolehkan mereka mengenal pasti diri. Silver (1983) telah membuat satu kajian telah mendapati usahawan yang kreatif berupaya mengenalpasti masalah berbanding dengan mereka yang bukan usahawan. Burton (1987) pula menyatakan sungguh-pun kajian belum pernah dibuat mengenai instrumen innovasi yang digunakan dalam meramalkan keusahawanan tetapi adalah lojik bahawa usahawan cenderung menjadi 'innovator'.

### (d) Keperluan Pencapaian

Perkaitan di antara keperluan pencapaian terhadap keusahawanan masih menimbulkan kontroversi. McClelland (1961) dalam teori keperluan pencapaian beliau, menyatakan seseorang yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi berkecenderungan memilih tugas yang mencabar dan memerlukan kemahiran serta bertanggungjawab untuk mencapai kejayaan. Beliau menambah, keperluan pencapaian ini mendorong individu menjadi seorang usahawan.

McClelland (1987) dalam kajiannya yang terkini menyatakan keperluan dan motif pencapaian yang ditemui sebagai meramalkan keutamaan seseorang untuk menerima risiko sederhana atau tugas yang mencabar, sama ada ketika bekerja atau bermain. Motif pencapaian telah dibahaskan sebagai meramalkan keuta-maan seseorang untuk tanggungjawab terhadap tugas yang mencabar. Beliau menambah mereka yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi menekankan nilai yang besar ke atas hasil pencapaian dan lebih berinnovasi. Brockhause dan Horwitz (1986) yang dipetik oleh Salleh (1992) menyatakan usahawan yang mempunyai pencapaian yang tinggi adalah merupakan di antara eksekutif yang berjaya. McClelland (1965) mendapati terdapat perkembangan yang jelas antara keperluan pencapaian dengan status seseorang usahawan lelaki. Komives (1972), Hornarday dan Aboud (1971), Morriss dan Fragher (1974)

yang dipetik oleh Sandberg (1984) pula menyatakan seseorang usahawan yang berjaya didapati mendapat skor yang lebih tinggi di dalam keperluan pencapaian. Scharage (1965) yang dipetik oleh Sandberg (1984) juga telah mengkaitkan keperluan pencapaian dengan keuntungan dan kerugian. Scharage menyatakan usahawan yang mempunyai keperluan pencapaian yang tinggi akan bekerja keras untuk berjaya. Sebaliknya jika usahawan tersebut menerima kegagalan, keadaan ini akan memburukkan prestasi mereka.

Gilmore (1971) yang dipetik oleh Scanlan (1979) mendapati sekumpulan usahawan yang memperolehi skor yang tinggi di dalam prestasi perniagaan mempunyai keperluan pencapaian yang rendah, manakala mereka yang mempunyai skor sederhana mempunyai kadar pertumbuhan jualan yang tinggi. Penemuan ini menunjukkan perbezaan daripada yang ditemui oleh Sandberg.

Kajian yang dijalankan oleh Wainer dan Rubin (1969) yang dipetik oleh Sandberg (1984) pula mengaitkan sampel yang menunjukkan keperluan pencapaian tinggi dengan pertumbuhan syarikat. Hasil kajian menunjukkan tiada perbezaan prestasi di antara usahawan yang mempunyai keperluan pencapaian sederhana dan rendah. Wainer dan Rubin telah membuat kesimpulan bahawa tiada perkaitan di antara keperluan pencapaian tinggi dengan prestasi perniagaan. Menurut Burton (1987), banyak pengukuran mengenai pencapaian dikaji oleh penyelidik-penyelidik dengan menggunakan pelbagai skel. Skel 'Thematic Apperception Test' (TAT) dan sistem skor untuk skel pencapaian adalah biasa digunakan dalam mengkaji pencapaian keusahawanan. Yamauchi dan Doi yang dipetik oleh Burton (1987) mengenalpasti menerusi analisis faktor terhadap semua skel yang digunakan, mendapati empat faktor berbeza berkaitan dengan pengukuran pencapaian motivasi. Empat faktor tersebut adalah positif berlawanan negatif berkaitan dengan motif mengatasi kegagalan, satu kecenderungan yang positif mengarah orientasi pencapaian, komponen personaliti

mengenai kecenderungan pencapaian yang sama dengan model McClelland dan faktor pengukuran motivasi ke arah kejayaan.

Burton (1987) menjelaskan penyelidik yang banyak menghasilkan kajian ke atas motivasi pencapaian ialah John J. Ray (1975, 1979, 1980, 1981, 1982). Beliau telah membangunkan beberapa skel pengesahan di antaranya ialah skel Orientasi Sikap.

**(e) Penghargaan diri dan Keyakinan (Self-Esteem and Confidence)**

Menurut Burton (1987), model penghargaan diri yang dipersembahkan oleh Arkes dan Garske (1982) memberikan satu 'framework' yang umum untuk pengukuran mengenai keusahawanan. Beliau menjelaskan secara konsepnya penghargaan diri dan keyakinan perlu dikaji kerana ia mempunyai hubungan yang rapat terhadap lain-lain pengukuran seperti lokus kawalan dan penghargaan diri. Korman (1970) telah menggunakan dua kaedah untuk mengukur penghargaan diri. Pertama, menggunakan ujian 'paper-pencil test'. Kedua, menggunakan percubaan manipulasi bagi merangsang tinggi atau rendah terhadap penghargaan diri. Beliau menyatakan ujian yang dijalankan oleh Korman mendapati kecekapan diri terhadap suatu tugas yang dilaksanakan. Beliau menambah penemuan ini adalah sama dengan penemuan Kukla, Jones, Miller dan Brickman & Bolen (1975). Burton menyatakan lagi, semua skel telah dilihat semula oleh Crandall dan didapati tidak meliputi bidang yang hendak dikaji. Butir-butir dalam skel tersebut melihat faktor kognitif, 'affective' dan gelagat yang berhubung dengan penghargaan diri.

## 3.5 *Pelbagai Pendekatan Kajian Keusahawanan*

### 3.5.1 Pendekatan Sikap

Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan sikap adalah suatu gejala psikologi yang tidak dapat dilihat secara keseluruhannya melalui perlakuan. Sikap hanya dapat dilihat melalui perlakuan yang ditunjukkan tetapi segala yang tersirat di dalam diri individu itu sebagai dorongannya untuk bertindak dan melakukan sesuatu. Sikap mempunyai arah dan darjah (intensity). Arah melambangkan perasaan suka (favourable) atau benci (unfavourable) terhadap sesuatu objek atau idea. Darjah pula membawa maksud kadar kesukaan atau kebencian terhadap sesuatu objek atau idea tersebut. Ciri-ciri "arah" dan "darjah" ini sangat mempengaruhi aspek kognitif dan perasaan individu. Menurut Stagner(1937), sikap juga dibentuk oleh objek, arah dan darjah. Objek adalah aspek kognitif dari pengalaman seseorang individu. Arah adalah perasaan suka (favourable) atau benci (unfavourable) terhadap objek tersebut yang lahir daripada pemahaman individu tersebut. Darjah pula adalah kadar aktiviti yang dilakukan dan melahirkan situasi yang melibatkan sikap.

Menurut Fishbein dan Ajzen( 1975):

> "learned tendencies to perceive and act in some consistency favourable or unfavourable manner with regard to a given object or idea such as product, service, brand, company store or spokesperson."
>
> (Fishbein & Ajzen 1975, m.s. 6).

Definisi yang dikemukakan oleh Fishbein dan Ajzen (1975) menyatakan sikap bukannya dilahirkan tetapi diperolehi daripada pengalaman lepas yang dipelajari dan berkecenderungan untuk membawa suatu perlakuan di masa hadapan. Semakin suka (favourable) sikap individu tersebut terhadap sesuatu objek maka semakin besar kemungkinan individu tersebu t bertindak terhadap suatu

perlakuan. Begitulah juga jika keadaan sebaliknya berlaku. Oleh itu, sikap boleh juga dikatakan sebagai suatu penilai kerana sikap membayangkan perasaan seseorang individu sama ada suka atau benci terhadap sesuatu objek.

Hawkins dan Coney (1980) menyatakan:

> " a more enduring organization of interrelated beliefs that describe, evaluate and direct action with respect to a particular object or situation."
>
> (Hawkins dan Coney 1980, m.s. 331).

Definisi tersebut menyatakan sikap adalah terdiri daripada kepercayaan perasaan dan kecenderungan bertindak terhadap sesuatu objek atau keadaan.

Allport (1954) pula mendefinisikan sikap sebagai:

> "An attitude is a mental and neutral state of readiness, organized through experience, exerting a directive or dynamic influence upon the individual's response all objects and situations with which it is related."
>
> (Allport 1954, m.s. 19).

Definisi tersebut menyatakan sikap sebagai satu kesediaan mental dan saraf yang diatur mengikut pengalaman dan boleh mempengaruhi arah gerakbalas individu terhadap semua objek dan situasi individu tersebut terlibat. Tegasnya, walaupun hanya komponen tingkahlaku sahaja yang dapat dilihat untuk menentukan sikap seseorang itu tetapi sikap juga dapat digambarkan dari pendapat seseorang individu terhadap sesuatu objek tertentu. Pendapat ini lahir dari komponen kognitif dan komponen perasaan mengikut arah dan darjah sikapnya yang diperolehi melalui pembelajaran. Arah dan darjah sikap ini dapat diukur dengan menggunakan skala walaupun tidak secara keseluruhannya ditunjukkan dengan perlakuan individu tersebut. Dalam konteks psikologi sosial semasa, sikap ditak-

rif sebagai penampilan tindakbalas yang secara umumnya disukai atau tidak disukai. Setiap sikap mempunyai objeknya seperti individu, tempat, benda, upacara, aktiviti, konsep mental, cara hidup atau kombinasi perkara-perkara tersebut (Robinson et. al. 1991).

Menurut Robinson et. al (1991), untuk mengukur sikap yang spesifik perlu ada model pengukuran yang spesifik. Sebagai contoh, sikap terhadap kejayaan (umum) adalah tidak sama dengan sikap terhadap kejayaan dalam keusahawanan (spesifik). Pemadanan ciri yang ingin diukur dengan alat yang mengukur adalah penting. Pertama, ia meningkatkan ketepatan sesuatu yang ingin diukur dalam kawasannya. Kedua, ia meningkatkan kebolehan ramalan instrumen disebabkan ketepatan yang meningkat. Mereka menjelaskan terdapat dua kaedah asas dalam menentukan keadaan sikap. Kaedah pertama menyatakan sikap adalah terbina dalam satu dimensi iaitu diwakili oleh “affective” sebagai mana yang dinyatakan oleh Fishbein & Ajzen (1975). Kaedah yang kedua dikenali sebagai model tiga demensi (tripartite model) yang mengatakan terdapat tiga jenis reaksi pada sesuatu keadaan iaitu emosi, mental dan "conation". Sikap ialah satu kombinasi mengenai tiga perkara tersebut sebagaimana yang dipetik oleh Robinson et. al.(1991), Allport (1935), Breckler (1983, 1984), Carlson (1985), Chaiken & Stangor (1987), Katz & Scotland (1959), Kothandapani (1970), Ostrom (1969), Rosenberg & Hovland (1960), dan Shaver (1987).

Robinson et. al. (199 1) menjelaskan komponen kognitif mengandungi kepercayaan dan pemikiran yang seseorang individu mempunyai suatu objek sikap. Komponen ‘affective’ mengandungi perasaan positif atau negatif ke arah objek. Komponen ‘conative’ atau kelakuan mengandungi hasrat kelakuan dan perpindahan (predispositions) berkelakuan dalam cara yang diberi ke arah objek.

Sungguhpun model yang dipersembahkan di sini adalah pelbagai demensi, ia adalah tidak banyak berlawanan dari kajian menggunakan model 'unidimensional' yang diperkenalkan oleh Fishbein dan Ajzen.

Chaiken dan Stagnor (1987) dalam "Annual Review of Psychology" yang dipetik oleh Robinson et.al. menyatakan pandangan mengenai pelbagai sikap tidaklah bercanggah kepada model nilai-jangkaan yang dicadangkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Robinson et. al. menambah, Bogozzi (1984, 1985) telah memeriksa lebih jauh model Fishbein dan Ajzen dan menunjukkan rangkakerja tersebut hanya satu dari bilangan 'unidimensional' dan 'multidimensional' pembentukan nilai jangkaan yang boleh digunakan bagi mewakili sikap. Robinson et.al. menambah, hubungan model "tripartite" terhadap definisi sikap dalam karya psikologi sosial telah diberikan oleh Breckler (1984). Beliau melihat tiga komponen sikap sebagai tindakbalas alternatif sungguhpun pandangan lain mengenai tiga komponen itu sebagai tiga bidang yang berbeza. Chaiken dan Stangor (1987) melihat tiga komponen sikap tersebut berasaskan pertimbangan penilaian. Robinson et. al. menjelaskan terdapat banyak bukti menyokong pendekatan "tripartite" dan Skel Orientasi Sikap Keusahawanan dibangunkan berasaskan pendekatan ini.

Menurut Robinson et. al. (1991), teori sikap mempunyai sejarah yang penting dalam kajian dan menawarkan faedah teori dan praktikel terhadap kajian keusahawanan. Ajzen (1982) dan Ajzen & Madden (1986) yang dipetik oleh Robinson et. al., menyatakan instrumen sikap mengira lebih perbezaan dalam satu set kelakuan tertentu di mana julat korelasi penting di antara 0.40 hingga 0.70 berbanding instrumen berasaskan 'trait' julat korelasi penting di antara 0.10 hingga 0.30. Satu kelebihan methodologi model kajian ini berbanding

dengan model personaliti ialah ia boleh menjadi suatu bidang khusus dan dengan yang demikian mengurangkan angkubah yang tidak diterangkan dan meningkatkan korelasi dengan kelakuan.

Drucker (1970), Gasse (1985), Greenberger & Sexton (1987), Olson & Bosserman (1984) yang dipetik oleh Herron et. al.( 1992) menyatakan sungguhpun ramai penyelidik dan ahli teori telah mengenali kepentingan sikap dalam memahami usahawan, tetapi tidak ramai di kalangan mereka yang mengenali teori sikap sebagai suatu pendekatan alternatif terhadap model personaliti. Menurut Herron et. al. dalam bidang keusahawanan, Gasse (1985) telah menyediakan contoh terbaik mengenai model sikap dengan rekabentuk kajian pendekatan berasaskan model demensi kognitif sikap. Greenberger dan Sexton (1987) juga telah menggunakan model sikap dalam pendekatan kajian mereka mengenai keusahawanan.

### 3.5.2 Pendekatan Personaliti dan Trait

Pendekatan kedua dalam mengenal pasti kecenderungan keusahawanan terdiri daripada pengukuran personaliti atau kecenderungan motivasi yang dimiliki oleh usahawan-usahawan. Ia bermula dalam tahun 1950an dan 1960an yang telah diketengahkan oleh David C. McClelland dan rakan-rakannya iaitu Atkinson, Clark dan Lowell. Mereka mengkaji motif kejayaan dan keperluan untuk mencapai kejayaan serta keperluan-keperluan lain. Dalam pendekatan personaliti usahawan diandaikan mempunyai satu set personaliti tertentu yang menerangkan seseorang sebagai usahawan (Gartner 1988).

Scherer et. al.( 1991) mengandaikan usahawan adalah berbeza sedikit daripada penduduk umum dan perbezaan ini boleh diterangkan dalam profail personaliti yang dipunyai oleh usahawan. Robinson et. al. (199 1) menyatakan pendekatan personaliti untuk mengenal pasti kecenderungan terhadap keusahawanan

mengandungi pengukuran secara langsung mengenai personaliti yang dipunyai oleh usahawan-usahawan.

### 3.53 Pendekatan Demografi

Robinson et. al. (1991) menyatakan pendekatan ketiga yang biasa digunakan di dalam mengenal pasti usahawan ialah maklumat demografi bagi mencapai satu profil usahawan yang terpenting. Menurut mereka dengan kaedah ini andaian dibuat bahawa individu dengan latar belakang yang sama mempunyai ciri-ciri dalaman yang serupa. Oleh itu dengan mengetahui sifat-sifat demografi sekumpulan usahawan, populasi yang tidak diketahui boleh diramal sifat-sifat mereka. Ciri-ciri demografi yang biasa diselidiki adalah mengenai latar belakang keluarga, pengalaman, taraf perkahwinan, umur, taraf pendidikan ibubapa dan diri sendiri, taraf ekonomi, pengalaman dan tabiat bekerja. (Brockhause, 1982; Cohen, 1980; Collins, Moore, & Unwalla, 1964; Gasse, 1985; Hisrich, 1986; Jacobowitz & Vidler, 1982; Sexton & Auken, 1982; Swayne & Tucker, 1973).

### 3.5.4 Pendekatan Kelakuan dan Trait'

Mengikut Vesper (1982) yang dipetik oleh Gartner (1989) menyatakan:

> **"I think the study of the entrepreneur is actually one step removed from the primary phenomenon of entrepreneurship • the creation of organizations, the process by which new organization come into existence."**
>
> **(Vesper, 1982 dipetik oleh Gartner, 1989, m.s. 57)**

Kenyataan tersebut menunjukkan kajian terhadap keusahawanan telah bergerak selangkah dari phenomena asas keusahawanan mengenai pengwujudan organisasi dan proses di mana organisasi baru menjadi kenyataan. Gartner menjelaskan pendekatan kelakuan melihat pengwujudan sebuah organisasi sebagai suatu hubungan peristiwa hasil dari pelbagai pengaruh. Usahawan ialah sebahagian

dari proses yang kompleks bagi mengwujudkan perkerjaan baru yang mencabar. Kajian dalam pendekatan kelakuan dan ‘trait’ terhadap keusahawanan menganggap organisasi sebagai peringkat asas analisis dan individu dilihat dalam bentuk memikul tanggungjawab bagi membolehkan organisasi itu wujud. Ciri-ciri personaliti usahawan adalah sampingan kepada kelakuan usahawan. Gartner (1989) menjelaskan pandangan mengenai kelakuan terhadap keusahawanan bukanlah suatu perkara yang baru. Beliau menambah ramai pengarang seperti Herbert & Link, (1982), dan Shapero & Sokol, (1982), bertanyakan soalan asas iaitu “bagaimana sebuah organisasi wujud?". Arthur Cole (1946) yang dipetik oleh Gartner (1989) mendefinisikan usahawan sebagai:

> **“Unites all means of production - the labor of the one, the capital or the land of the others - and who finds in the value of the products which result from their employment the reconstitution of the entire capital that he utilize, and the value of the wages, the interest, and the rent which he pays, as well as the profits belonging to himself. "**
>
> **(Cole, 1946, dipetik oleh Gartner, 1989, m.s.3)**

Definisi tersebut mengenai pandangan terhadap usahawan adalah sebagai suatu proses pengwujudan pekerjaan yang mencabar, membentuk satu siri tindakan yang mempunyai keputusan dalam pengwujudan suatu organisasi.

## 3.6 *Kritik Terhadap Pendekatan Kajian Keusahawanan*

### 3.6.1 Kritik Terhadap Pendekatan Teori Sip

Robinson et.al( 1991) melihat pendekatan sikap sebagai kurang stabil dalam mengkaji keusahawanan berbanding dengan pendekatan personaliti dan ‘trait’ kerana berlakunya perubahan masa dan keadaan menerusi proses yang saling bertindak terhadap persekitaran. Mereka menjelaskan, sikap boleh dipertimbangkan dalam mengkaji keusahawanan dengan melihat cara hubungan

seseorang kepada objek sikap, menerusi masa dan dari suatu keadaan kepada suatu keadaan. Perubahan tersebut amat bergantung ke atas bagaimana dalamnya kedudukan atau asas identiti sikap individu dan pengalaman yang mempengaruhi sikap tertentu. Kebolehan mengubah sikap menjadi masalah dalam penetapan tingkahlaku sikap dan dengan itu ramalan mengukur sikap adalah tidak tepat terutamanya bila sikap diukur secara umum. Sungguhpun kekurangan ketepatan korelasi gelagat sikap, hubungan tidaklah berkurangan dari korelasi dengan individu lam.

Terdapat dua kelemahan asas sebagaimana yang dinyatakan oleh Robinson et. al. (199 1) terhadap pen yelidikan awal dalam bidang keusahawanan . Pertama, ianya jarang berlandaskan teori sikap dan penyelidikan yang sedia ada. Kebanyakan penyelidik membentuk soalselidik dengan skel jenis Likert tanpa sebarang asas teori dan memanggilnya suatu pendekatan sikap. Kedua, penyelidik gagal dalam membentuk instrumen mengikut pembangunan skel yang standard dan prosidur pengesahan yang biasa.

### 3.6.2 Kritik Terhadap Pendekatan Personaliti dan Trait

Menurut Gartner (1989), dalam pendekatan 'trait' usahawan di andaikan:

> **"In the trait approach the entrepreneur is assumed to be a particular personality type, a fixed state of existence, a describable species that one might find a picture of in a field guide, and the point of much entrepreneurship research has been to enumerate a set of characteristics describing this entity known as the entrepreneur. "**
>
> **(Gartner, 1989, m.s.48).**

Kenyataan tersebut di atas menunjukkan dalam pendekatan 'trait' usahawan diandaikan mempunyai jenis personaliti yang tertentu. Gartner menambah suatu tanggapan yang tidak dapat diketepikan mengenai pandangan di mana sekali seseorang itu telah menjadi usahawan maka ia sering seorang usahawan. Gartner

percaya bahawa untuk menjawab siapakah seorang usahawan mengikut pendekatan personaliti dan 'trait' maka tidak akan memandu penyelidik keusahawanan kepada satu definisi usahawan atau membantu dalam memahami phenomena keusahawanan. Oleh itu, Gartner telah membuat kesimpulan bahawa dalam pendekatan 'trait' dalam mengkaji usahawan adalah tidak sesuai kerana penyelidikan ke atas usahawan seharusnya menumpukan kepada apa yang usahawan lakukan dan bukan siapa usahawan itu. Pandangan tersebut sesuai dengan kenyataan yang dibuat oleh Yeats (1956) mengenai keusahawanan yang dipetik oleh Gartner (1988) iaitu "How can we know the dancer from the dance?. "

Robinson et.al. (1991) menyatakan terdapat empat masalah asas terhadap teori personaliti dalam mengkaji keusahawanan. Pertama, kaedah penyelidikan yang berasaskan pendekatan personaliti tidak dibangunkan menurut kehendak sebenar dalam mengukur keusahawanan. Penyelidik-penyelidik telah mengambil dari bidang psikologi dan digunakan kepada bidang keusahawanan di mana ia tidak bersesuaian. Kedua, perbezaan instrumen yang bertujuan mengukur konsep yang sama tetapi mempunyai perhubungan yang lemah disebabkan instrumen kurang pengesahan. Menggunakan instrumen personaliti yang berbeza menimbulkan masalah kemudiannya kerana skel yang mempunyai nama yang sama sering tidak jelas menghubungkan konsep yang sama dan sesetengah instrumen mengukur satu demensi angka yang berbeza mengenai konsep yang tertentu. Ketiga, teori personaliti adalah melihat keadaan yang luas sebagai pengukuran yang umum sebagaimana yang dinyatakan oleh Abelson (1982) dan Epstein (1984). Mereka menyatakan pengukuran personaliti sering tidak mujarab bila digunakan kepada satu bidang yang khusus seperti keusahawanan. Keempat, penekanan yang terbaru dalam penyelidikan gelagat manusia telah menunjukkan keperluan model secara teori yang mempengaruhi dan dipengaruhi oleh aktiviti persekitaran yang saling bertindak.

Menurut Robinson et. al.(1991), model personaliti tradisional telah dicabar oleh ramai ahli psaikologi pada dekad yang lalu kerana gelagatnya yang tidak bersesuaian. Jenks (1950) dan Kilby (1971) yang telah dipetik oleh Gartner (1989) telah mengkritik dengan hebat ke atas kajian yang membangunkan profil personaliti mengenai usahawan dan mereka menggalakkan penyelidik-penyelidik supaya mengkaji kelakuan dan aktiviti usahawan. Holt (1992) menyatakan tidak ada jalan untuk meng'etahui bagaimana 'trait' berhubung dengan usahawan kerana sesetengah orang mempunyai bakat kreatif mengembangkan idea baru tetapi kekurangan kebolehan untuk mengelolakan sumber, ada juga mereka yang mempunyai keinginan yang kuat tetapi kekurangan modal untuk mewujudkan pengusahaan baru, dan terdapat individu yang mempunyai profil 'trait' yang terhad tetapi berupaya memulakan perniagaan dengan jayanya.

### 3.6.3 Kritik Terhadap Pendekatan Kelakuan dan 'Trait'

Tidak banyak kritikan yang dibuat oleh penyelidik-penyelidik terhadap pendekatan kelakuan dan 'trait' dalam mengkaji usahawan. Kebanyakan mereka menggesa suapaya kajian dibuat mengenai usahawan dengan menggunakan pendekatan kelakuan dan 'trait' seperti yang dibuat oleh Jenks (1950), Kilby (1971) dan Gartner (1989). Walaubagaimanapun, terdapat juga kritikan terhadap pendekatan kajian ini yang dibuat oleh Cole (1946) yang dipetik oleh Gartner (1988) telah memberikan pandangan mengenai gelagat usahawan di dalam proses penciptaan pengusahaan baru dan pengwujudan sebuah organisasi. Cole (1946) menjelaskan selepas menentukan definisi usahawan mengikut orientasi gelagat, penyelidik-penyelidik keusahawanan akan kembali semula kepada pendekatan siapakah seorang usahawan, dan sekali lagi mereka berhadapan dengan ciri-ciri dan 'trait' kerana seorang usahawan itu mesti mempunyai kualiti peribadi yang istimewa.

Paterson (198 1) yang dipetik oleh Gartner (1988) menyatakan pandangan gelagat mengenai usahawan bukanlah suatu perkara yang baru, tetapi pandangan tersebut sukar untuk dikekalkan. Paterson menjelaskan, seperti yang dilihat, usahawan bagi penyelidik seolah-olah sebagai seorang yang istimewa di mana kualiti mereka perlu diselidiki. Van de Ven (1980) yang telah dipetik oleh Gartner (1988) memberi amaran kepada penyelidik-penyelidik keusahawanan supaya tidak mempengaruhi ke dalam kajian ciri-ciri dan 'trait' dalam mengkaji keusahawanan.

### 3.6.4 **Kritik Terhadap Pendekatan Demografi**

Menurut Robinson et.al.( 1991), pendekatan lain yang boleh digunakan dalam mengenali usahawan ialah menggunakan maklumat demografi. Melalui kaedah ini andaian dibuat bahawa orang yang mempunyai latar belakang yang sama akan memiliki ciri-ciri dalaman yang serupa. Oleh itu, dengan mengetahui sifat-sifat demografi sekumpulan usahawan, maka populasi yang tidak diketahui boleh diramal ciri-ciri keusahawanan mereka. Mereka menjelaskan ciri-ciri demografi yang biasa diselidiki ialah mengenai latar belakang keluarga, pengalaman, taraf perkahwinan, umur, taraf pendidikan ibubapa dan diri sendiri, taraf ekonomi, pengalaman dan tabiat bekerja.

Robinson et.al.(1991) menyatakan penggunaan faktor demografi untuk meramal keusahawanan mempunyai tiga kelemahan utama. Pertama, berkaitan dengan interpretasi dan makna peristiwa dalam kehidupan seseorang. Pendekatan demografi mengandaikan gelagat seseorang ditentukan atau dipengaruhi oleh ciri-ciri demografi seperti jantina, bangsa dan butir kelahiran. Sungguhpun, seseorang itu boleh mengatakan ciri-ciri demografi tertentu boleh dikaitkan dengan pengalaman yang sama terhadap orang lain, tetapi telah disangkal oleh

ahli psikologi yang berpendapat bahawa perangai seseorang adalah berpunca daripada reaksinya terhadap keadaan persekitaran dan bukannya ciri-ciri demografi. Sebagai contoh, dua orang individu yang dilahir dan dibesarkan dalam persekitaran yang sama seperti anak sulung, lelaki, anak kepada seorang pendatang akan mempunyai pandangan yang berbeza mengenai keusahawanan. Mereka mungkin menganggap keusahawanan sebagai suatu yang positif, manakala yang seorang lagi menganggap keusahawanan hanya layak untuk mereka yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Kesimpulannya, pengertian keusahawanan adalah suatu yang berbeza kepada seseorang dan ia bergantung kepada pengalaman dan tanggapan masing-masing. Keadaan ini menyukarkan untuk meramal kelakuan keusahawanan dengan hanya bergantung kepada ciri-ciri jantina, bangsa dan sebagainya. Tambahan pula, kesimpulan yang dibuat pada peringkat awalnya tidak dapat dikekalkan kerana ia berubah apabila seseorang mendapat pengalaman baru. Kedua, sesetengah penyelidik menggunakan ciri-ciri demografi sebagai pengganti kepada ciri-ciri personaliti. Bagi mereka bukanlah ciri-ciri demografi itu sendiri yang mempengaruhi keusahawanan seseorang tetapi ciri-ciri personaliti yang dimilikinya. Ketiga, dengan menggunakan kaedah ini, ia tidak akan membuktikan kriteria yang diwujudkan sebelumnya kerana ia tidak membantu meramal siapakah yang akan menjadi seorang usahawan. Maklumat yang ada misalnya, mengenai anak yang ke berapa, tahap pendidikan dan sebagainya menghasilkan keputusan yang bercanggah dalam meramal keusahawanan. Robinson et. al. (1991) menjelaskan bahawa faktor-faktor di atas berlaku pada masa yang telah lalu. Oleh itu, ia tidak dapat mempengaruhi pembinaan bakat keusahawanan dalam diri seseorang di masa hadapan.

### 3.6.5 Kelebihan Pendekatan Sikap Terhadap Kajian Keusahawanan

Kekurangan yang dialami dalam model psikologi yang berasaskan personaliti dalam penyelidikan keusahawanan boleh dibaiki menerusi penggunaan model

sikap dengan andaian-andaian yang berkaitan (Robinso et. al. 1991). Mereka menambah, dengan menggunakan model sikap dalam mengkaji keusahawanan merupakan satu pendekatan yang baru. Menurut mereka sikap merupakan pendekatan yang terbaik dalam menerangkan usahawan berbanding dengan pendekatan ciri-ciri personaliti atau demografi. Pendekatan sikap merupakan ciri yang terbaik dalam melihat hubungkait di antara sikap dan gelagat berbanding dengan ciri-ciri-ciri lain mengenai individu.

Robinson et. al.(1991) menjelaskan terdapat dua kaedah asas dalam menentukan sikap. Pertama, sikap adalah terbina dalam satu demensi iaitu diwakili sendiri oleh tindakan yang memberi kesan (affective) sebagaimana yang dinyatakan oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Kedua, ia dikenali sebagai 'tripartite model' yang menyatakan terdapat tiga jenis reaksi pada sesuatu keadaan iaitu 'affect', mental dan 'conation'.

Menurut Allport (1935), Breckler (1983 & 1984), Carlson (1985), Chaiken & Stangor (1987), Katz & Stotland (1959), Kothandapani (1970), Ostrom (1969), Rosenberg & Hovland (1960) dan Shaver (1987) yang dipetik oleh Robinson et. al.(1991), sikap adalah merupakan satu kombinasi mengenai ketiga-ketiga jenis reaksi tersebut. Robinson et.al. menjelaskan komponen kognitif terdiri daripada kepercayaan dan pemikiran individu terhadap objek sikap. Komponen 'affective' mengandungi perasaan positif atau negatif terhadap objek. Manakala komponen 'conative' atau gelagat, mengandungi kepercayaan dan niat serta berkelakuan dalam cara yang diberi mengikut arah objek. Mereka menambah sungguhpun model yang dipersembahkan adalah 'multidimensional' ia tidaklah banyak bercanggah terhadap kajian yang menggunakan model 'unidimensional' yang telah diperkenalkan oleh Fishbein dan Ajzen (1975). Kaedah 'unidimensional' dianggap sebagai sub-kaedah 'tripartite'. Skel Orientasi Sikap Keusahawanan (SOSK) adalah berdasarkan kepada model kaedah 'tripartite'. Robinson et. al.

menjelaskan pendekatan sikap merupakan kaedah terbaik dalam melihat perhubungan antara sikap dan gelagat berbanding dengan ciri-ciri lain. Salah satu kebaikan menggunakan model sikap berbanding dengan model personaliti ialah ianya mempunyai varian yang rendah. Oleh itu, ia meningkatkan julat perhubungan. Instrumen sikap lebih mengira varian dalam satu set gelagat tertentu sebagaimana yang dinyatakan oleh Ajzen (1982) dan Ajzen Madden (1986) yang dipetik oleh Robinson et. al. (199 1). Mereka menjelaskan perbezaan hubungan yang biasa di antara 0.40 hingga 0.70.

Menurut Robinson et. al.(1991), ramai penyelidik dan ahli teori mengiktiraf kepentingan sikap dalam memahami usahawan termasuklah Drucker (1970), Gasse (1985), Greenberger & Sexton (1987), dan Olson & Bosserman (1984).

### *3.7 Faktor Demografi Hubungannya Dengan Orientasi Sikap Keusahawanan.*

Mengikut Robinson et. al.(1991) banyak kajian menggunakan model maklumat demografi dalam mengkaji ciri-ciri keusahawanan iaitu terdiri dari McClelland dan rakan-rakan dalam tahun 1950an dan 1960an (McClelland, 1961; McClelland, Atkinson, Clark & Lowell, 1953). Pendekatan bagi mengenal pasti usahawan dengan menggunakan maklumat demografi hingga kepada profil usahawan yang boleh dijadikan contoh. Dengan kaedah ini, andaian dibuat terhadap individu yang mempunyai latar belakang yang sama adalah mempunyai ciri-ciri asas yang sama. Andaian asas yang menjadi pengukuran ialah dengan mengenal pasti ciri-ciri dernografi usahawan yang diketahui ia memungkinkan meramal keusahawanan dalam populasi yang tidak diketahui kerana individu dalam populasi yang baru yang mempunyai ciri-ciri demografi yang sama dengan usahawan contoh, diandaikan mempunyai ciri-ciri penting yang sama. Angkubah demografi yang kebanyakannya sering diperiksa dalam

kajian keusahawanan ialah mengenai latar belakang keluarga clan pengalaman, butir kelahiran, 'role models', taraf perkahwinan, umur, taraf pendidikan ibu-bapa dan diri, status sosio ekonomi, pengalaman dan tabiat kerja terdahulu. Menurut beliau butir-butir tersebut pernah dinyatakan oleh Brockhaus (1982), Cohen (1980), Collins Moore, & Unwalla (1964), Gasse (1985), Hisrich (1986), Jacobowitz & Vidler (1982), Sexton & Auken (1982), dan Swayne & Tucker (1973).

Bagi tujuan kajian ini, faktor demografi iaitu seperti butir diri, latar belakang pendidikan dan pengalaman responden serta latar belakang pendidikan ibubapa dan pekerjaan digunakan untuk melihat adakah terdapat hubungan terhadap orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar politeknik. Perkembangan ulasan karya diterangkan seperti berikut:

(a) **Faktor** Umur

Mayer dan Goldstein (1961) menyatakan faktor-faktor lain yang turut mempengaruhi keputusan individu terhadap perniagaan ialah umur selain daripada faktor seperti keperluan keselamatan, status, mempunyai pengalaman yang berkaitan dan sebagainya. Ini bermakna umur memberi kesan terhadap sikap ke arah keusahawanan.

Hisrich dan Peters( 1989) menyatakan perhubungan umur terhadap proses kerjaya keusahawanan telah diselidiki dengan berhati-hati. Dalam menilai keputusan ini, adalah penting membezakan antara umur keusahawanan dan umur mengikut urutan waktu. Beliau menjelaskan bahawa kebanyakan usahawan memulakan kerjaya keusahawanan mereka di antara umur 22 dan 55 tahun. Sungguhpun, kerjaya boleh dimulakan sebelum atau selepas tahun tersebut ia tidaklah seperti seorang usahawan yang memerlukan pengalaman, sokongan kewangan dan tingkat tenaga yang tinggi dalam mencapai kejayaan, dan

mengurus suatu pengusahaan baru. Mereka menjelaskan pada umumnya, umur mempunyai pengertian yang sedikit dalam memulakan keusahawanan kerana latihan yang sesuai dan persediaan yang mencukupi adalah lebih bermakna. Usahawan lelaki cenderung memulakan pengusahaan pertama mereka dalam awal umur 25 hingga 35 tahun, sementara usahawan wanita cenderung memulakan pemiagaan dalam lingkungan umur 35 hingga 45 tahun ke atas.

### (b) Jantina

Jantina adalah merujuk kepada lelaki dan wanita terhadap populasi kajian. Adakah bilangan wanita lebih ramai melibatkan diri dalam keusahawanan berbanding dengan lelaki sering di lihat di dalam kajian-kajian mengenai keusahawanan. Bilangan wanita yang mempunyai perniagaan sendiri terus meningkat. Leavitt (1988) yang dipetik oleh Fagenson dan Marcus (1991) menyatakan sejak tahun 1974 hingga tahun 1984, wanita telah menjalankan perniagaan baru lebih dari enam kali ganda daripada lelaki. Pogrebin (1988) yang dipetik oleh Fagenson dan Marcus (1991) menyatakan hasil yang dipunyai oleh pemiagaan wanita telah meningkat sebanyak 78 peratus antara tahun 1980 dan 1985.

Sexton & Bowman Upton (1990) yang dipetik oleh Fagenson dan Marcus (1991) menyatakan pada hari ini wanita mempunyai akaun perniagaan lebih kurang 28 peratus untuk semua perniagaan di Amerika berbanding dengan 4.6 peratus dalam tahun 1980. Fagenson dan Marcus menyatakan kenaikan bilangan usahawan wanita didefinisikan sebagai individu yang memulakan dan menjalankan syarikat mereka sendiri dan kajian telah dijalankan oleh Begly & Boyd (1987), Carland, Hoy, Boulton & Carland (1984), dan Sexton & Bowman-Upton (1990). Hasil penemuan dari kajian tersebut menunjukkan bilangan lelaki yang melibatkan diri dalam keusahawanan adalah berkurangan.

Scherer, Brodzinski dan Wiebe (1990) telah menumpukan perhatian terhadap perbezaan yang terdapat di antara lelaki dan wanita dalam memilih ciri-ciri kejayaan keusahawanan yang menerangkan kesan pembelajaran sosial ke atas individu. Data kajian telah dikumpulkan daripada 371 orang pelajar pengurusan perniagaan (pra-graduan) yang terlibat di dalam proses membuat keputusan terhadap kerjaya. Secara keseluruhan, pelajar lelaki mempunyai minat yang lebih terhadap keusahawanan dibandingkan dengan pelajar perempuan., Perbezaan ini adalah disebabkan oleh harapan terhadap memasuki kerjaya keusahawanan. Menurut Birley (1989), suasana budaya mungkin menjadi kesan terkuat dalam membentuk wanita membuat keputusan terhadap keusahawanan. Rumusan utama kajian menunjukkan bahawa wanita memerlukan peluang-peluang tertentu untuk membangunkan perasaan ingin bersaing dan harapan yang kuat dalam memenuhi aspirasi mereka untuk berjaya dalam bidang pengurusan kreatif.

Hisrich dan Peters (1989) telah membuat kajian perbandingan di antara usahawan lelaki dan wanita. Penemuan hasil kajian mereka seperti dalam Jadual 3.2 berikut:

Jadual 3.2: Perbandingan di antara Usahawan Lelaki dan Wanita

| Ciri | Usahawan Leleki | Usahawan Wanita |
| --- | --- | --- |
| Motivasi | Pencapaian-berjuang membuat sesuatu benda menjadi kenyataan, kebebasan personel-imej diri berkaitan kepada status menerusi peranan mareka dalam syarikat adalah penting, kepuasen kerja timbul dari keinginan menjadi dalam kawalan. | Pencapaian-mencapai satu matlamat kebebasan-membuat sesuatu benda seseorang diri.Kepuasan kerja timbul dari kekeceuaan kerja yang dahulu. |
| Titik pemergian (Depature point) | Tidak puas hati dengan kerja sekarang. Kerja sampingan di kolej, kerja sampingan atau pekerjaan sekarang yang tidak berkembang. Menamatkan atau berhenti peluang untuk perolehan. | Kekecewaan kerja. Minat dalam dan pengiktirafan peluang dalam kawasan. |

sambungan Jadual 3.2: Perbandingan Di antara Usahawan Lelaki dan Wanita

| Ciri | Usahawan Lelaki | Usahawan Wanita |
|---|---|---|
| | | Berubah dalam keadaan personal tertentu. |
| Sumber Dana | Aset personal dan simpanan<br>Pembi ayaan bank<br>Pelabur-pelabur<br>Pinjaman dari kawan dan keluarga | Aset personal den simpanan<br>Pinjaman personal |
| Latar Belakang Peker j aan | Berpengalaman dalam 'line of work'<br>Mengiktiraf pakar atau seseorang yang telah mencapai kejayaan dalam bidang yang tinggi, cekap dalam pelbagai peranan perni agaan | Berpengalaman dalam bidang perniagaan, pengurusan pertengahan atau pengalaman dalam bidang peringkat pentadbir, latar belakang pekerjaan yang berkai tan perkhichnatan. |
| Ciri-ciri Personaliti | Mempunyai pendapat den menyakinkan<br>Orientasi matlamat<br>Berinnovasi dan idealistik<br>Tingkat kepercayaan diri tinggi bersemangat dan cergas<br>Mesti menjadi boss sendiri | Fleksibel dan bertolak ansur<br>Orientasi matlamat kreatif dan realistik. Tingkat kepercayaan diri pertengahan, bersemangat dan cergas. Kebolehan berurusan dengan masyarakat dan perseki taran ekonomi |
| Latarbelakang | Umur bile memulakan pengusahaan 25-35<br>Bapa bekerja sendiri<br>Pendidikan kolej-lulusan perniagaan atau bidang teknikal biasanya jurutera<br>Anak yang pertama dalam keluarga | Umur bila memulakan pengusahaan 35-45,<br>Bapa bekerja sendiri<br>Pendidikan kolej-lulusan dalam seni,<br>Anak yang pertama dalam keluarga |
| Kumpulan sokongan | Rakan-rakan, kenalan profesional, peguam, akauntan<br>Rakan-rakan perniagaan<br>Isteri | Rakan-rakan yang rapat, suami , keluarga, kumpulan wani ta profesional, persatuan perniagaan |
| Jenis perniagaan dimulakan | Perkilangan atau pembinaan<br>Purata pendapatan bersih-$7,100 setahun | Perkhichnatan berkaitan-khidmat pendidiken, perunding atau perhubungan awam<br>Purata pendapatan bersih • $2,200 setahun |

Sumber: Hisrich & Peters, (1989) m.s. 66-67

### (c) Agama

Menurut AlBana (1988), bagi Islam keusahawanan dengan kepelbagaian aktiviti adalah merupakan salah satu aktiviti yang dipandang sebagai ibadah. Al-Qordhawi (1987), menyatakan kehendak manusia terhadap material atau harta telah dinyatakan oleh Allah di dalam Al-Quraan surah Al-Imran ayat yang ke 14. Islam telah memerintahkan umatnya mencari harta melalui perdagangan sebagaimana yang telah ditegaskan oleh Allah di dalam surah Al-Quraisy ayat 1 hingga 5 dan dalam perindustrian dalam surah Al-A'raf ayat ke 25 dan 26. Di dalam Islam memanglah jelas menggesa penganutnya supaya mencari harta melalui sektor-sektor tersebut dengan cara yang halal. Menurut hadis Nabi Muhammad s.a.w. menyatakan hendaklah kamu berniaga kerana di dalamnya terdapat 90% daripada rezeki. Ini bermakna galakkan berniaga di kalangan umat Islam amatlah jelas. Dalam agama Kristian, Max Weber (1905) telah mengemukakan model keusahawanan dan telah memasukkan soal keagamaan sebagai asas untuk mencapai kejayaan di dalam kegiatan ekonomi. Begitu juga, galakan perniagaan yang diberikan di dalam agama Hindu dan Buddha terhadap penganutnya sebagai tempat mencari pekerjaan dan pendapatan.

### (d) Penglibatan keluarga dalam perniagaan

King (1985) di dalam kajiannya menyatakan lebih 80 peratus ahli perniagaan berasal daripada keluarga kelas pertengahan. Hanya sebahagian kecil daripada keluarga miskin. Kajian tersebut mengklasifikasikan pekerjaan ibubapa para usahawan. Daripada analisis tersebut di dapati bapa kebanyakan usahawan adalah pemilik perniagaan kecil atau perniagaan sederhana atau syarikat besar. Beliau menyimpulkan, kebanyakan pemilik perniagaan kecil berasal daripada keluarga berniaga.

Scanlan (1987) telah menjalankan kajian ke atas peniaga-peniaga persendirian di Holland. Beliau mendapati 46 peratus daripada bapa peniaga bekerja sendiri sementara 6 peratus ibu mereka juga bekerja sendiri. Cooper dan Bruno (1977) yang dipetik oleh Giglierano (1987) mendapati firma yang mempunyai pertumbuhan yang tinggi adalah dipunyai oleh pemilik yang berasal daripada kedua-dua ibubapa mereka yang mempunyai firma yang besar. Hasil kajian ini menyatakan terdapat perkaitan yang jelas di antara latar belakang keluarga berniaga dengan seseorang usahawan. Menurut Hisrich dan Peters (1989), penyelidik-penyelidik telah membuat kajian ke atas pekerjaan ibubapa usahawan dan penemuan hasil kajian mereka seperti dalam Jadual 3.3 berikut:

**Jadual 3.3: Pekerjaan Ibubapa Usahawan**

| Kejian Am Usahawan, atau Usahawan Lelaki sahaja | Kajian Usahawan Uanita |
|---|---|
| grockhaus (1982) manyatakan empat kajian mencadangkan yang usahauan cenderung mempunyai ibubapa keusahauanan. | Hisrich dan Brush (1983) melapurkan satu sampel seluruh negara 468 usahawan uanita; 36 peratus mempunyai ibubapa keusahauanan; 11 peratus mempunyai ibu keusahawanan. |
| Brockhaus dan Nord (1979) mendapati yang 31 lelaki St.Louis usahawan tidak seperti pengurus lelaki yang mempunyai bapa keusahauanan. | Mescon dan Stevens (1982) mendapati 53 peratus dari 108 borker 'real estate' mempunyai bapa usahauan. Tiada seorangpun mempunyai ibu usahauan. |
| Cooper dan Dunkelberg (1984) melapurkan yang 47.5 peratus dari 1,394 usahauan mempunyai ibubapa yang mempunyai perniagaan sendiri . | Sexton dan Kent (1981) menyatakan 40 peratus dari 48 usahawan uanita Texas mempunyai bapa usahauan, 13 peratus mempunyai ibu usahauan (berlauanan 13 peratus dan 11 peratus untuk 45 eksekutif uanita). |
| Jacobowitz dan Vidler (1983) mendapati yang 72 peratus usahawan bahagian tengah Atlantik State mempunyai ibubapa atau keluarga terdekat yang bekerja sendiri. | Waddell (1983) mendapati yang 63.8 peratus dari 47 usahauan uanita dilapurkan bapa usahauan dan 31.9 peratus ibu usahawan (berlauanan 42.5 peratus dan 8.5 peratus untuk pengurus uanita dan 36.2 peratus dan 8.5 peratus untuk setiausaha). |
| Shapero dan Sokol (1982) melapurkan yang 50 ke 58 peratus pengasas syarikat di United State mempunyai bapa bekerja sendiri (Bila pada suatu masa hanya 12 peratus tenaga pakerja). Data yang sama dinyatakan dalam sembilan budaya lain. | Watkins dan Watkins (1983)-37 peratus dari 58 usahauan wanita British mempunyai bapa bekerja sendiri(tenaga kerja lelaki U.K. bekerja sendiri ialah sembilan peratus); 16 peratus keseluruhan atau sebahagian ibu memiliki perniagaan (wanita bekerja sendiri sebanyak 4 peratus). |

Sumber:Bowmen dan Hisrich(1986), dipetik oleh Hisrich dan Peters(1989), m.s. 56-57.

### (e) Pengalaman Perniagaan

Perkaitan di antara pengalaman dengan kejayaan atau prestasi perniagaan telah lama dibuktikan. Hoad dan Rosko (1964) yang dipetik oleh Giglierano (1987) mendapati pelbagai bukti yang menyokong perkaitan terhadap pengalaman dengan prestasi perniagaan. Mereka mendapati pemilik firma yang mempunyai kedua-dua faktor iaitu pengalaman pengurusan dalam perniagaan yang sama dan pendidikan kolej mencapai tahap prestasi yang lebih tinggi berbanding dengan pemilik firma yang tidak mempunyai gabungan faktor tersebut. Firma yang dimiliki oleh ramai pemilik juga mempunyai prestasi yang lebih baik daripada firma yang dimiliki oleh seorang pemilik. Hasil kajian ini mencadangkan pengetahuan yang luas terhadap sesuatu perniagaan mendorong kepada peningkatan prestasi perniagaan.

Mayer dan Goldstein (1961) telah memberikan pendapat yang sama terhadap pengalaman dalam bidang keusahawanan dapat meningkatkan peluang kejayaan dalam perniagaan yang diceburi. Lamount (1972) yang dipetik oleh Sandberg (1984) telah menemui perhubungan di antara pengalaman dan prestasi perniagaan. Dalam kajian tersebut, sebanyak 24 buah firma teknikal telah diambil sebagai sampel. Hasil kajian beliau mendapati, pemilik yang pernah menjalankan perniagaan di dalam bidang yang sama mempunyai prestasi yang tinggi berbanding dengan pemilik yang tidak mempunyai pengalaman.

Hofer (1981) yang dipetik oleh Sandberg (1984) telah mengemukakan hasil kajian yang berbeza. Beliau menyatakan tahap pendidikan usahawan, pengalaman pengurusan, latar belakang industri dan pengalaman keusahawanan, tidak berkaitan dengan prestasi perniagaan. Tetapi tiga kajian yang dikemukakan oleh Collins dan Moore (1964), Smith (1967) dan Cooper (1971) yang dipetik oleh

Giglierano (1987) telah memberikan hasil kajian yang sama dengan kajian yang dikemukakan oleh Houd dan Rosko (1964). Dalam kajian tersebut mereka menyatakan pengalaman keusahawanan adalah berkaitan dengan prestasi firma. Menurut Scanlan (1987), di dalam kajiannya mendapati 6.2 peratus usahawan mempunyai pengalaman bekerja lebih 10 tahun, sementara 26.6 peratus mempunyai pengalaman bekerja hanya dua tahun. Menurut beliau, golongan yang mempunyai pengalaman bekerja selama dua tahun merupakan golongan yang paling ramai.

King (1985) mendapati majoriti golongan usahawan pernah bekerja di antara 5 hingga 10 tahun di dalam syarikat lain sebelum menceburkan diri dalam perniagaan. Sementara kurang daripada 5 peratus memulakan pemiagaan mereka tanpa bekerja dengan syarikat lain terlebih dahulu. Kebanyakan usahawan adalah berpengalaman di dalam perniagaan sebelum menceburkan diri di dalam keusahawanan. Pengalaman tersebut boleh membantu kejayaan seseorang.

**(f) Tahap pendidikan**

Kajian terhadap tahap pendidikan dengan sikap seseorang terhadap keusahawanan telah banyak dilakukan, tetapi, hasil kajian mereka masih terdapat percanggahan. Mengikut Collon dan Moore (1970) yang dipetik oleh Yusof (1991) menyatakan kejayaan dalam pemiagaan adalah bukan berpunca daripada kejayaan dalam pendidikan. Hasil kajian yang sama telah diperolehi oleh Shahadan, F. et al. (1990) yang dipetik oleh Yusof (1991) menyatakan tahap pendidikan yang berbeza di kalangan usahawan tidak memberi kesan ke atas keuntungan pemiagaan mereka.

Menurut Roberts dan Wainer (197 1), Boswell (1973), Cooper (1973), Bruskill dan Forthergill (1979) yang dipetik oleh Lafuente dan Salas (1989), individu yang mempunyai tahap pendidikan yang tinggi lebih cenderung mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi, terutamanya jika pemiagaan mereka berkaitan dengan pengetahuan teknologi tinggi. Scanlan (1987) mendapati 20 peratus daripada usahawan mempunyai pendidikan yang tinggi sementara 4.7 peratus adalah berpendidikan sekolah rendah. Chamard (1989) yang dipetik oleh Sandberg (1989) telah menyokong pendapat Collins dan Moore, (1970) menge-nai tahap pendidikan yang tidak mendorong ke arah keusahawanan. Menurut Hisrich dan Peters( 1989), pendidikan usahawan telah mendapat perhatian di kalangan pengkaji-pengkaji keusahawanan kerana sering dikatakan kurang berpelajaran. Hasil kajian mendapati dakwaan tersebut adalah tidak benar. Hisrich dan Peters menjelaskan, pendidikan adalah penting dalam membentuk usahawan dan kepentingan ini bukan sahaja berhubung untuk mendapatkan pelajaran tetapi ia memainkan peranan penting dalam membantu mengatasi masalah ketidakcekapan dalam perniagaan. Mengenai jenis dan kualiti pendidikan, Hisrich dan Peters menjelaskan, usahawan wanita mempunyai pengalaman yang kurang memberikan faedah terhadap keusahawanan. Hampir 70 peratus semua usahawan wanita mempunyai kelulusan lepasan kolej. Usahawan wanita lulusan universiti mengkhusus dalam bidang Bahasa Inggeris, psikologi, pendidikan dan sosiologi. Sedikit sahaja bilangan usahawan wanita mempunyai ijazah dalam bidang kejuruteraan, sains dan matematik. Penyelidik-penyelidik telah membuat kajian berhubung dengan jumlah pendidikan yang

dipunyai oleh usahawan. Penemuan hasil kajian mereka adalah seperti dalam Jadua13.4 berikut:

Jadual 3.4: Jumlah Pendidikan Usahauan

| Kajian | Penemuan | Komen |
|---|---|---|
| | 1. Usahawan Secara Am | |
| Brockhaus (1982) | Mengulas empat kajian menyimpulkan usahauan cenderung menjadi bertambah baik dididik dari penduduk umum, tetapi kurang dari pengurus-pengurus. | Semua sampel kecil dan terhad kepada satu kawasan geografi atau industri. |
| Cooper dan Dunkelberg (1984) | Survey national dari 1,805 pemilik perniagaan kecil menunjukkan yang peruntukan besar dari mereka yang memulakan perniagaan atau pembeli (lebih kurang 64 peratus mempunyai kurang dari kelulusan kole berbanding dengan mereka mewarisi atau membawa dalam mengendalikan perniagaan (57 peratus). | |
| Gasse (1982) | Lapuran empat kajian di mana usahawan adalah lebih baik pendidikan dari orang ramai. | Pelbagai tingkat pendidikan industri (contoh teknologi tinggi.) |
| Jacobowitz dan Vidler (1982) | Keputusan menemuduga dengan 430 usahauan menunjukkan yang mereka tidak maju dalam sekolah. Tiga puluh peratus adalah pelajar sekolah tinggi yang tercicir. Hanya 11 peratus lulusa dari empat tahun pengajian kole. | Sampel dari usahauan Pennsylvania dan New Jersey; 11 peratus wanita. |
| | 2. Usahawan Lelaki lawan Usahauan Wanita | |
| Hurnphreys and McClung (1981) | Lima puluh empat perpuluhan lapan peratus usahauan wanita adalah lulusan kolej. Melebihi kadar untuk lelaki dan waita secara am dan untuk pengurus lelaki dan pentadbir. | Sampel Oklahoma dari 86 usahauan uanita dari semua kawasan negeri. |

sambungan Jadual 3.4: Jumlah Pendidikan usahauan

| Kajian | Penemuan | Komen |
|---|---|---|
| Charboneau (1981) | Biro Bancian 1977 menyatakan kajian menunjukkan yang purata usahanan uanita adalah Lulusan kolej. | Kajian SBA juga menyatakan penemuan yang sama. |
| DeCarlo dan Lyons (1979) | Usahauan uanita mempunyai pendidikan yang lebih dari purata uanita deuasa. Tiada minoriti usahauan uanita yang mempunyai pendidikan yang lebih dari minoriti usahauan uanita | 122 usahauan wanita diambi l secara random di Tengah Atlantik State. |
| Hisrich dan Brush (1983) | Enam puluh lapan peratus dari survey seluruh negara dari 468 usahauan uanita adalah sekurang-kurangnya Lulusan kolej. | Sampe l dari 108 uanita pemilik 'real estate' di Arizona. |
| Mescon dan Stevins (1982) | Dua pertiga telah menghadiri kolej; 15 peratus telah mempunyai Lulusan universi-ti. | Wenemuduga 93 uanita (48 uanita usahauan) dari Texas. |
| Sexton dan Kent (1981) | Usahauan uanita sedikit berkurangan pendidikan dari eksekutif uanita (44 peratus dan 51 peratus lulusan kolej). Usahauan muda uanita adalah Lebih baik pendidikan dari wanita eksekutif syari-kat. | |

Sumber: Bowmen & Hisrich (1989), dipetik oleh Hisrich & Peters, m.s. 58-59.

Menurut Hisrich dan Peters (1989), hasil daripada penemuan kajian di atas menunjukkan samada pendidikan yang diterima boleh meningkatkan sikap terhadap keusahawanan, masih tidak mempunyai bukti yang kukuh. Walaubagaimanapun, kebanyakan kajian telah menunjukkan perkaitan yang rapat bahawa pendidikan seseorang boleh meningkatkan sikap keusahawanan.

### (g) Faktor penglibatan dalam kursus dan pendidikan keusahawanan

Tidak banyak kajian ditemui berhubung dengan penglibatan usahawan di dalam kursus dan kesannya terhadap perniagaan. Pada amnya, kursus yang dihadiri boleh mempengaruhi sikap terhadap seseorang usahawan. Menurut Yusuf(1991), penyertaan di dalam bengkel membantu para usahawan mencapai kejayaan di dalam bidang mereka. Menurut Ahmad(1988), di dalam kajiannya mendapati hanya 8 peratus usahawan bumiputera pernah menghadiri bengkel. Sementara Basir (1990) menyatakan, 34.2 peratus usahawan pernah menghadiri kursus berhubung dengan perniagaan.

Menurut Bender dan Meli (1991), dalam kajiannya, menerangkan pendekatan pendidikan keusahawanan sebagai satu rangsangan terhadap pembangunan masyarakat. Kajiannya ditumpukan kepada sekumpulan 47 orang penduduk minoriti di Chester, Pennysylvannia iaitu sebuah masyarakat yang tidak membangun. Mereka dipilih dari tahun 1987 hingga 1988. Setiap calun yang berjaya dibantu oleh seorang 'mentor' untuk memberikan nasihat. Selama lapan minggu program dan kuliah diadakan di dalam kelas bagi membantu calon dengan asas perniagaan dan kemahiran. Calon-calon yang berminat boleh merangka perancangan perniagaan. Program itu bertujuan membantu pelajar menghubungi institusi-institusi tertentu dan kawasan pembangunan program, Hasil kajian menunjukkan lebih 50 peratus peserta telah menamatkan pengajian dan sebanyak empat buah perniagaan telah dimulakan. Berdasarkan keputusan program, bahawa latihan keusahawanan di dalam masyarakat yang mundur dan pembentukan pemiagaan baru adalah amat wajar dijalankan.

Steward dan Boyd (1988) dalam kajiannya menunjukkan lebih daripada 16 juta perniagaan kecil-kecilan beroperasi di Amerika Syarikat pada hari ini menurut anggaran Small Business Administration (SBA). SBA menganggarkan bilangan

mereka yang bekerja sendiri akan meningkat kira-kira 10 juta orang pada tahun 1995 dan 12.2 juta orang pada tahun 2001. Kajian menunjukkan lebih 50 peratus daripada kesemua usahawan memulakan perniagaan di dalam bidang mereka. Dianggarkan, 12 peratus hingga 15 peratus daripada kesemua pemiagaan kecil akan menjadi pemiagaan besar. Walaubagaimanapun, kajian mendapati hampir 40 peratus daripada syarikat yang beroperasi kurang daripada tiga tahun telah gagal dalam perniagaan. Ramai daripada pelajar minoriti dan wanita di peringkat pengajian tinggi berminat untuk memiliki perniagaan sendiri dan membentuk perkongsian. Pelajaran formal dan penekanan terhadap keusahawanan boleh membantu seseorang memulakan sesebuah pemiagaan. Pelajaran keusahawanan mempunyai asas dalam pelbagai bentuk, termasuklah kemahiran akademik dan kemahiran yang diperlukan. Pendidikan keusahawanan adalah sebagai alternatif latihan yang realistik untuk pihak minoriti dan wanita dalam pemiagaan .

Kajian Winer dan Myers (1986) mendapati kebanyakan pelajar ingin mengetahui untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Kursus keusahawanan tidak sepatutnya menjadi kursus pengurusan perniagaan kecil, ia perlu menekankan untuk memulakan suatu pemiagaan baru. Pengajar tidak boleh mengajar bagaimana untuk berjaya tetapi boleh membantu dari segi:

(a) Menyediakan rancangan pemiagaan;

(b) Membiasakan pelajar dengan keusahawanan;

(c) Membentuk keupayaan pelajar untuk membincangkan tentang 'entreprise'; dan

(d) Membolehkan pelajar menimba pengalaman sebagai wawasan.

**(h) Faktor tempt tinggal asal**

Mariotti (1990) yang telah membuat kajian iaitu mengenai sebuah program di bandar New York, "The National Foundation For Teaching Entrepreneurship" telah mengajar lebih 300 orang pelajar mengenai langkah-langkah asas untuk memulakan perniagaan dan asas pasaran. Hasil kajian tersebut di perolehi seperti berikut:

(a) Pelajar yang mengikuti program tersebut menunjukkan kemajuan sikap dan gelagat mereka terhadap orang lain;

(b) Kebanyakan pelajar dari 'Inner City' yang tidak mempelajari asas metamatik mempunyai inisiatif untuk mempelajarinya sewaktu menjalankan pemiagaan;

(c) Program tersebut membina sahsiah pelajar terhadap keusahawanan;

(d) Program tersebut menyediakan wawasan, objektif jangka panjang dan rasa penghargaan terhadap diri sendiri;

(e) Undang-undang kerajaan khususnya yang berkaitan dengan aktiviti keusahawanan mempunyai kesan yang signifikan; dan

(f) Keusahawanan di peringkat 'inner city' adalah satu idea yang positif.

**(i) Faktor Kurikulum**

Cullen dan Dick (1989) menyatakan pada dekad yang lepas peningkatan jumlah kolej yang telah memperkenalkan kurikulum tersebut telah mendapat lebih 100 buah program di Amerika Syarikat. Kajian terhadap program ini menunjukkan pendidik-pendidik menumpukan perhatian mereka untuk menyediakan para pelajar dengan kerjaya di segmen korporat di dalam bidang layanan. Ini bermakna mereka menolak keperluan kerjaya sebagai seorang usahawan. Kajian tersebut menunjukkan lebih daripada 50 peratus dari 364 orang pelajar program pengurusan layanan berhasrat untuk menceburi pemiagaan selepas mereka tamat

pengajian. Terdapat hanya sedikit kursus keusahawanan di peringkat pra-graduan dan didapati tidak sesuai untuk pelajar peringkat layanan. Penyelidikan terhadap keusahawanan menunjukkan usahawan yang berjaya mempunyai banyak kemahiran yang perlu digembelingkan di dalam sesuatu kurikulum.

Menurut kajian yang dibuat oleh Bottorff(1989), sekolah perniagaan semakin meningkat bilangannya termasuklah program kurikulum keusahawanan. Program tersebut berbeza daripada sekolah latihan perniagaan yang tradisional. Program tersebut telah menekankan perkara-perkara berikut:

(a) Situasi yang perlu diterokai oleh perniagaan kecil-kecilan dan perniagaan yang baru hendak bermula;

(b) Pelatih pemiagaan bukan akademik sebagai pensyarah dan penasihat; dan

(c) Projek individu daripada pembelajaran peribadi.

### (j) Perniagaan Bersaiz Kecil dan Besar

Dalam mendefinisikan perniagaan kecil dan besar didapati tiada satu konsep yang tepat yang terdapat di dalam ulasan karya. Walaubagaimanapun, ia merujuk kepada saiz, bilangan pekerja, jumlah jualan, modal atau aset yang dilaburkan. Mengikut 'Reconversion Act of 1944 (Public Law 458) yang dipetik oleh Barab (1988), sebuah perniagaan kecil ialah bilangan pekerjanya tidak melebihi 500 orang dan milik bebas. Menurut 'Small Business Administration' yang dipetik oleh Holt (1992), sebuah perniagaan kecil ialah seseorang yang tidak menguasai industrinya, jualan tahunan kurang dari $10 juta dan mempunyai pekerja kurang dari 1,000 orang.

Menurut Kao (1992), kriteria lain yang dicadangkan dalam mendefinisikan perniagaan kecil ialah ia tidak layak mendapatkan modal menerusi 'stock exchange'. Menurut 'European Foundation for Management Development' dalam seminar 'European Small Business', semua kajian yang dijalankan hingga ke

hari ini mengenai firma besar, didefinisikan sebagai firma yang mempunyai pekerja lebih daripada 1000 orang.

### (k) Sistem Sokongan dan 'Role Model'

Menurut Hisrich dan Peters (1989), salah satu faktor yang mempengaruhi usahawan dalam pilihan kerjaya ialah 'role model'. Beliau menambah, 'role model' yang dimaksudkan ialah ibubapa, abang, kakak, dan saudara atau usahawan yang telah berjaya. 'Role model' boleh menjadi 'mentor' dalam memberi sokongan sewaktu dan selepas pengusahaan baru dilancarkan. Hisrich dan Peters (1989) menjelaskan seseorang usahawan memerlukan sokongan sumber kewangan, pemasaran dan nasihat mengenai struktur organisasi terutamanya pada peringkat permulaan perniagaan.

## 3.8 *Model Kajian Sikap Keusahawanan*

Dari beberapa model kajian mengenai sikap keusahawanan dan berdasarkan teori tiga komponen (tripartite) seperti dalam ulasan karya yang telah dibincangkan dalam bab ini, dapat dibentuk satu model kajian seperti Rajah 3.3 berikut:

Rajah 3.3: Model Kajian Orientasi Sikap Keusahawanan



Daripada ulasan karya serta model kajian orientasi sikap keusahawanan (Rajah *3.3)* dalam bab ini, kajian ini mencadangkan beberapa hipotesis utama untuk diuji seperti berikut:

**(a) Butir Diri**

Hipotesis: Tidak terdapat hubungan di antara umur, jantina, keturunan, agama, tempat tinggal dan negeri dengan orientasi sikap keusahawanan.

**(b) Latar Belakang** *Pendidikan*

Hipotesis: Tidak terdapat hubungan di antara latar belakang pendidikan responden dengan orientasi sikap keusahawanan.

**(c) Pengalaman** Responden

Hipotesis: Tidak terdapat hubungan di antara pengalaman tertentu yang diperolehi oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan.

**(d) Latar Belakang Ibubapa dan Penjaga**

Hipotesis: Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan dan pekerjaan ibubapa dengan orientasi sikap keusahawanan.

Hipotesis-hipotesis utama ini akan dipecahkan kepada 40 hipotesis yang akan dibentangkan dalam bab 5 mengenai analisis dan penemuan.

## *3.9 **Penutup***

Pelbagai definisi keusahawanan telah diberikan oleh penyelidik-penyelidik yang sedikit sebanyak telah memberikan sumbangan dalam menjelaskan pengertian usahawan dan keusahawanan. Di dapati penyelidik-penyelidik tidak sepakat di

dalam memberikan definisi tersebut. Perspektif keusahawanan dalam pelbagai disiplin menunjukkan konsep keusahawanan adalah berbeza dari segi peranan dan pengertian. Pelbagai pendekatan yang digunakan oleh penyelidik dalam mengkaji keusahawanan telah digunakan dalam melihat dan memahami keusahawanan dan usahawan. Pendekatan-pendekatan tersebut ternyata mempunyai kekuatan dan kelemahan dalam mengkaji keusahawanan. Walaubagaimanapun, pendekatan sikap yang digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini untuk mengkaji keusahawanan telah menunjukkan kekuatan dan kelebihan berbanding dengan pendekatan-pendekatan lain yang pernah digunakan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu dalam mengkaji keusahawanan. Kekuatan dan kelebihan pendekatan sikap dalam mengkaji keusahawanan telah diakui oleh penyelidik dan ahli teori. Ulasan karya terhadap faktor demografi di dalam kajian ini menunjukkan hasil kajian terdahulu yang dikemukakan dapat menyokong penemuan hasil kajian penyelidikan ini. Berdasarkan beberapa model kajian dan teori tiga komponen (tripartite) mengenai sikap keusahawanan seperti dalam ulasan karya terdahulu yang telah dikemukakan dalam bab ini maka dengan itu dapat membentuk model dan hipotesis kajian orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia.

**Rujukan:**


AlBana, H. (1988). **Konsep Pembaharuan Masyarakat Islam,** Jakarta, Indonesia: Kerjaya Printing Industries Pte. Ltd.

Al-Qordhawi, M. Y.(1987). **Hukum Zakat, Komperatif Mengenai Status dan Falsafat Zakat Berdasarkan Quraan dan Hadis**, Singapore: Pustaka Nasional, Pte. Ltd.

Anderson, A. L.(1984). "Entrepreneurship, Risk, Reward, Small Business, Attitudes, Trends", **Journal of National Underwriter (Life/Health),** Vo1.88, November, 1984.

Atkinson, J. W.(1957). "Motivational Determinants of Risk Taking Behavior", **Psychological Review, 64.**

Bailey, J. E.(1986). "Learning styles of succesful entrepreneurs". In R. Ronstadt, J. A. Hornaday, R. Peterson, and K. H. Vesper **(Eds.), Frontiers of entrepreneurship research.** Wellesley, MA: Babson College.

Bandura, A.(1977). **Social Learning Theory,** Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Bandura, A.(1986). **Social Foundations of Thought and Action: A socialcognitive** View,Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Barab, M. A. M.(1988). **Success and Failure in Small Business, The Case of Manufacturing Firms in California,** Tesis PhD., United States International University. San Diego.

Bedeian, A. G. Armenakis, A. A. dan Randolf, A.(1989). "The significance of congruence coefficients: a comment and statistical test", **Journal of Management,** Vol. 14, m.s.559-556.

Bender, A.D. dan Meli, J. T.(1991), "Entrepreneurship education and micro-business development of past of a program of community revitalization", **Economic Development Review,** Vol. 8, No. 1, m.s. 38-41.

Bird, B. J.(1989). **Entrepreneurial behavior,** Glenview, IL:Scott, Foresman & co.

Birley, S.(1987). "New ventures and employment growth", **Journal of Business Venturing, Vol.2(2),** m.s. 155-166.

Birley, S.(1989), "The Role of Networks in the Entrepreneurial Process", **Journal of Business Venturing,** Vol. 1. No. 1.

Borland, C.(1974). **Locus Of Control, Need for Achievement and Entrepreneurship,** PhD. Dissertation, University of Texas at Austin.

Bottorff, D.(1989), "The Entrepreneur Nature or Nurture?", New **England Business,** Vol.11, No.5, m.s.14-18.

Bowen, D. D. dan Hisrich, R. D.(1986). "The female entrepreneur: a career development perspective", **Academy of Management Review,** Vol. 11, m.s.393-407.

Brockhaus, R. H.(1980). "Risk taking propensity of entrepreneurs", **Academy of Management Journal, Vo1.23,** m.s.509-520.

Brockhause, R. H. dan Horwitz, P.(1986). "The psychology of the entrepreneur", In D. Sexton and R. Smilor (eds.), **The Art a Science of Entrepreneurship,** Cambridge, MA: Ballinger.

Brockhause, R. H. dan Nord, W. R.(1979). "An exploration of the factors affecting the entrepreneurial decision: personel characteristics vs. environmental condition", **Academy of Management Proceedings,**m.s.364-368.

Brodzinski, J. D., Scherer, R. F., Gover, K. A. dan Wiebe, F. A.(1989). "Differentiating among three measures of career preference", **Psychological Reports,** Vo1.65, 1275-1281.

Burch, J. G.(1986). **Entrepreneurship,** New York: John Wiley & Sons Inc.

Burton R. P.(1987). **Prediction of Entrepreneurship Based On An Attitude Consistency Model,** Thesis PhD. ,Brigham Young University.

Canning, G. Jr.(1988). "Is your company marketing oriented?", **Journal of Business Strategy,** Vol.9 (May/Jun), m.s.38-44.

Canty, A. L., Wiebe, F. A. dan Scherer, R. F.(1987). **Entrepreneurial aspirations: The effect of gender and psychological characteristics,** Paper presented at the Academy Annual Meeting.

Carlan, J. W.(1982), **Entrepreneurship In A Small Business Setting: An Exploratory Study,** Unpublished Dissertation, University of Georgia.

Carland, J. W., Carland, J. A. C., Hoy, F., dan Boulton, W.(1988). Distinctions between entrepreneurial and small business ventures: An empirical investigation, **International Journal of Management, Vol.5(1),** m.s.98-103.

Carland, J. W., Hoy, F., Boulton, W. R. dan Carland, J. C.( 1984). "Differentiating entrepreneurs from small business owners: A conceptualization", **Academy of Management Review,** Vo1.9, m.s.355-359.

Carsrud, A. L., Olm, K. dan Eddy, G.(1986). "Entrepreneurship: Research in quest of a paradigm". In D. Sexton and R. Smilor (eds.), **The Art and Science of Entrepreneurship,** Cambridge, MA: Ballinger.

Carsrud, A. L. and Johnson, R. W.(1989), "Entrepreneurship: a social psychological perspective", **Entrepreneurship and Regional Development,** Vol. 1, m.s.21-32.

Cole, A. H.(1969), **Definition of entrepreneurship,** in J. L. Komives (ed.), Karl A. Bostrom, Seminar in the Study of Entreprise, Milwaukee, WI: Center for Venture Management, m.s. 10-22.

Collins, 0. F. and Moore, D. **G.( 1970). The Organization Makers: A Behavioral Study of Independent Entrepreneurs, New** York, NY: Meredith.

Collins, O. F. dan Moore, D. G.(1964). **The enterprising man.** East Lansing, MI: Michigan State University Business Studies.

Cooper, A. C. dan Komives, J. L., eds.(1972). **Technical entrepreneurship:** A symposium. Milwaukee, WI: Center for Venture Management.

Cullen, Dick, T. P. dan Timothy, J.(1989), "Tomorrow's Entrepreneur and Today's Hospitality Curiculum" , **Cornell Hotel and Restaurant Administration Quartely,** Vol. 13, No.2, m.s.54-57.

DeCarlo, J. F. dan Lyons, P. R.(1979). A comparison of selected personal characteristics of minority and non-minority female entrepreneurs, **Academy of Management Proceedings, 369-373.**

Deshpande, R. & Webster, F. E. Jr.(1989). "Organizational culture and marketing: Defining the research agenda," **Journal of Marketing,** Vol.53 (January), m.s.3-15.

Dewing, A. S. (1919). **The Financial Policy of Corporation. New** York, N.Y.: Ronald Press, m.s.245-254.

Drucker, P. F. **(1974). "Management: Tasks, Responsibilities, Practices".** New York, N. Y.: Harper & Row, m.s.45-47.

Drucker, P. F. **(1985). Innovation and Entrepreneurship.** London: William Heinemann Ltd.

Drucker, P. F. **(1989). Innovation and Entrepreneurship,** London: William Heinemann Ltd.

European Foundation for Management Development,(1992). "The Entrepreneur in the driver's seat?", **22nd European Small Business Seminar,** September 23-25.

Evans, G.H., Jr.(1949). The entrepreneur and economic theory: An historical and analytical approach, **American Economic Review,** Vo1.39, m.s.336.

Fagenson, E. A. dan Marcus, E. C.(1991). "Perceptions of the Sex-Role Stereotypic Characteristics of Entrepreneurs, Women's Evaluations", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. 154, m.s. 33-35.

Fishbein, M. and Ajzen, I. (1975). **Belief, Attitude, Intention and Behavior.** New York: Addison-Wesley Publishing Company.

Gartner, W. B. (1989). "Who Is an Entrepreneur? Is the Wrong Question", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice.** Vol. 133, m.s.47-49.

Gartner, W. B.(1988). "Who Is an Entrepreneur? Is the Wrong Question", **American Journal of Small Business,** Vo1.28, No.124, m.s. l-28.

Geoffery, G. M.(1982). **The Practice of Entrepreneurship,** International Labor Office, Geneva.

Gibb, A. A.,(1988). "The Enterprise Culture, Threat or Opportunity? In Entrepreneur, A Blue Print For An Action", **Management Decision,** Vo1.26, No.4. MCB University Press.

Giglierano, J. J. (1987). **The Relationship Between Founder's Prior Experience, Strategy Making Style, Strategy, and Performance in New Technical Firms,** PhD. Thesis, The Ohio State University.

Ginsberg, A. dan Buchholtz A.(1989). "Are entrepreneurs a breed apart? A look at evidence", **Journal of Genera1 Management,** Vol. 15, m.s.32-40.

Ginsberg, A.(1985). Measuring changes in entrepreneurial orientation following industry deregulation: The development og a diagnostic instrumen. In G. B. Roberts(Ed), **Proceedings: Discovering entrepreneurship,** Marietta, GA: U.S. Affiliate of the International Council for Small Business.

Hargreaves **R.** B. (1984). **Starting a Business,** London: William Heinemann Ltd.

Hayes, H. M.(1988). "Another chance for the marketing concept", **Business, Vol.38(1),** m.s. 10-18.

Herron, L., Sapienza, H. J., dan Cook D. S. (1991). "Entrepreneurship Theory from an Interdisciplinary Perspective", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. I. m.s.9-12.

Herron, L., Sapienza, H. J., dan Cook D. S. (1991). "Entrepreneurship Theory from an Interdisciplinary Perspective", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. II. m.s.9-12.

Hills, G. E.(1987). Marketing and entrepreneurship research issues: Scholarly justification? In G. E. Hills (Ed.), **Research at the marketing/entrepreneurship interface,** Marietta, GA: United States Association for Small Business and Entrepreneurship.

Hisrich, R. dan Brush, C.(1984). "The women entrepreneur: Management skills and business problems", **Journal of Small Business Management,** Vo1.22, m.s.31-37.

Hisrich, R. D. dan Peters, M. P.(1989). **Entrepreneurship, Starting, Developing, and Managing a New Enterprise,** New York: Richard D. Irwin, Inc.

Holt, D. H.(1992). **Entrepreneurship, New Venture Creation, New** Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Hornaday, J. A. dan Aboud, A.(1971). "Characteristics of the successful entrepreneur", **Personnel Psychology,** Vo1.24, m.s. 14 1-153.

Hornaday, J. A. dan Bunker, C. S.(1970). "The nature of the entrepreneur", **Personnel Psychology,** Vo1.23, m.s.47-53.

Hull, D. L., Bosley, J. dan Udell, G.(1980). "Renewing the hunt for the heffalump: identifying petential entrepreneurs by personality characteristics", **Journal of Small Business Management,** Vol. 18, m.s. 11-18.

Kao, R. W. Y.(1992). **Small Business Management,** Third Edi., Toronto: Holt, Rinehart & Winston of Canada, Ltd.

Keith, R. J.(1959). An interpretation of the marketing concept, **In Advancing Marketing Efficiency,** Proceedings of the forty-first National Conference, Chicago: American Marketing Association.

Kent, C. A., Sexton, D. L., Van Auken, P. dan Young, D. M.(1982). Managers and entrepreneurs: do lifetime experiences really matter? In K. H. Vesper **(cd.), Frontiers of entrepreneurship research,** Wellesley, MA: Babson College.

Kerlinger, F. N.(1973). **Foundations of behavioral research** (2nd ed.), New York: Holt Rinehart and Winston.

Kerlinger, F. N.(1986). **Foundation of behavioral research, New** York: Holt, Rinehart, and Winston.

Khandwalla, P. N.(1977). "Some top management styles, their context and performance", **Organization and Administrative Science,** Vol. 7 (Winter), m.s.21-51.

King, A. S.(1985). "Self Analysis and Assesment of Entrepreneurial Potention, Simulation and Game", **An International Journal of Theory, Design and Research,** Sage Publication, Vol. 16, No.4, m.s. 2-5.

King, R. L.(1965). The marketing concept, In G.Schwartz (Ed.), **Science in marketing,** New York: John Wiley.

Kirzner, I. M.(1979). **Perception, opportunity, and profit: Studies in the theory of entrepreneurship.** Chicago: University of Chicago Press.

Kishel, Gregory F.(1981). **How to start,run, and stay in business,** Canada: John Wiley & Sons, Inc.

Knight, F. H.(1921). **Risk, uncertainty, and profit,** Boston: Houghton Mifflin.

Kuratko, D. F.dan Hodgetts, R. M.(1989). **Entrepreneurship, A Contemporary Approach,** New York: The Dryden Press.

Lafuente, A. dan Salas, V. (1989). "Types of Entrepreneurs and Firm, The Case of New Spanish Firm", **Strategic Management Journal,** John Wiley & Sons, Vol. 10, m.s. 17-30.

Mariotti, S.(1990), "Entrepreneurship in the Innercity", **Executive Speeches,** Vo1.4, No.11, m.s.26-39.

Mayer, K. B. dan Goldstein, S.(1961), "The First Two Years Problems of Small Firms Growth and Survival", Washington D. **C., Journal of Small Business Administration,**

McClelland, D. **C.(** 1961). **The Achieving Society,** New Jersey: Van Nostrand Reinhord Co.

McConnell, J. V. (1983). **Understanding Human Behavior,** 2nd Ed. New York: Holt, CBS college Publishing.

Meyers, M. (1986). "Students need the truth about entrepreneurship", **Marketing News,** July 18, m.s.34.

Miles, M. P.(1989). **An empirical investigation of the relationship between the marketing orientation and entrepreneurial orientation.** Unpublished doctoral thesis, Mississippi State University.

Miller, D.( 1983). "The correlates of entrepreneurship in three types of firms", **Management Science,** Vol.29(July), m.s.770-791.

Mitton, D. G. (1989). "The Compleat Entrepreneur". **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vo1.133, m.s. 9-l 1.

Mohd Salleh Hj. Din, dan Gibb, A. A. **(1990). Small Business and Entrepreneurship Education, An Innovative Approach, International Conference on Small and Medium Scale Entreprise,** Pulau Langkawi, May 28-30.

Mohd Salleh Hj. Din (1992). **The Development Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia,** PhD. Thesis, University of Durham.

Morris, J. L. dan Fragher, K.(1974). "Achievement drive and creativity as correlates of success in small business", **Australian Journal of Psychology,** Vo1.26, m.s.217-222.

Morris, M. H. dan Paul, G. W.(1987). "The relationship between entrepreneurship and marketing in established firms", **Journal of Business Venturing,** Vol.2(3), m.s.247-259.

Murray, J. A.(1981). "Marketing is home for entrepreneurial process". **Industrial Marketing Management,** Vol. 10(2), m.s.93-99.

Palmer, S. dan Cochran, L.( 1988). "Parent as agents of career development", **Journal of Counseling Psychology,** Vo1.35, m.s.71-75.

Papandreau, A.(1943). **The location and scope of the entrepreneurship function.** Unpublished doctoral dissertation, Cambridge: Harvard University.

Peter, J. P.(1979). "Reliability: A review of psychometric basics and recent marketing practice", **Journal of Marketing Research,** Vol. 2 1 (February), m.s.6-17.

Peterson, R. T.(1989). "Small business adoption of the marketing concept vs. other business strategies", **Journal of Small Business Management,** Vol.27 (January), m.s.38-46.

Quinn, J. B. (1979). "Technological innovation, entrepreneurship and strategy". **Sloan Management Review,** Vol.20(1), m.s. 19-30.

Ray, J. W.(1981). **An Empirical Examination of the Characteristics and Attributes of Entrepreneurs Franchise Owners, and Manager Engaged in Retail Venture,** PhD. Thesis, University of South Carolina.

Robinson, B. P., Stimpson, D. V., Huefner, J. C. dan Hunt, H. K., (1991). "An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship",**Journal of Entrepreneurship Theory and Practice**, Vol. 154, m.s. 13-19.

Robinson, P. B., Huefner, J. C. dan Hunt, H. K.(1991). "Entrepreneurial Research On Student Subjects Does Not Generalize To Real World Entrepreneurs", **Journal of Small Business Management,** July 199 1. m.s.42-49.

Robinson, P. B., Stimpson, D. V., Huefner, J. C. dan Hunt, H. K. (199 1). "An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. 1, No.54, m.s. 13-20.

Ronstadt, R.(1983). "The decision not to become an entrepreneur". In J. A. Homaday et al.(eds.), **Frontiers of entrepreneurship research,** Wellesley, MA: Bobson College).

Rotter, J. B.(1966). "Generalized expectancies for internal vs. external control of reinforcement", **Psychological Monographs,** Vol.80: No.609.

Sandberg, W. R.(1984). **The Determinants of New Venture Performance, Strategy, Industry Structure and Entrepreneur,** PhD. Thesis, University of Georgia.

Scanlan, T. J.(1987). **Self Employment as a Career Options, An Investigation of Entrepreneurship from the Perspectives of Holland's Theory of Career Development and Laven Son's Measure of Locus of Control,** PhD. Thesis, University of Illinois at Urban, Champaign.

Schackle, C. L. S.(1966). **The nature of economic thought,** Cambridge: Harvard University Press.

Scherer, R. F., Adams, J. S., Carley, S. S. dan Wiebe, F. A.( 1989). " Role Model Performance Effects on Development of Entrepreneurial Career Preference", **Journal of Entrepreneurial Theory and Practice,** Spring, Vol. 133, m.s.53-65.

Scherer, R. F., Adams, J. S. and Wiebe, F. A.(1989). "Developing entrepreneurial behaviors: a social learning theory perspective", **Journal of Organizational Change Management,** Vol. 2, m . s. 16-27.

Scherer, R. F., Brodzinski, J. D. dan Wiebe, F. A. (1991). "Examining the relationship between personality and entrepreneurial career preference", **Journal of Entrepreneurship & Regional Development,** Vol. 3. m.s. 195-196.

Scherer, R. F., Brodzinski, J. D. dan Wiebe, F. A.(1990), "Entrepreneur Career Selection and Gender, A socialization Approach", **Journal of Small Business Management,** Vol.28, No.2, m.s.37-44.

Schulenberg, J. E., Vondracek, F. W. and Crouter, A. C.( 1984), "The influence of the family on vocational development", **Journal of Marriage and the Family,** Vol.46, m.s. 129-141.

Schultz, T. W.(1975). "The value of the ability to deal with disequilibria", **Journal of Economic Literature,** Vol. 13, m.s.827-846.

Schumpeter, J. (1936). **The Theory Of Economic Development,** Cambridge: Harvard University Press.

Sexton, D. L. and Bowman, N.(1983). "Determining entrepreneurial potential of students", **Academy of Management Proceedings,** m.s.408-412.

Sexton, D. L. dan Bowman-Upton, N. B.(1991). **Entrepreneurship, Creativity and Growth,** New York: McMillan Publishing Company.

Sexton, D. L.(1987). "Advancing small business research: utilizing research from other **areas", American Journal of Small Business,** Vol. 11, m.s.25-30.

Shapero, A. dan Sokol, L.(1982). The social dimensions of entrepreneurship. In C. A. Kent, D. L. Sexton, & K. H. Vesper (Eds.), **Encyclopedia of Entrepreneurship,** Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.

Sharma, **C.** (1992). **Developing Entrepreneurship Issues and Problems,** India: Small Industry Extension Training Institute, Yousufguda Hyderabad.

Smith, G. D. Arnold, D. R. dan Bizzell, B. G.(1988). **Business Strategy and Policy,** Boston: Houghton Mifflin.

Steward, J. F. dan Boyd, D. R.(1988), "Teaching Entrepreneurs, Apportunities for Women and Minorities",**Business Forum,** Vo1.13, No.3, m.s.8-10.

Strauss, J. H.(1944). "The entrepreneur: The Firm", **Journal of Political Economy,** Vo1.52, m.s. 112-127.

Swayne, C. B. dan Tucker, W. R. (1973). **The Effective Entrepreneur.** Morristown, New Jersey: General Learning Press.

Syed Othman Alhabshi.(1989). **Islam, Ekonomi dan Pengurusan,** Shah Alam: Penerbitan Hizbi.

Veach, J. P.(1987). **Preparation for Entrepreneur in Home Economic Education, A National Perspective,** PhD. Thesis, The Ohio State University.

Watkins, J. M. and Watkins, D. S.(1983). "The female entrepreneur: her background and determinants of business choice-some British data", In J. A. Homady et al.(eds.) **Frontiers of Entrepreneurship Research,** Wellesley, MA: Babson College.

Weber, M.(1930). **The Protestant Ethic and the Spirit of Capitalison Criber's, New** York.

Webster, F. E. Jr.(1981). "Top management's concern about marketing: Issues for the 1980's", **Journal of Marketing,** Vol.45 (Summer), m.s.9-16.

Winer, L. dan Myers, M.(1986), "Many Students Seek the Skill Successful Entrepreneurs Need/Students Need the Truth About Entrepreneurship", **Marketing News,** Vol.20, No. 15, m.s.30-32.

Yusuf, R. (1991). **Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kejayaan Dalam Perniagaan Usahawan Kecil, Kajian Kes Bandar Alor Setar.** Tesis UUM.

Zeitham, C. P.dan Zeitham, V. A.(1984). "Environmental management: Revising the marketing perspective", **Journal of Marketing,** Vol.48 (Spring), m.s.46-53.

# BAB 4

## METHODOLOGI KAJIAN

### 4.1 *Pengenalan*

Dalam bab ini membincangkan mengenai kaedah penyelidikan yang digunakan dalam mengukur sikap terhadap keusahawanan, menerangkan mengenai reka-bentuk kajian, instrumentasi yang digunakan, pengumpulan data, analisis data dan seterusnya tingkat koefisyen.

### 4.2 *Rekabentuk Kajian*

Menurut Salleh (1992) rekabentuk sesuatu kajian perlu diberikan perhatian yang serius bagi menjamin kajian dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sekaran (1992) menyatakan bahawa menerusi kajian soalselidik bagi mendapatkan data kajian merupakan cara terbaik dalam pengumpulan maklumat. Sekaran menjelaskan soalselidik yang dikendalikan secara sendiri oleh penyelidik, mendatangkan beberapa kebaikan iaitu di antaranya ialah data yang dipungut akan mengambil masa yang singkat dan sebarang soalan yang tidak jelas dapat diterangkan dengan berkesan. Begitu juga halnya dalam menguji kebolehper-cayaan instrumen yang digunakan dalam kajian dan kaedah yang digunakan dalam menganalisi data maka rekabentuk kajian memperlihatkan kepentingan-

nya dalam kajian ini. Rekabentuk kajian orientasi sikap keusahawanan dapat dibincangkan melalui topik-topik seperti berikut:

### 4.2.1 Populasi dan Sampel

Kajian ini ialah mengenai orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia. Dengan itu, populasi kajian ini adalah terdiri daripada pelajar-pelajar politeknik di Malaysia. Pelajar-pelajar semester akhir peringkat sijil dan diploma dari jurusan perdagangan dan kejuruteraan telah dipilih sebagai sampel dalam kajian ini. Pelajar-pelajar yang bukan daripada semester akhir tidak dipilih oleh penyelidik kerana penyelidik menganggap mereka masih baru berada di politeknik, kurang berpengalaman dan tidak signifikan di dalam menentukan sikap keusahawanan mereka berbanding dengan pelajar-pelajar politeknik yang berada dalam semester akhir. Pelajar-pelajar tersebut akan meninggalkan politeknik dan bakal mencari pekerjaan sebaik sahaja menamatkan pengajian. Oleh itu, pelajar-pelajar semester akhir dirasakan telah mempunyai cita-cita dan kecenderungan memilih bekerja sendiri atau makan gaji.

### 4.2.2 Prosidur Persampelan

Pelajar-pelajar semester akhir dari jurusan perdagangan dan kejuruteraan telah dipilih di dalam sampel kajian ini. Bagi mewakili semua pelajar terpilih maka penyelidik telah menggunakan sistem persampelan rawak mudah bagi membolehkan populasi yang dipilih mempunyai peluang turut sama terpilih dengan menggunakan jadual persampelan. Menurut Sekaran ( 1992), persampe-lan rawak mudah mempunyai kelebihan di mana setiap elemen dalam populasi dipertimbangkan dan mempunyai peluang yang sama untuk turut terpilih sebagai satu subjek. Beliau menjelaskan dengan menggunakan prosidur persampelan ini dan didapati kurang bias di dalam memilih sampel dan hasil kajian lebih baik

(High Generalizability). Seramai tiga puluh orang bagi setiap jurusan di enam buah politeknik di Malaysia telah dipilih sebagai sampel kajian. Sampel kajian yang diambil adalah seperti Jadual 4.1 berikut:

Jadual 4.1: Sampel Kajian

| Politeknik | Jurusan Perdagangan | Jurusan Kejuruteraan | Peratusan |
|---|---|---|---|
| Politeknik Ungku Omar, Ipoh | 30 | 30 | 16.7 |
| Politeknik Sultan Ahmad Shah, Kuantan | 30 | 30 | 16.7 |
| Politeknik Sultan Abd.Halim, Jitra | 30 | 30 | 16.7 |
| Politeknik Kota Bharu, Kelantan | 30 | 30 | 16.7 |
| Politeknik Kuching, Sarawak | 30 | 30 | 16.7 |
| Politeknik Port Dickson, N.Sembilan | 30 | 30 | 16.7 |
| Jumlah: | 180 | 180 | 100.0 |
| JUMLAH BESAR: | 360 | | |

### 4.2.3 Rekabentuk Instrumentasi

Rekabentuk instrumentasi kajian ini akan menggunakan dua jenis instrumen iaitu:

(a) Instrumen ujian Teori Orientasi Sikap Keusahawanan yang telah diketengah-kan oleh Robinson et. al.(1991) untuk mengukur angkubah bergantung iaitu orientasi sikap keusahawanan pelajar.

(b) Soalselidik mengenai faktor demografi untuk mengukur angkubah tak ber-gantung.

### 4.2.4 Pengukuran Angkubah Bergantung

Instrumen angkubah bergantung dalam kajian ini telah di pilih kerana kajian mengenai sikap keusahawanan di Malaysia masih lagi tiada instrumen yang boleh dijadikan alat untuk mengukur sikap keusahawanan. Instrumen tersebut didapati mempunyai kesesuaian dengan kajian yang ingin dijalankan dan menunjukkan angkubah yang diuji bersandar di antara satu dengan lain secara kuat. Instrumen tersebut telah diuji kebolehpercayaan (test re-test reliability) dan menunjukkan konsisten. Instrumen ini mudah digunakan dan mudah difahami oleh responden.

Borang soal selidik yang mengandungi 75 soalan yang telah direkabentuk untuk mengukur empat faktor utama iaitu pencapaian, penghargaan diri, kawalan personal, innovasi, terhadap "affect", kognitif dan kelakuan. Pengukuran angkubah bergantung adalah menggunakan pendekatan Orientasi Sikap Keusahawanan yang menggunakan skel likert di antara 1 hingga 10. Penerangan mengenai skel adalah seperti berikut:

[1] amat tidak bersetuju;

[5] sedikit tidak bersetuju;

[6] sedikit sahaja bersetuju; dan

[10] amat bersetuju.

Di dalam orientasi sikap keusahawanan angkubah yang digunakan di dalam model tiga komponen iaitu "affect", kognitif dan kelakuan mengenai sikap telah membentuk 75 soalan yang terdiri daripada item seperti Jadual 4.2 berikut:

Jadual 4.2: **Item dan Sub-Item** Pengukuran Orientasi Sikap Keusahawanan

| Perkara | Kod | Bilangan Item/Sub-Item |
|---|---|---|
| Sub-Item: | | |
| Pencapaian | A | 23 |
| Penghargaan diri | S | 14 |
| Kawalan Personal | C | 12 |
| Innovasi | I | 26 |
| Item: | | |
| Affect | F | 25 |
| Kognitif | K | 24 |
| Kelakuan | B | 26 |

Pengukuran angkubah bergantung menggunakan kod-kod tertentu bagi mengukur hubungan di antara satu dengan lain terhadap faktor-faktor keusahawanan iaitu pencapaian, penghargaan diri, kawalan personal dan innovasi terhadap

faktor tiga komponen iaitu "affect", kognitif dan kelakuan. Ia dapat diterangkan seperti beriku t:

## (a) Sub-Item Pencapaian

Jadual 4.3: Sub-Item Pencapaian

| Kod | &b-Item | Nombor Soalan | Kod Angkubah | Lajur |
|---|---|---|---|---|
| AF1 | pencapaian/affect | 1 | v22 | 5- 6 |
| AB1 | pencapaian/kelakuan | 3 | V24 | 9-10 |
| AK1 | pencapaianlkognitif | 7 | V28 | 17-18 |
| AB2 | pencapaian/kelakuan | 9 | V30 | 21-22 |
| AK2 | pencapaianlkognitif | 11 | V32 | 26-27 |
| AB3 | pencapaian/kelakuan | 20 | v41 | 44-45 |
| AB4 | pencapaian/kelakuan | 23 | v44 | 9-10 |
| AK3 | pencapaian/kognitif | 24 | v45 | 11-12 |
| AK4 | pencapaian/kognitif | 26 | v47 | 15-16 |
| AB5 | pencapaian/kelakuan | 27 | V48 | 17-18 |
| AK5 | pencapaian/kognitif | 30 | V51 | 23-24 |
| AF2 | pencapaian/affect | 31 | V52 | 26-27 |
| AK6 | pencapaianlkognitif | 34 | V55 | 32-33 |
| AF3 | pencapaian/affect | 35 | V56 | 34-35 |
| AK7 | pencapaian/kognitif | 40 | V61 | 44-45 |
| AF4 | pencapaian/affect | 44 | V65 | 11-12 |
| AB6 | pencapaian/kelakuan | 48 | V69 | 19-20 |
| AF5 | pencapaian/affect | 57 | V78 | 38-31 |
| AK8 | pencapaianlkognitif | 59 | V80 | 42-43 |
| AF6 | pencapaian/affect | 61 | V82 | 5- 6 |
| AF7 | pencapaian/affect | 65 | V86 | 13-14 |
| AF8 | pencapaian/affect | 67 | V88 | 17-18 |
| AB7 | pencapaian/kelakuan | 70 | V91 | 23-24 |

Jadual 4.3 menunjukkan sub-item pencapaian yang terdiri daripada 23 soalan yang berkaitan dengan faktor tiga komponen sikap iaitu faktor "affect", kognitif dan kelakuan .

**(b) Sub-Item Penghargaan Diri**

Sub-item penghargaan diri adalah terdiri daripada 14 soalan yang berkaitan dengan faktor tiga komponen iaitu "affect", kognitif dan kelakuan seperti Jadual 4.4 berikut:

**Jadual 4.4: Sub-Item Penghargaan Diri**

| Kod | Sub-Item | Nombor Soalan | Kod Angkubah | Lajur |
|---|---|---|---|---|
| SF1 | Penghargaan diri/affect | 5 | V26 | 13-14 |
| SB1 | Penghargaan diri/kelakuan | 12 | v33 | 28-29 |
| SF2 | Penghargaan diri/affect | 14 | V35 | 32-33 |
| SK1 | Penghargaan diri/kognitif | 16 | v37 | 36-37 |
| SB2 | Penghargaan diri/kelakuan | 18 | v39 | 40-41 |
| SF3 | Penghargaan diri/affect | 21 | V42 | 5- 6 |
| SK2 | Penghargaan diri/kognitif | 22 | v43 | 7- 8 |
| SK3 | Penghargaan diri/kognitif | 25 | V46 | 13-14 |
| SF4 | Penghargaan diri/affect | 28 | v49 | 19-20 |
| SB3 | Penghargaan diri/kelakuan | 29 | V50 | 21-22 |
| SF5 | Penghargaan diri/affect | 33 | v54 | 30-31 |
| SB4 | Penghargaan diri/kelakuan | 50 | v71 | 23-24 |
| SF6 | Penghargaan diri/affect | 53 | v74 | 30-31 |
| SC4 | Penghargaan diri/kognitif | 55 | V76 | 34-35 |

### (c) Sub-Item Kawalan Personal

Sub-item kawaian personal adalah terdiri daripada 12 soalan yang berkaitan dengan faktor tiga komponen iaitu "affect", kognitif dan kelakuan seperti Jadual 4.5 berikut:

Jadual 4.5: Sub-Item Kawalan Personal

| Kod | Sub-Item | Nombor Soalan | Kod Angkubah | Lajur |
|---|---|---|---|---|
| CB1 | Kawalan personal/Kelakuan | 4 | V25 | 11-12 |
| CB2 | Kawalan personal/kelakuan | 8 | v29 | 19-20 |
| CK1 | Kawalan personal/Kognitif | 10 | V31 | 23-24 |
| CK2 | Kawalan personal/Kognitif | 15 | V26 | 34-35 |
| CF1 | Kawalan peribadi/Affect | 36 | v57 | 36-37 |
| CB3 | Kawalan peribadi/Kelakuan | 37 | V58 | 38-39 |
| CK3 | Kawalan peribadi/Kognitif | 42 | V63 | 7- 8 |
| CF2 | Kawalan peribadi/Affect | 45 | V66 | 13-14 |
| CF3 | Kawalan peribadi/Affect | 47 | V68 | 17-18 |
| CB4 | Kawalan peribadi/kelakuan | 51 | V72 | 26-27 |
| CBS | Kawalan peribadi/kelakuan | 60 | V81 | 44-45 |
| CB6 | Kawalan peribadi/kelakuan | 64 | V85 | 11-12 |

### (d) Sub-Item Innovasi

Sub-item innovasi adalah terdiri daripada 26 soalan yang berkaitan dengan faktor tiga komponen iaitu "affect", kognitif dan kelakuan seperti Jadual 4.6 berikut:

Jadual 4.6: Sub-Item Innovasi

| Kod | Sub-Item | Nombor Soalan | Kod Angkubah | Lajur |
|---|---|---|---|---|
| IB1 | Innovasi/Kelakuan | 2 | V23 | 7-8 |
| IF1 | Innovasi/Affect | 6 | V26 | 15-16 |
| IF2 | Innovasi/Affect | 13 | v34 | 30-31 |
| IF3 | Innovasi/Affect | 17 | V38 | 38-39 |
| IF4 | Innovasi/Affect | 19 | V40 | 42-43 |
| IK1 | Innovasi/Kognitif | 32 | V53 | 28-29 |
| IB2 | Innovasi/Kelakuan | 38 | V59 | 40-41 |
| IB3 | Innovasi/Kelakuan | 39 | V60 | 42-43 |
| IK2 | Innovasi/Kognitif | 41 | V62 | 5- 6 |
| IB4 | Innovasi/Kelakuan | 43 | V64 | 9-10 |
| IK3 | Innovasi/Kognitif | 46 | V67 | 15-16 |
| IB5 | Innovasi/Kelakuan | 49 | V70 | 21-22 |
| IK4 | Innovasi/Kognitif | 52 | v73 | 28-29 |
| IK5 | Innovasi/Kognitif | 54 | v75 | 32-33 |
| IK6 | Innovasi/Kognitif | 56 | v77 | 36-37 |
| IB6 | Innovasi/Kelakuan | 58 | v79 | 40-41 |
| IF5 | Innovasi/Affect | 62 | V83 | 7- 8 |
| IK7 | Innovasi/Kognitif | 63 | V84 | 9-10 |
| IK8 | Innovasi/Kognitif | 66 | V87 | 15-16 |
| IF6 | Innovasi/Affect | 68 | V89 | 19-20 |
| IK9 | Innovasi/Kognitif | 69 | V90 | 21-22 |
| IB7 | Innovasi/Kelakuan | 71 | v92 | 26-27 |
| IF7 | Innovasi/Affect | 72 | v93 | 28-29 |
| IB8 | Innovasi/Kelakuan | 73 | v94 | 30-31 |
| IB9 | Innovasi/Kelakuan | 74 | v95 | 32-33 |
| IF8 | Innovasi/Affect | 75 | V96 | 34-35 |

### 4.2.5 Pengukuran Angkubah Tak Bergantung

Borang soal selidik mengandungi 22 perkara yang telah direkabentuk untuk melihat lima faktor utama demografi yang berkaitan terhadap sikap keusahawanan pelajar iaitu seperti berikut:

#### (a) Faktor demografi

Faktor demografi melihat enam perkara mengenai peribadi responden iaitu seperti Jadual 4.7 berikut:

Jadual 4.7: Faktor Demografi Responden

| Sub-Item | Kod | Nombor Label |
|---|---|---|
| Damografi | D | |
| Umur | D1 | |
| Jantina | D2 | (1) Lelaki (2) Perempuan |
| Keturunan | D3 | (1)Melayu (2)Cina (3)India (4) Lain-Lain Bumiputera |
| Agama | D4 | (1)Islam (2)Kristian (3)Hindu (4)Buddha (5)Lain-lain |
| Tempat tinggal | D5 | (1)Kampung (2)Bandar Raya/Ibu Negeri (3)Bandar/Pekan |
| Negeri | D6 | (1)Johor (2)Kedah (3)Kelantan (4)Melaka (5)N.Sembilan (6)Pahang (7)Perak (8)Pulau Pinang (9)Perlis (10)Selangor (II)Sabah (12)Sarawak ((13)Terengganu (14) U.P.K.Lumpur (15)W.P.Labuan |

### (b) Faktor latar belakang pendidikan responden

Faktor latar belakang pendidikan responden melihat tujuh faktor penting iaitu seperti dalam Jadua14.8 seperti berikut:

Jadual 4.8: Faktor Latar Belakang Pendidikan

| Sub-Item | Kod | Nombor Label |
|---|---|---|
| Latar belakang pendidikan | P | |
| Jurusan semasa di politeknik, | P1 | (1)Perdagangan (2)Kejuruteraan |
| Jurusan semasa di sekolah menengah, | P2 | (1)Sastera (2)Pdgn (3)Sains (4)Teknikal |
| Mata pelajaran diarnbil diperingkat SPM, | P3 | (1)Sains (2)Matematik (3)Sejarah (4)B.M (5)B.I (6)Geografi (7)Akaun (8)Ekon (9)Pdgn (10)MT (11)ST (12)Fizik (13)Kimia (14)Biologi |
| Mata pelajaran paling disukai | P4 | (1)Pertama (2)Kedua (3)Ketiga Disukai |
| Mata pelajaran tidak disukai | P5 | (1)Pertama (2)Kedua (3)Tidak Disukai |
| Gred mata pelajaran pilihan | P6 | (1)Ekonomi Mikro (2) Ekonomi Makro (3)Konsep & Amalan Pengurusan |
| Purata Mata Keseluruhan (PMK) | P7 | (1)0.00-0.99 (2)1.00-1.99 (3)2.00-2.99 (4)3.00-4.00 |

Jadual 4.9: Faktor Latar Belakang Pengalaman Responden

| Sub-Item | Kod | Nombor Label |
|---|---|---|
| Pengalaman responden | M | |
| Pengalaman menjual | M1 | |
| Pengalaman mengauasi pekerja | M2 | |
| Pengalaman mengendalikan akaun perniagaan | M3 | |
| Pengalarnan menguruskan perniagaan sendiri | M4 | |
| Pengalaman menguruskan perniagaan orang lain | M5 | |
| Pengalaman bekerja dalam perniagaan kecil | M6 | |
| Pengalaman bekerja dalam perniagaan sederhana | M7 | |
| Pengalaman bekerja dalam perniagaan besar, | M8 | |
| Pengalaman menghadiri kursus, kelas dan bengkel secara formal | M9 | |

### (c) Faktor latar belakang pengalaman responden

Faktor latar belakang pengalaman responden melihat sembilan faktor penting iaitu seperti dalam Jadua14.9.

### (d) Faktor tahap pendidikan dan pekerjaan ibubapa

Faktor tahap pendidikan melihat empat faktor penting dan pekerjaan ibubapa melihat dua belas faktor penting iaitu seperti dalam Jadual 4.10 berikut:

Jadual 4.10: Faktor Tahap Pendidikan dan Pekerjaan Ibubapa

| Sub-Item | Kod | Nombor Label |
|---|---|---|
| Tahap Pendidikan | N | (1)Tiada pendidikan formal<br>(2)Sekolah rendah<br>(3)Sekolah menengah<br>(4)Universiti/pusat pengajian tinggi/ maktab. |
| Pekerjaan ibubapa | R | |
| Pekerjaan profesional bekerja sendiri | R1 | |
| Pekerjaan profesional pekerja gajian | R2 | |
| Pegawai eksekutif atau pentadbiran | R3 | |
| Guru | R4 | |
| Perkeranian | R5 | |
| Pekerja mahir seperti juruteknik | R6 | |
| Pekerja tidak mahir seperti buruh | R7 | |
| Pasukan beruniform seperti polis | R8 | |
| Perniagaan sendiri | R9 | (1)Saiz besar (2)Sederhana (3)Kecil |
| Pertanian | R10 | |
| Tidak bekerja | R11 | |
| Bersara | R12 | |

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai kandungan soal selidik, ia dapat dibentangkan seperti dalam Jadual 4.11 berikut:

Jadual 4.11: Perkara-Perkara Kandungan Soalselidik

| Perkara | Bilangan Perkara | Lokasi | |
|---|---|---|---|
| | | Bahagian | Perkara |
| **1. Faktor Mempengaruhi Sikap Keusahawanan:** | | | |
| (a) Faktor Demografi | 5 | A | 1-5 |
| (a) Latar belakang pendidikan responden | 7 | B | 1-7 |
| (b) Pengalaman responden | 9 | C | a-i |
| (c) Latar belakang ibubapa (pendidikan & pekerjaan) | 3 | D | 1-2 |
| 2. Faktor Mengukur Sikap Keusahawanan: | | | |
| (a) Pencapaian | 23 | F | 1,3,7,9,11,20,23,24,26,27,30 31,34,35,40,44,48,57,59,61 65,67,70, |
| (b) Penghargaan diri | 14 | F | 5,12 ,14,16,18,21,22,25,28, 29,33,50,53,55, |
| (c) Kawalan Peribadi | 12 | F | 4,8,10,15,36,37,42,45,47, 51,60,64 |
| (d) Innovasi | 26 | F | 2,6,13,17,19,32,38,39,41,43, 46,49,52,54,56,58,62,63,66, 68,69,71,72,73,74,75 |

Sumber: Borang Soalselidik

## 4 . 3 *Instrumentasi*

### 4.3.1 Ujian Awal dan Pengesahan Instrumen

Ujian awal telah dijalankan menerusi instrumen ujian yang diambil daripada kajian terdahulu mengenai sikap keusahawanan yang telah diketengahkan oleh Robinson et. al.(1991). Instrumen ujian yang digunakan bagi mengkaji sikap keusahawanan telah diuji terlebih dahulu kepada 30 orang pelajar Universiti Utara Malaysia (Lampiran 4.1). Ujian peringkat pertama soal selidik ini telah dijalankan pada 18 Januari 1994 dan ujian peringkat ke dua telah dijalankan selepas seminggu daripada tarikh ujian pertama iaitu pada 25 Januari 1994. Ujian ini mengambil masa lebih kurang 20 minit bagi membolehkan responden menjawab kesemua soalan. Mereka mendapati adalah mudah untuk memahami soalselidik tersebut. Sedikit pembetulan terhadap ayat yang digunakan telah dibuat sebagaimana yang dicadangkan oleh responden.

Ujian yang telah dijalankan itu adalah untuk menentukan penjelasan arahan dalam soalselidik, keperluan untuk membaiki maksud ayat dan bahasa serta 'kebolehpercayaan' instrumen tersebut. Konsistensi menunjukkan bagaimana pengukuran konsep item-item tergantung baik bersama sebagai satu set dan menyumbangkan hasil keputusan yang sama ke atas percubaan yang berulang. Alpha Cronbach ialah satu koefisyen 'kebolehpercayaan' yang mencerminkan bagaimana baiknya item-item dalam satu set berhubung secara positif di antara satu dengan lain. 'Alpha Cronbach' yang menghampiri nilai 1 menunjukkan bahawa konsistensi 'kebolehpercayaan' dalaman adalah tinggi. Menurut Sekaran (1992) 'kebolehpercayaan' kurang dari 0.60 adalah pada umumnya dikatakan sebagai lemah, di antara 0.70 dikatakan sebagai boleh diterima dan yang

melebihi 0.80 adalah baik. Dalam kajian ini ujian bagi 'Alpha Cronbach' terhadap koefisyen dalaman adalah seperti keputusan 'ujian semula kebolehpercayaan' dalam Jadual 4.12.

**(1) Ujian Semula Kebolehpercayaan (Re-Test Reliability)**

**(a) Analisis Kebolehpercayaan**

**Jadual 4.12: Ujian Semula Kebolehpercayaan**
**Keputusan : Koefisyen Kebolehpercayaan**

| Perkara | Bilangan Kes | Bilangan Item | Ujian Peringkat 1 Alpha | Ujian Peringkat 2 Alpha |
|---|---|---|---|---|
| Sub-Item: | | | | |
| Pencapaian | 30 | 23 | 0.8219 | 0.9047 |
| Penghargaan diri | 30 | 14 | 0.2955 | 0.3673 |
| Kawalan Personal | 30 | 12 | 0.3527 | 0.6063 |
| Innovasi | 30 | 26 | 0.7403 | 0.8272 |
| Item: | | | | |
| 'Affect' | 30 | 25 | 0.6849 | 0.8260 |
| Kognitif | 30 | 24 | 0.7870 | 0.8401 |
| Kelakuan | 30 | 26 | 0.6346 | 0.7387 |

## (b) Analisis Korelasi

**Jadual 4.13: Ujian-Semula Korelasi**
**Keputusan: Ujian I**

| Sub-Item | Pencapaian | Penghargaan diri | Kawalan Peribadi | Innovasi |
|---|---|---|---|---|
| Pencapaian | 1.0000 | 0.5031 | 0.6027 | 0.7440 |
| Penghargaan diri | 0.5031 | 1.0000 | 0.5717 | 0.7268 |
| Kawalan Personal | 0.6027 | 0.5717 | 1.0000 | 0.7092 |
| Innovasi | 0.7440 | 0.7268 | 0.7092 | 1.0000 |

n=30

**Jadual 4.14: Ujian-Semula Korelasi**
**Keputusan: Ujian II**

| Sub-Item | Pencapaian | Penghargaan diri | Kawalan Personal | Innovasi |
|---|---|---|---|---|
| Pencapaian | 1.0000 | 0.7859 | 0.6899 | 0.8855 |
| Penghargaan diri | 0.7859 | 1.0000 | 0.7567 | 0.8016 |
| Kawalan Personal | 0.6899 | 0.7567 | 1.0000 | 0.7662 |
| Innovasi | 0.8855 | 0.8016 | 0.7662 | 1.0000 |

n=30

Berdasarkan maklumat dalam Jadual 4.13 dan 4.14 didapati bahawa kebolehpercayaan dalaman untuk sub-item keusahawanan adalah baik dan boleh diterima. Keputusan ujian mendapati nilai alpha bagi ujian peringkat pertama dan nilai alpha ujian peringkat ke dua di dapati menunjukkan nilai yang tinggi dan konsisten. Nilai korelasi pula menunjukkan hubungan di antara sub-item adalah tergantung baik di antara satu dengan lain. Sedikit pembetulan terhadap soalselidik telah dibuat terhadap soalan sub-item yang mengukur penghargaan diri kerana istilah yang digunakan kurang difahami oleh responden. Segala kelemahan yang

mungkin boleh menjejaskan dalam soalselidik telah dibaiki bagi memudahkan responden memahamai soalan yang dikemukakan dan akhirnya soalselidik tersebut digunakan untuk tujuan pengumpulan data yang sebenar.

## 4 . 4 *Pengumpulan Data*

Bagi tujuan memudahkan proses kutipan data di enam buah politeknik di Malaysia maka perancangan dibuat bagi membolehkan matlamat tersebut tercapai. Surat dari pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik telah dikeluarkan kepada Pengarah BPTV iaitu Dato Dr. Abdul Shukor bin Abdullah bagi meminta kebenaran kajian ke atas politeknik dijalankan. Senarai pelajar-pelajar dari setiap politeknik telah dihantar menerusi fax. Dari senarai pelajar tersebut maka responden kajian ini telah dipilih dengan menggunakan persampelan rawak mudah.

Sebanyak 360 set soalselidik yang mengandungi enambelas muka surat telah dicetak bagi tujuan pengumpulan data untuk tujuan kajian ini. Penyelidik telah menjelajah ke lima buah politeknik di Semenanjung iaitu Kota Bharu, Kuantan, Ipoh, Jitra dan Port Dickson bagi mendapatkan maklumat terhadap pelajar-pelajar politeknik yang telah terpilih sebagai responden kajian. Bagi pengumpulan data untuk Politeknik Kuching, Sarawak, soalselidik telah dikendalikan oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar Politeknik berkenaan. Soalselidik ini dijalankan secara teratur di mana pelajar dikumpulkan di dalam sebuah dewan kuliah dan kemudian diberikan arahan untuk menjawab dengan masa yang diberikan lebih kurang 25 minit.

## 4.5 Anulisis *Data*

Konting (1990) menyatakan data adalah merupakan bahan mentah dan tidak memberi sebarang maklumat yang berguna mengenai sesuatu masalah yang dikaji kecuali ianya dianalisis dengan menggunakan kaedah-kaedah tertentu seperti kaedah statistik. Oleh itu semua data telah dimasukkan ke dalam komputer dengan menggunakan program SPSS-PC versi 3.0 bagi membolehkan data untuk dianalisis. Menurut Salleh (1992), penyemakan data adalah penting bagi mempastikan tidak berlaku kesilapan dan dapat menjami n hasil kajian. Oleh itu, penyemakan data telah dibuat sebanyak dua kali bagi mempastikan data yang diproses tidak berlaku kesilapan.

Pada asasnya terdapat 4 jenis kaedah penganalisaan digunakan oleh penyelidik iaitu seperti berikut:

### 4.5.1 Kenyataan Kondeskriptif (Condescriptive Statement)

Dalam penganalisaan jenis ini ia melibatkan pengukuran statistik seperti peratusan, min dan median yang diperolehi untuk skel jeda angkubah bebas dan angkubah bergantung. Menurut Norusis (1990), jadual frekuensi adalah mudah untuk dibaca dan ia memberi maklumat yang detail dan lengkap.

### 4.5.2 Kaedah Korelasi Pearson

Menurut Sekaran (1992), teknik statistik ini telah digunakan untuk mengetahui bagaimana suatu angkubah itu berhubungan di antara satu dengan lain. Tujuan-nya ialah untuk melihat ciri-ciri, arah dan signifikan hubungan di antara dua

angkubah. Oleh itu, teknik statistik ini digunakan untuk menilai semua korelasi terhadap angkubah yang berkaitan dan digunakan untuk menguji hipotesis terhadap angkubah-angkubah yang berkaitan.

### 4.5.3 Kaedah Khi-Kuasadua (Chi-Square)

Teknik statistik ini digunakan untuk menguji hipotesis terhadap kajian ini. Teknik ini dapat digunakan untuk hanya lebih dari dua kumpulan angkubah bebas dan angkubah tak bebas yang diukur atas suatu skel jeda. Menurut Norusis (1990), ujian khi-kuasadua adalah untuk membantu dalam memutuskan samada dua angkubah berhubung dalam populasi. Beliau menjelaskan dua angkubah adalah bebas bila mengetahui nilai suatu angkubah menunjukkan tiada nilai terhadap angkubah lain.

### 4.5.4 Kaedah 'Crosstabulation'

Untuk melihat frekuensi dan peratusan angkubah bebas dan angkubah bergantung yang diperolehi untuk suatu skel jeda. Misalnya kita ingin mengetahui berapa ramaikah bilangan lelaki dan wanita dari jumlah sampel seramai 360 orang yang mempunyai sikap terhadap keusahawanan dalam suatu skel jeda tertentu.

### 4.5.5 Tingkat Signifikan

Dalam kebanyakan kes tingkat signifikan 0.05 adalah digunakan dalam kajian oleh kebanyakan penyelidik. Menurut Rahim (1983), tingkat yang dipilih telah dipertimbangkan oleh kebanyakan ahli sains kelakuan sebagai sama ada terlalu risiko satu tingkat untuk ditolak terhadap hipotesis yang diuji.

### 4 . 6 *Penutup*

Rekabentuk kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu instrumen orientasi sikap keusahawanan dan faktor demografi pelajar. Ujian kebolehpercayaan telah dijalankan bagi menguji semula kebolehpercayaan instrumen asal yang diguna-kan dalam kajian ini. Sampel kajian adalah terdiri daripada pelajar tahun akhir peringkat sijil dan diploma politeknik di Malaysia. Selepas membuat kajian dan memperolehi data, maka penyelidik akan menganalisis data tersebut dengan menggunakan program SPSS versi 3.0 bagi memperolehi maklumat yang berguna. Perbincangan seterusnya akan dikemukakan dalam bahagian analisis dan penemuan dalam bab seterusnya (Bab 5).

**Rujukan:**


Konting, M. M. **(1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan,** Selangor Darul Ehsan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Salleh Hj. Din (1992). **The Development Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia, PhD.** Thesis, University of Durham.

Norusis, M. J. (1990). **SPSS/PC+ Studentware, New** York, N.Y.: SPSS Inc. Illinois.

Rahim, M. S.(1983), **Clients Commitment to A Project In A Group Forming Organization. A Study of Felda Schemes in Malaysia, PhD.** Thesis, University of Winconsin, Madison.

Robinson et al. (1991). "An Attitude Approach to the Prediction of Entrepreneurship", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. 154, m.s. 13-19.

Sekaran, U.(1992). **Research Methods For Business, A Skill Building Approach,** Toronto, 2nd Ed., John Wiley & Sons.

# BAB 5

# ANALISIS DAN PENEMUAN

## 5.1 *Pengenalan*

Bab ini mengemukakan analisis kajian yang akan dibahagikan kepada tiga bahagian utama. Bahagian pertama, mengemukakan profil taburan frekuensi angkubah-angkubah yang utama. Bahagian ke dua, mengemukakan penentuan tahap orientasi sikap keusahawanan di kalangan responden. Seterusnya bahagian ke tiga, mengemukakan ujian hipotesis dan analisis hubungan di antara angkubah-angkubah yang dikaji dengan orientasi sikap keusahawanan.

## 5.2 *Profil Taburan Frekuensi dan Peratusan Faktor Demografi*

Bahagian A, B, C dan D dalam soalselidik kajian telah direkabentuk bagi mendapatkan maklumat demografi responden. Profil responden dikemukakan

mengikut perkara seperti dalam Jadual 5.1 berikut:

Jadual 5.1

Profil Responden Mengikut Faktor Demografi

| BAHAGIAN | | | |
|---|---|---|---|
| A: Butir Diri | B: Latar Belakang Pendidikan | C: Pengalaman Responden | D: Ibubapa/Penjaga |
| | 11.4 | 32.2 | 4.6 | 10.8 | 5.4 | 4.0 | 10.5 | 3.7 | 4.3 | 3.7 | 4.6 | 4.8 | 1100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 12.18832 | 11 | 0.3497 |

Nota: I-Sains, 2-Matematik ,3-Sejarah, 4-B.Malaysia, 5-B.Inggris, 6-Geografi, 7-Prinsip Akaun, 8-Asas Ekonomi, 9-Perdagangan, 10-Matematik Tambahan, II-Sains Tambahan, 12,Fizik, 13-Kimia, 14-Biologi.

(o) Hubungan **mata** pelajaran yang tidak disukai dengan sikap **keusahawanan**

Ho: Tidak terdapat hubungan di antara **mata pelajaran** yang tidak **disukai** responden dengan orientasi sikap keusahawanan.

**Jadual** 5.37

**Hubungan Mata Pelajaran** Yang **Tidak Disukai**
**Dengan Sikap Keusahawanan**

| TOSK | Hate pelajaran Frekuensi Peratus | | | | | | | | | | | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | | 3 | | | | | | | | | | |
| Rendah | 15 | 62 | 16 | 94 | 31 5 | 37 6 | 74 | 19 | 21 10 | 1121 | 18 | 17 | 176 |
| | 8.5 | 3.4 | 9.1 | 5.1 | 17.6 | 21.0 | 2.3 | 0.6 | 11.9 | 6.3 | 10.2 | 4.0 | 50.1 |
| | 62.5 | 50.0 | 42.1 | 56.3 | 52.5 | 48.1 | 50.0 | 33.3 | 51.2 | 45.8 | 50.0 | 53.8 | |
| | 4.3 | 1.7 | 4.6 | 2.6 | 8.8 | 10.5 | 1.1 | 0.3 | 6.0 | 3.1 | 5.1 | 1.7 | |
| Tinggi | 9 | 6 | 22 | 7 | 28 | 40 | 4 | 2 | 20 | 13 | 18 | 6 | 175 |
| | 5.1 | 3.4 | 12.6 | 4.0 | 16.0 | 22.9 | 2.3 | 1.1 | 11.4 | 7.4 | 10.3 | 3.4 | 49.9 |
| | 37.5 | 50.0 | 57.9 | 43.8 | 47.5 | 51.9 | 50.0 | 66.7 | 48.8 | 54.2 | 50.0 | 46.2 | |
| | 2.6 | 1.7 | 6.3 | 2.0 | 8.0 | 11.4 | 1.1 | 0.6 | 5.7 | 3.7 | 5.1 | 1.7 | |
| Jumlah | 24 | 12 | 38 | 16 | 59 | 77 | 8 | 3 | 41 | 24 | 36 | 13 | 351 |
| | 6.8 | 3.4 | 10.8 | 4.6 | 16.8 | 21.9 | 2.3 | 0.9 | 11.7 | 6.8 | 10.3 | 3.7 | 1100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 3.56529 | 11 | 0.9810 |

**Nota:** I-Sains, 2-Matematik ,3-Sejarah, 4-B.Malaysia, 5-B.Inggris, 6-Geografi, 7-Prinsip Akaun, 8-Asas Ekonomi, 9-Perdagangan,10-Matematik Tambahan, II-Sains Tambahan, 12,Fizik, 13-Kimia,14-Biologi.

Berdasarkan ujian Khi-Kuasadua untuk menguji hubungan hipotesis di atas, didapati nilai Khi-Kuasadua 3.56529 tidak signifikan (0.9810) pada paras keyakinan 0.05. Oleh itu, kajian ini merumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara mata pelajaran tidak disukai dengan orientasi sikap keusahawanan.

Walaupun tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara mata pelajaran tidak disukai dengan orientasi sikap keusahawanan, didapati bahawa kumpulan responden yang tidak menyukai mata pelajaran perdagangan merupakan peratus responden yang paling ramai (66.7 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang tidak menyukai mata pelajaran Sains merupakan peratus yang terendah (37.5 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (Jadua15.37).

**(p) Hubungan mata pelajaran Ekonomi Mikro dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Ekonomi Mikro dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Berdasarkan kepada ujian tersebut didapati nilai r= - 0.2203 menunjukkan ada hubungan signifikan (p=0.007), walaupun lemah pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho ditolak yang bermakna terdapat hubungan yang signifikan dan songsang di antara gred responden dalam mata pelajaran Ekonomi Mikro dengan sikap keusahawanan. Hubungan tersebut adalah secara songsang iaitu responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi adalah mereka yang mendapat gred yang baik dalam Ekonomi Mikro dan sebaliknya.

Jadual 5.38

**Hubungan** Gred **Mata** Prlajaran **Ekonomi** Xikro
**Dengan** Sikap **Keusahawanan**

| TOSK | Gred Frekuensi Peratusan | | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|---|
| | (1) A | (2) B | (3) C | |
| Rendah | 8<br>11.6<br>23.5<br>5.3 | 43<br>62.3<br>51.2<br>28.7 | 18<br>26.1<br>56.3<br>12.0 | 69<br>46.0 |
| Tinggi | 26<br>32.1<br>76.5<br>17.3 | 41<br>50.6<br>48.8<br>27.3 | 14<br>17.3<br>43.8<br>9.3 | 81<br>54.0 |
| Jumlah | 34<br>22.7 | 84<br>56.0 | 32<br>21.3 | 150<br>100.0 |

r=-0.2203, p=0.007

Jadua15.38 menunjukkan hubungan gred mata pelajaran Ekonomi Mikro dengan sikap keusahawanan. Gred A diberi nilai 1, Gred B diberi nilai 2 dan C diberi nilai 3. Kumpulan responden yang memperolehi gred A dalam mata pelajaran Ekonomi Mikro adalah kumpulan responden yang mempunyai 76.5 peratus tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang mendapat gred C adalah kumpulan responden yang mempunyai peratus yang rendah (43.8 peratus) tahap sikap keusahawanan tinggi.

**(q) Hubungan gred mata pelajaran Ekonomi Makro dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Ekonomi Makro dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Jadual 5.39

**Hubungan Gred Mata Pelajaran Ekonomi Makro Dengan Sikap Keusahawanan**

| TOSK | Gred Frekuensi Peratusan | | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|---|
| | (1) A | (2) B | (3) C | |
| Rendah | 7<br>10.3<br>33.3<br>4.7 | 47<br>69.1<br>50.0<br>31.8 | 14<br>20.6<br>42.4<br>9.5 | 68<br>45.9 |
| Tinggi | 14<br>17.5<br>66.7<br>9.5 | 47<br>58.8<br>50.0<br>31.8 | 19<br>23.8<br>57.6<br>12.8 | 80<br>54.1 |
| Jumlah | 21<br>14.2 | 94<br>63.5 | 33<br>22.3 | 148<br>100.0 |

r= -0.0337, p=0.685

Berdasarkan kepada ujian Korelasi Pearson untuk menguji hipotesis di atas telah didapati nilai r= • 0.0337 yang menunjukkan hubungan yang lemah dan songsang dengan nilai p =O. 685 yang tidak signifikan pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gred responden dalam mata pelajaran Ekonomi Makro dengan sikap keusahawanan.

Jadual 5.39 menunjukkan hubungan gred mata pelajaran Ekonomi Makro dengan sikap keusahawanan. Gred A diberi nilai 1, gred B diberi nilai 2 dn gred C diberi nilai 3. Walaupun tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gred mata pelajaran dengan sikap keusahawanan, adalah didapati kumpulan responden yang mendapat gred A dalam Ekonomi Makro adalah merupakan yang mempunyai peratus yang paling ramai (66.7 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

**(r) Hubungan gred mata pelajaran Konsep dan Amalan Pengurusan dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Konsep dan Amalan Pengurusan dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Berdasarkan kepada ujian tersebut didapati nilai Khi-Kuasadua 0.58613 tidak signifikan ($p=0.4439$) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara gred responden dalam mata pelajaran Konsep dan Amalan Pengurusan dengan sikap keusahawanan.

Maklumat Jadual 5.40 menunj ukkan bahawa kumpulan responden yang mendapat gred A adalah kumpulan responden yang mempunyai peratus responden paling ramai (61.3 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang mendapat gred B adalah kumpulan responden (48.4 peratus) yang paling rendah yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

Jadual 5.40

**Hubungan Gred Mata Pelajaran Konsep dan Amalan Pengurusan Dengan Sikap Keusahawanan**

| TOSK | Gred Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | A | B | |
| Rendah | 12<br>42.9<br>38.7<br>19.4 | 16<br>57.1<br>51.6<br>25.8 | 28<br>45.2 |
| Tinggi | 19<br>55.9<br>61.3<br>30.6 | 15<br>44.1<br>48.4<br>24.2 | 34<br>54.8 |
| Jumlah | 31<br>50.0 | 31<br>50.0 | 62<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.58613 | 1 | 0.4439 |

**(s) Hubungan mata pelajaran Asas Keusahawanan dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara responden yang mengambil mata pelajaran Asas Keusahawanan dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Berdasarkan kepada ujian tersebut didapati nilai Khi-Kuasadua 0.00000 tidak signifikan (p = 1 .OOOO) pada paras keyakinan 0.05. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang mengambil mata pelajaran Asas Keusahawanan dengan sikap keusahawanan.

Jadual 5.41

**Hubungan Mata** Palajaran **Asas** Keusahawanan
**Dengan** Sikap Keusahawanan

| TOSK | Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ambil | Tidak | |
| **Rendah** | 6<br>3.3<br>54.5<br>1.7 | 174<br>96.7<br>49.9<br>48.3 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 5<br>2.8<br>45.5<br>1.4 | 175<br>97.2<br>50.1<br>48.6 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 11<br>3.1 | 349<br>96.9 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.00000 | 1 | 1.0000 |

Daripada Jadual 5.4 1 didapati kumpulan responden yang tidak mengambil mata pelajaran Asas Keusahawanan adalah responden yang paling ramai (50.1 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang mengambil Asas Keusahawanan didapati mempunyai peratus responden yang paling rendah (45.5 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

**(t) Hubungan gred mata pelajaran Pengurusan dan Perniagaan dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Pengurusan dan Perniagaan dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Jadual 5.42

Hubungan Gred Mata Pelajaran Pengurusan dan Perniagaan Dengan Sikap Keusahawanan

| TOSK | Gred Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | A | B | |
| Rendah | 15<br>35.7<br>35.7<br>14.9 | 27<br>64.3<br>45.8<br>26.7 | 42<br>41.6 |
| Tinggi | 27<br>45.8<br>64.3<br>26.7 | 32<br>54.2<br>54.2<br>31.7 | 59<br>58.4 |
| Jumlah | 42<br>41.6 | 59<br>58.4 | 101<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.64810 | 1 | 0.4208 |

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Berdasarkan kepada ujian tersebut didapati nilai Khi-Kuasadua 0.64810 tidak signifikan (p=0.4208) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan di antara responden yang mendapat gred dalam mata pelajaran Pengurusan dan Perniagaan dengan orientasi sikap keusahawanan.

Kajian ini mendapati bahawa kumpulan responden yang mendapat gred A dalam mata pelajaran Pengurusan dan Perniagaan merupakan peratus reponden yang tertinggi (64.3 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (Jadua15.42).

**(u) Hubungan Purata Mata Keseluruhan (PMK) dengan orientasi sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara PMK responden dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Jadual 5.43

Hubungan **PMK Dengan** Sikap **Keusahawanan**

| TOSK | PMK<br>Frekuensi<br>Peratusan | | | Jumlah<br>Peratus |
|---|---|---|---|---|
| | 1.00-1.99 | 2.00-2.99 | 3.00-4.00 | |
| Rendah | | 83<br>46.1<br>51.6<br>23.1 | 97<br>53.9<br>49.0<br>26.9 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 1<br>0.6<br>100.0<br>0.3 | 78<br>43.3<br>48.4<br>21.7 | 101<br>56.1<br>51.0<br>28.1 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 1<br>0.3 | 161<br>44.7 | 198<br>55.0 | 360<br>100.0 |

r=0.0166, p=0.754

Kaedah Korelasi Pearson digunakan untuk menguji hipotesis hubungan di atas. Berdasarkan kepada ujian tersebut didapati nilai r= 0.0166 menunjukkan bahawa hubungan yang lemah, nilai p=0.754 yang tidak signifikan pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan di antara PMK responden dengan orientasi sikap keusahawanan.

Berdasarkan Jadual 5.43 didapati kumpulan responden yang mendapat PMK 3.00-4.00, mempunyai 51.0 peratus responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi, manakala responden yang mendapat PMK 2.00-2.99 mempunyai 48.4 peratus tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

**Babagian C: Pengalaman Responden**

**(a) Hubungan pengalaman menjual dengan sikap keusabawanao**

**Ho: tidak terdapat hubungan di antara pengalaman menjual yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Berdasarkan kepada ujian Khi-Kuasadua untuk menguji hipotesis di atas, didapati nilai Khi-Kuasadua 1.9 1086 tidak signifikan (p =O. 1669) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan di antara responden yang mempunyai pengalaman menjual dengan orientasi sikap keusahawanan.

Jadua15.44 menunjukkan bahawa kumpulan responden yang mempunyai pengalaman menjual merupakan peratus responden yang lebih besar'(52.2 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala kumpulan responden yang tidak mempunyai pengalaman menjual adalah merupakan peratus responden yang paling ramai (57.3 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

Jadual 5.44

**Hubungan Pengalaman Menjual** Dengan Sikap **Keusahawanan**

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| .Rendah | 133<br>73.9<br>47.8<br>36.9 | 47<br>26.1<br>57.3<br>13.1 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 145<br>80.6<br>52.2<br>40.3 | 35<br>19.4<br>42.7<br>9.7 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 278<br>77.2 | 82<br>22.8 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 1.91086 | 1 | 0.1669 |

**(b) Hubungan pengalaman mengawasi pekerja dengan sikap keusahawauan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pengalaman mengawasi pekerja yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 0.00000 tidak signifikan (p = 1 .OOOO) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan di antara responden yang mempunyai pengalaman mengawasi pekerja semasa bekerja dengan orientasi sikap keusahawanan.

Jadual 5.45

**Hubungan Pengalaman Mengawasi** Pekerja
**Dengan** Sikap Keusahawanan

| TOSK | Pengalaman Mengawasi Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| Rendah | 83<br>46.1<br>49.7<br>23.1 | 97<br>53.9<br>50.3<br>26.9 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 84<br>46.7<br>50.3<br>23.3 | 96<br>53.3<br>49.7<br>26.7 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 167<br>46.4 | 193<br>53.6 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.00000 | 1 | 1.0000 |

Daripada Jadua15.45, sungguhpun kajian ini mendapati bahawa responden yang mempunyai pengalaman mengawasi pekerja tidak mempunyai hubungan dengan sikap keusahawanan, tetapi didapati bahawa kumpulan responden yang mempunyai pengalaman mengawasi pekerja merupakan peratus responden yang paling ramai (50.3 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang tidak mempunyai pengalaman mengawasi pekeja hanya mempunyai 49.7 peratus responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

**(c) Hubungan pengalaman mengendalikan akaun perniagaan dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pengalaman mengendalikan akaun perniagaan dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Jadual 5.46

**Hubungan Pengalaman Mengendalikan Akaun Perniagaan**
Dengan Sikap Keusahawanan

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 44<br>24.4<br>41.5<br>12.2 | 136<br>75.6<br>53.5<br>37.8 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 62<br>34.4<br>58.5<br>17.2 | 118<br>65.6<br>46.5<br>32.8 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 106<br>29.4 | 254<br>70.6 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 3.86421 | 1 | 0.0493 |

Berdasarkan kepada ujian Khi-Kuasadua untuk menguji hipotesis hubungan di antara pengalaman mengendalikan akaun perniagaan dengan sikap keusahawanan, adalah didapati bahawa nilai khi-kuasadua 3.86421 adalah signifikan ($p=0.0493$) pada paras keyakinan 0.05. Maka, ini boleh dirumuskan terdapat hubungan di antara responden yang mempunyai pengalaman mengendalikan akaun pemiagaan dengan orientasi sikap keusahawanan.

Jadual 5.46 menunjukkan bahawa kumpulan responden yang mempunyai pengalaman mengendlikan akaun perniagaan mempunyai peratus responden yang besar (58.5 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang tidak mempunyai pengalaman mengendalikan akaun perniagaan didapati mempunyai peratus responden yang tinggi (53.5 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

**(d) Hubungan pengalaman menguruskan peruiagaan sendiri dengan sikap keusabawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara responden yang mempunyai pengalaman menguruskan perniagaan sendiri dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Jadual 5.47

Hubungan **Pengalaman Mengendalikan Perniagaan** Sendiri Dengan Sikap **Keusahawanan**

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 26<br>14.4<br>46.4<br>7.2 | 154<br>85.6<br>50.7<br>42.8 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 30<br>16.7<br>53.6<br>8.3 | 150<br>83.3<br>49.3<br>41.7 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 56<br>15.6 | 304<br>84.4 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.19032 | 1 | 0.6627 |

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis hubungan di antara responden yang memperolehi pengalaman menguruskan perniagan sendiri dengan sikap keusahawanan. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 0.19032 tidak signifikan (p=0.6627) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang memperolehi pengalaman mengendalikan perniagaan sendiri dengan sikap keusahawanan (Jadua15.47).

**(e) Hubungan pengalaman menguruskan perniagaan orang lain dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara responden yang mempunyai pengalaman menguruskan perniagaan orang lain dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hubungan hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 0.75002 tidak signifikan (p=0.3865) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang mempunyai pengalaman menguruskan pemiagaan orang lain dengan sikap keusahawanan.

Maklumat Jadua15.48 menunjukkan bahawa kumpulan responden yang mempunyai pengalaman mengendalikan perniagaan orang lain merupakan peratus responden yang lebih ramai (53.2 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang tidak mempunyai pengalaman tersebut merupakan peratus yang lebih sedikit mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah (52 .O peratus).

Jadual 5.48

**Hubungan Pengalaman Menguruskan Perniagaan Orang Lain Dengan Sikap Keusahawanan**

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 65<br>36.1<br>46.8<br>18.1 | 115<br>63.9<br>52.0<br>31.9 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 74<br>41.1<br>53.2<br>20.6 | 106<br>58.9<br>48.0<br>29.4 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 139<br>38.6 | 221<br>61.4 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.75002 | 1 | 0.3865 |

**(f) Hubungan pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus perniagaan kecil dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus perniagaan kecil yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Berdasarkan kepada ujian Khi-Kuasadua untuk menguji hipotesis di antara pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus perniagaan kecil dengan sikap keusahawanan, didapati nilai khi-kuasadua 2.25352 tidak signifikan (p=0. 1333) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat

hubungan yang signifikan di antara responden yang memperolehi pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus pemiagaan kecil dengan sikap keusahawanan.

Jadual 5.49

**Hubungan** Pengalaman Bekerja **Bersama Pemilik/Pengurus** Perniagaan **Kecil**

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 66<br>36.7<br>44.9<br>18.3 | 114<br>63.3<br>53.5<br>31.7 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 81<br>45.0<br>55.1<br>22.5 | 99<br>55.0<br>46.5<br>27.5 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 147<br>40.8 | 213<br>59.2 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 2.25352 | 1 | 0.1333 |

Berdasarkan Jadua15.49 didapati kumpulan responden yang mempunyai pengalaman tersebut adalah merupakan peratus responden yang lebih besar (55.1 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, kumpulan responden yang tidak mempunyai pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus perniagaan kecil adalah kumpulan yang mempunyai peratus responden yang paling tinggi ( 53.5 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

**(g) Hubungan pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus perniagaan sederhana dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat huhungan di antara pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus firma perniagaan sederhana yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap- keusahawanan.**

Jadual 5.50

Hubungan **Pengalaman** Bekerja **Bersama Pemilik/Pengurus** Pemiagaan Sederhana **Dengan** Sikap **Keusahawanan**

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 28<br>15.6<br>46.7<br>7.8 | 152<br>84.4<br>50.7<br>42.2 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 32<br>17.8<br>53.3<br>8.9 | 148<br>82.2<br>49.3<br>41.1 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 60<br>16.7 | 300<br>83.3 | 360<br>100.0 |

| Khi-kuasa dua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.18000 | 1 | 0.6714 |

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hubungan hipotesis di antara pengalaman yang diperolehi oleh responden bekerja bersama pemilik/pengurus pemiagaan sederhana dengan sikap keusahawanan. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 0.18000 tidak signifikan (p =0. 67 14) pada paras keyakinan 0.05.

Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang mempunyai pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus pemiagaan sederhana dengan sikap keusahawanan.

Maklumat Jadual 5.50 menunjukkan kumpulan responden yang tidak mempunyai pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus perniagaan sederhana adalah merupakan peratus responden yang lebih ramai (50.7 peratus) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah. Manakala, kumpulan responden yang mempunyai pengalaman tersebut mempunyai peratus responden yang lebih ramai (53.3 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

**(h) Hubungan pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus perniagaan besar dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus firma perniagaan besar yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hubungan hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 0.00000 tidak signifikan (p= 1 .OOOO) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang memperolehi pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus pemiagaan besar dengan sikap keusahawanan (Jadual 5.51).

Jadual 5.51

**Hubungan Pengalaman** Bekerja **Bersama Pemilik/Pengurus Perniagaan Besar Dengan** Sikap Keusahawanan.

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 31<br>17.2<br>50.8<br>8.6 | 149<br>82.8<br>49.8<br>41.4 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 30<br>16.7<br>49.2<br>8.3 | 150<br>83.3<br>50.2<br>41.7 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 61<br>16.9 | 299<br>83.1 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.00000 | 1 | 1.0000 |

**(i) Hubungan pengalaman menghadiri kursus, kelas atau bengkel secara formal yang berkaitan perniagaan dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pengalaman menghadiri kursus, kelas atau bengkel perniagaan yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di antara pengalaman menghadiri kursus, kelas atau bengkel dengan sikap keusahawanan, didapati nilai khi-kuasadua 0.12169 tidak signifikan ($p=0.7272$) pada paras keyakinan 0.05. Kajian ini merumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman menghadiri kursus, kelas atau bengkel perniagaan dengan sikap keusahawanan (Jadual 5.52).

Jadual 5.52

**Hubungan Pengalaman** Nenghadiri **Kursus, Kelas** atau **Bengkel Perniagaan Dengan** Sikap **Keusahawanan**

| TOSK | Pengalaman Frekuensi Peratusan | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|
| | Ya | Tidak | |
| **Rendah** | 50<br>27.8<br>48.1<br>13.9 | 130<br>72.2<br>50.8<br>36.1 | 180<br>50.0 |
| Tinggi | 54<br>30.0<br>51.9<br>15.0 | 126<br>70.0<br>49.2<br>35.0 | 180<br>50.0 |
| Jumlah | 104<br>28.9 | 256<br>71.1 | 360<br>100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.12169 | 1 | 0.7272 |

## Bahagian D: Latar Belakang Ibubapa dan Penjaga

### (a) Hubuugan tahap pendidikan ibu dengan sikap keusahawanan

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan ibu dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hubungan hipotesis di antara tahap pendidikan ibu dengan orientasi sikap keusahawanan. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 0.84899 tidak signifikan (p =O. 8377) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan ibu dengan orientasi sikap keusahawanan.

**Jadual 5.53**

**Hubungan Tahap Pendidikan Ibu Dengan Sikap Keusahawanan**

| TOSK | Tahap Pendidikan Frekuensi Peratusan | | | | Junlah Peratus |
|---|---|---|---|---|---|
| | Tiada Pendidikan Formal | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah | Universiti/ Maktab | |
| Rendah | 30 | 91 | 50 | 6 | 177 |
| | 16.9 | 51.4 | 28.2 | 3.4 | 49.7 |
| | 47.6 8.4 | 49.2 25.6 | 53.2 14.0 | 42.9 1.7 | |
| Tinggi | 33 | 94 | 44 | a | 179 |
| | 52.4 la.4 | 52.5 50.8 | 46.8 24.6 | 57.1 4.5 | 50.3 |
| | 9.3 | 26.4 | 12.4 | 2.2 | |
| Jumlah | 63 | 185 | 94 | 14 | 356 |
| | 17.7 | 52.0 | 26.4 | 3.9 | 100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 0.84899 | 3 | 0.8377 |

**(b) Hubungau tahap pendidikan bapa dengan sikap keusahawauan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan bapa dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 4.40450 tidak signifikan (p=0.2210) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan bapa dengan orientasi sikap keusaha-wanan.

Jadual 5.54

Hubungan Tahap Pendidikan Bapa Dengan Sikap Keusahauanan

| TOSK | Tahap Pendidikan Frekuensi Peratusan | | | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|---|---|
| | Tiada Pendidikan Formal | Sekolah Rendah | Sekolah Menengah | Universiti/ Haktab | |
| Rendah | 17 | 64 | 77 | 16 | 174 |
| | 54.8 9.8 | 44.8 36.8 | 44.3 55.4 | 42.1 9.2 | 49.6 |
| | 4.8 | 18.2 | 21.9 | 4.6 | |
| Tinggi | 14 | 79 | 62 | 22 | 177 |
| | 7.9 | 44.6 | 35.0 | 12.4 | 50.4 |
| | 45.2 | 55.2 | 44.6 | 57.9 | |
| | 4.0 | 22.5 | 17.7 | 6.3 | |
| Junlah | 31 | 143 | 139 | 38 | 351 |
| | 8.8 | 40.7 | 39.6 | 10.8 | 100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 4.40450 | 3 | 0.2210 |

**(c) Hubungan pekerjaan ibu dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan ibu dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Kaedah Khi-Kuasadua digunakan untuk menguji hipotesis di atas. Hasil ujian didapati nilai khi-kuasadua 1.75704 tidak signifikan (p =O. 88 16) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pekerjaan utama ibu dengan orientasi sikap keusaha- wanan.

Jadual 5.55

Hubungan Pekerjaan Ibu Dengan Sikap Keusahawanan

| TOSK | Pekerjaan Utama Ibu Frekuensi Peratusan | | | | | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Profesional/ Eksekutif/Kerani | Guru | Pekerja Mahir/TakMahir | Peniaga | Pertanian | Tidak Bekerja/ Bersara | |
| Rendah | 6 | 7 | 11 | 17 | 23 | 114 | 178 |
| | 3.4 | 3.9 | 6.2 | 9.6 | 12.9 | 64.0 | 49.9 |
| | 60.0 | 46.7 | 57.9 | 54.8 | 45.1 | 49.4 | |
| | 1.7 | 2.0 | 3.1 | 4.8 | 6.4 | 31.9 | |
| | 4 | | | | | | |
| Tinggi | 2.2 | 8 | 8 | 14 | 28 | 117 | 179 |
| | | 4.5 | 4.5 | 7.8 | 15.6 | 65.4 | 50.1 |
| | 40.0 | 53.3 | 42.1 | 45.2 | 54.9 | 50.6 | |
| | 1.1 | 2.2 | 2.2 | 3.9 | 7.8 | 32.8 | |
| Jumlah | 10 | 15 | 19 | 31 | 51 | 231 | 357 |
| | 2.8 | 4.2 | 5.3 | 8.7 | 14.3 | 64.7 | ~100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifikan |
|---|---|---|
| 1.75704 | 5 | 0.8816 |

Berdasarkan Jadual 5.55 didapati kumpulan responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai pegawai profesional/eksekutif/kerani mempunyai peratus responden yang paling ramai (60.0 peratus) yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah. Manakala, 54.9 peratus responden dari kumpulan responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai petani adalah yang paling ramai mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

**(d) Hubuugau pekerjaan bapa dengan sikap keusahawanan**

**Ho: Tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan bapa dengan orientasi sikap keusahawanan.**

Berdasarkan ujian Khi-Kuasadua untuk menguji hipotesis di antara pekerjaan utama bapa dengan sikap keusahawanan, didapati nilai khi-kuasadua 14.71527 tidak signifikan ($p=0.0991$) pada paras keyakinan 0.05. Maka, Ho diterima yang bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pekerjaan utama bapa dengan orientasi sikap keusahawanan. Sekiranya paras keyakinan dinaikkan kepada $p=0.10$, sikap keusahawanan pelajar didapati mempunyai hubungan dengan pekerjaan utama bapa.

Jadua15.56 menunjukkan kumpulan responden yang mempunyai bapa yang bekerja sebagai petani merupakan peratus responden yang paling ramai mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (60.2 peratus). Manakala, kumpulan responden yang mempunyai bapa yang bekerja sebagai profesional (akauntan, peguam, doktor), pegawai eksekutif, pekerja mahir, perkeranian, pasukan beruniform dan pemiagaan sendiri, merupakan kumpulan responden yang lebih ramai yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

Jadual 5.56

Hubungan Pekerjaan Bapa Dengan Sikap Keusahawanan

| TOSK | Pekerjaan Bapa Frekuensi Peratusan | | | | | | | | | | Jumlah Peratus |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | |
| Rendah | 8 | 9 | 11 | 11 | 13 | 29 | 14 | 33 | 39 | 6 | 173 |
| | 4.6 | 5.2 | 6.4 | 6.4 | 7.5 | 16.8 | 8.1 | 19.1 | 22.5 | 3.5 | 49.6 |
| | 88.9 | 56.3 | 42.3 | 68.8 | 54.2 | 46.0 | 51.9 | 57.9 | 39.8 | 46.2 | |
| | 2.3 | 2.6 | 3.2 | 3.2 | 3.7 | 8.3 | 4.0 | 9.5 | 11.2 | 1.7 | |
| Tinggi | 1 | 7 | 15 | 5 | 11 | 34 | 13 | 24 | 59 | 7 | 176 |
| | 0.6 | 4.0 | 8.5 | 2.8 | 4.3 | 19.3 | 7.4 | 13.6 | 33.5 | 4.0 | 50.4 |
| | 11.1 | 43.8 | 57.7 | 31.3 | 45.8 | 54.0 | 48.1 | 42.1 | 60.2 | 53.8 | |
| | 0.3 | 2.0 | 4.3 | 1.4 | 3.2 | 9.7 | 3.7 | 6.9 | 16.9 | 2.0 | |
| Jumlah | 9 | 16 | 26 | 16 | 24 | 63 | 27 | 57 | 98 | 13 | 349 |
| | 2.6 | 4.6 | 7.4 | 4.6 | 6.9 | 18.1 | 7.7 | 16.3 | 28.1 | 3.7 | ~100.0 |

| Khi-Kuasadua | D.F. | Signifkan |
|---|---|---|
| 14.71527 | 9 | 0.0991 |

Nota : 1-profesional (bekerja sendiri/gajian), 2-pegawai eksekutif, 3-guru, 4-perkeranian, 5-pekerja mahir, 6-pekerja tidak mahir, 7-pasukan beruniform, 8-perniagaan sendiri, 9-pertanian, 10-tidakbekerja/bersara.

## 5.5 *Penutup*

Keseluruhannya, terdapat 40 hipotesis yang telah diuji; 36 hipotesis yang berkaitan dengan model pertama dan 4 hipotesis yang berkaitan dengan model ke dua. Daripada 40 hipotesis yang telah diuji, kajian ini mendapati bahawa hanya lima keputusan hipotesis yang telah menunjukkan penemuan hubungan yang signifikan di antara angkubah yang diuji. Lima angkubah tersebut ialah mengenai perbezaan jantina, gred mata pelajaran Bahasa Malaysia di peringkat SPM, Matematik Tambahan, gred mata pelajaran Ekonomi Mikro di peringkat politeknik dan pengalaman mengendalikan akaun perniagaan. Kajian ini mendapati

bahawa gred mata pelajaran Ekonomi Makro, Konsep dan Amalan Pengurusan, Asas Keusahawanan dan Pengurusan Perniagaan tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan. Sungguhpun, angkubah-angkubah yang diuji tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan tetapi beberapa angkubah telah menunjukkan hubungan tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Kajian ini telah mendapati bahawa responden yang berasal dari Terengganu mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain negeri. Pelajar-pelajar dari kampung mempunyai tahap sikap keusahawanan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan pelajar yang tinggal di bandar raya/ibu negeri dan bandar/pekan. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa jurusan pengajian perdagangan politeknik mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan jurusan kejuruteraan. Manakala, jurusan pengajian sastera peringkat sekolah menengah merupakan kumpulan pelajar yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan jurusan sains, teknikal dan perdagangan. Kajian ini juga telah merumuskan bahawa ibu dan bapa yang bekerja sebagai petani adalah kumpulan responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain pekerjaan. Penemuan kajian dibawa ke dalam bahagian ringkasan dalam bab berikutnya (Bab 6).

# BAB 6

## RINGKASAN, PENUTUP DAN CADANGAN

### 6.1 *Pengenalan*

Bab ini mengemukakan ringkasan pernyataan masalah, objektif, methodologi, keputusan kajian, penutup dan interpretasi, implikasi dan cadangan.

### 6.2 *Pernyataan Masalah*

Bidang keusahawanan telah mendapat perhatian yang serius di kalangan penyelidik, ahli akademik dan mereka yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pelajar-pelajar telah menerima bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan yang boleh memberikan ganjaran. Pada hari ini, pelajar-pelajar telah berhadapan dengan isu sama ada, untuk memilih pekerjaan makan gaji atau menceburkan diri dalam keusahawanan. Salah satu faktor yang boleh mendorong keputusan untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan ialah sikap yang positif di kalangan pelajar-pelajar politeknik terhadap bidang keusahawanan. Sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan patut disemai ke dalam jiwa pelajar-pelajar politeknik. Oleh itu, aspek pembelajaran memainkan peranan yang penting di dalam mewujudkan sikap yang positif terhadap bidang keusahawanan. Melalui kurikulum, politeknik dapat membentuk dan melahirkan pelajar yang peka kepada bidang keusahawanan.

Perubahan sikap yang wujud di kalangan pelajar politeknik akan menilai kerja makan gaji adalah suatu pekerjaan yang membosankan dan tidak mencabar berbanding dengan keusahawanan.

Objektif penubuhan politeknik untuk melahirkan lulusan bagi memenuhi keperluan tenaga pekerja dalam sektor perdagangan dan perindustrian boleh diubah kepada objektif untuk melahirkan lulusan politeknik sebagai seorang majikan yang boleh mewujudkan organisasi pemiagaan. Kemahiran yang diperolehi oleh pelajar-pelajar boleh digunakan untuk keusahawanan bagi mencapai matlamat tersebut.

Pernyataan masalah yang wujud berkaitan dengan sikap keusahawanan telah menimbulkan beberapa persoalan terhadap sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar politeknik iaitu seperti berikut:

(a) Ciri-ciri orientasi sikap keusahawanan iaitu pencapaian, penghargaan diri, kawalan peribadi dan innovasi;

(b) Faktor-faktor demografi serta hubungannya dengan orientasi sikap keusahawanan; dan

(c) Kurikulum yang diperkenalkan oleh politeknik bagi membentuk orientasi sikap keusahawanan.

## 6.3 *Objektif*

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia.

Objektif khusus kajian ini ialah untuk melihat perkara-perkara berikut:

(a) Hubungan faktor-faktor demografi yang digunakan dalam kajian ini seperti butir diri, pendidikan responden, pendidikan ibubapa, pengalaman responden, dan pekerjaan ibubapa untuk mengkaji hubunganya dengan orientasi sikap keusahawanan pelajar politeknik;

(b) Hubungan latar belakang pendidikan responden terutamanya sekali gred mata pelajaran yang diambil di peringkat SPM dan pencapaian akademik semasa di politeknik dengan orientasi sikap keusahawanan;

(c) Hubungan mata pelajaran yang disukai dan tidak disukai di peringkat SPM dengan orientasi sikap keusahawanan;

(d) Hubungan pengalaman perniagaan yang diperolehi oleh responden terhadap orientasi sikap keusahawanan; dan

(e) Tahap pendidikan dan pekerjaan ibubapa terhadap orientasi sikap keusahawanan pelaj ar.

## 6 . 4 *Kepentingan Kajian*

Kepentingan kajian ini dapat dilihat dari tiga perspektif seperti berikut:

(a) Memberikan halacara kepada pihak politeknik bagi merancang keperluan kurikulum dan latihan dengan lebih berkesan ke arah mewujudkan orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar politeknik di Malaysia;

(b) Mengenalpasti jenis kursus yang telah diperkenalkan yang mampu mengembangkan orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik; dan

(c) Penemuan dan cadangan yang berguna dapat membantu pihak politeknik mengembangkan orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik.

### *6.5 Methodologi*

Teori Orientasi Sikap Keusahawanan yang telah diperkenalkan oleh Robinson et.al. (1991) yang mengandungi 74 soalan mengenai orientasi sikap keusahawanan telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Instrumen tersebut digunakan untuk mengetahui hubungan faktor demografi responden dengan orientasi sikap keusahawanan. Instrumen tersebut telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Malaysia dan telah diuji semula ' kebolehpercayaan' (test re-test reliability). Populasi kajian ini adalah pelajar-pelajar di enam buah politeknik di Malaysia. Pelajar-pelajar semester akhir telah dipilih di dalam sampel kajian ini. Sampel kajian dibuat dengan menggunakan kaedah persampelan rawak mudah.

Maklumat yang telah diperolehi telah disemak sebanyak dua kali bagi mengatasi kesilapan semasa memproses data. Program SPSS versi 3.0 telah digunakan bagi memproses dan menganalisis data. Tahap sikap keusahawanan tinggi atau rendah telah ditentukan dengan mengambil nilai median orientasi sikap keusahawanan pelajar. Kaedah analisis frekuensi dan peratusan dan 'cross-tabulation' telah digunakan untuk penerangan berbentuk diskriftif. Kaedah khi-Kuasadua dan Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis.

### 6.6 *Ringkasan **Keputusan Profil Demografi***

Ringkasan profil responden dibahagikan mengikut perkara berikut:

**Bahagian A: Butir Diri Responden**

Lebih kurang 38 dari setiap seratus orang pelajar tahun akhir iaitu dalam lingkungan umur 20 tahun. Majoriti (61.4 peratus) dari pelajar politeknik adalah lelaki. Nisbah pelajar lelaki kepada perempuan adalah lebih tinggi dari kebanyakan taburan pelajar di pusat pengajian tinggi yang lain di mana majoriti darinya ialah pelajar perempuan.

Selaras dengan konsep menyusun semula masyarakat berilmu, 68.3 peratus dari responden adalah Melayu. Walaupun pelajar Melayu merupakan 68.3 peratus, ada pelajar bukan Melayu yang beragama Islam. Ini jelas dari profil responden di mana 69.7 peratus dari responden ialah beragama Islam.

Sejajar dengan konsep menyusun semula masyarakat ini juga, lebih kurang separuh (49.7 peratus) dari pelajar politeknik berasal dari kampung. Bakinya 35.3 peratus berasal dari bandar/pekan dan 15 .O peratus dari bandar raya/ibu negeri.

Walaupun pelajar politeknik mewakili semua negeri termasuk wilayah persekutuan, tetapi kebanyakan dari pelajar ini berasal dari Kedah (13.3 peratus) dan diikuti dengan Johor (13.1 peratus), Perak (11.9 peratus) dan Sarawak (10.8 peratus).

**Bahagian B: Latar Belakang Pendidikan Responden**

Politeknik menekankan kepada pengajian perdagangan dan kejuruteraan di mana pelajar-pelajamya ialah berasal dari beberapa jurusan termasuk jurusan sastera,

sains, perdagangan dan teknikal. Sejumlah besar (40.3 peratus) dari responden ialah dari jurusan sains. Mata pelajaran Matematik menjadi mata pelajaran yang disukai (3 1.4 peratus) oleh pelajar, diikuti dengan mata pelajaran Sains (11.1 peratus) dan Bahasa Malaysia (10.6 peratus). Mata pelajaran yang paling tidak disukai oleh pelajar ialah mata pelajaran Geografi (21.4 peratus), diikuti oleh mata pelajaran Bahasa Inggeris (16.4 peratus) dan Matematik Tambahan (11.4 peratus).

**Bahagian C: Pengalaman Responden**

Kebanyakan pelajar politeknik mempunyai pengalaman dalam perniagaan. Ini mungkin diperolehi semasa mereka menjalani latihan amali atau dari ibubapa mereka yang mempunyai perniagaan. Kebanyakan pelajar mempunyai pengalaman menjual (77.2 peratus) berbanding dengan lain-lain pengalaman perniagaan seperti pengalaman bekerja bersama pemilik/pengurus perniagaan kecil (40.8 peratus), pengalaman mengawasi pekerja (46.4 peratus) dan pengalaman mengurus pemiagaan orang lain (38.6 peratus).

**Bahagian D: Latar Belakang Ibubapa**

Dari penemuan mengenai latar belakang responden adalah jelas bahawa ibubapa dari responden mempunyai kelulusan yang berpendidikan lebih rendah dari responden sendiri. Ini jelas terbukti bahawa sebahagian besar (51.4 peratus) ibu mereka mempunyai tahap pendidikan sekolah rendah dan bapa mereka kebanyakannya (38.6 peratus) mempunyai tahap pendidikan sekolah menengah. Mengenai pekerjaan ibubapa, kebanyakan ibu tidak bekerja (63.9 peratus). Ini bermakna sebahagian masa mereka ditumpukan kepada mendidik anak-anak dan menguruskan rumah tangga. Kebanyakan bapa responden adalah bekerja sebagai petani (27.2 peratus).

## 6.7 *Ringkasan Penemuan Mengenai Ujian Hipotesis*

Ringkasan ke atas penemuan ujian hipotesis yang telah diperolehi adalah seperti berikut:

**Bahagian A: Butir Diri**

(a) Tiada hubungan di antara umur dengan orientasi sikap keusahawanan pelajar. Secara ringkasnya seseorang yang lebih tua itu tidak semestinya mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi.

(b) Kajian ini memperlihatkan terdapat hubungan di antara jantina dengan orientasi sikap keusahawanan. Hasil kajian mendapati responden perempuan mempunyai tahap sikap keusahawanan yang lebih tinggi jika dibandingkan dengan responden lelaki.

(c) Pada keseluruhannya kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara keturunan dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaupun demikian, kajian ini mendapati keturunan Melayu merupakan keturunan yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain keturunan. Keturunan India merupakan responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(d) Hasil kajian ini menunjukkan tidak terdapat hubungan di antara agama dengan orientasi sikap keusahawanan. Didapati responden yang beragama Islam dan Kristian mempunyai tahap sikap keushawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain agama. Responden yang beragama Hindu mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(e) Secara ringkasnya kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan di antara tempat tinggal dengan orientasi sikap keusahawanan. Maklumat lanjut kajian ini menunjukkan responden yang tinggal di kampung, majoriti darinya mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan responden yang tinggal di bandar raya/ ibu negeri dan bandar/pekan.

(f) Kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan di antara negeri dengan orientasi sikap keusahawanan. Didapati responden yang berasal dari negeri Terengganu merupakan responden yang mempunyai tahap sikap keushawanan yang tinggi jika dibandingkan dengan responden daripada lain-lain negeri. Responden yang berasal dari Perlis mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

**Bahagian B: Latar Belakang Pendidikan**

(a) Kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan di antara jurusan pengajian politeknik dengan orientasi sikap keusahawanan. Didapati jurusan perdagangan merupakan responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan responden dari j urusan kej uruteraan .

(b) Hasil kajian mendapati bahawa tidak terdapat hubungan di antara jurusan pengajian sekolah menengah dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun, kajian ini menunjukkan majoriti responden dari jurusan sastera mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, majoriti dari responden dari jurusan teknikal mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(c) Kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Sains dengan orientasi sikap keusahawanan.

(d) Kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam Matematik dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun, kajian ini mendapati bahawa responden yang mendapat gred amat baik didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(e) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred dalam mata pelajaran Sejarah dengan orientasi sikap keusahawanan.

(f) Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan di antara gred responden dalam Bahasa Malaysia dengan orientasi sikap keusahawanan. Maklumat kajian mendapati responden yang mendapat gred yang lebih baik mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala pelajar yang mendapat gred yang kurang baik dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(g) Mengenai mata pelajaran Bahasa Inggeris, kajian mendapati tidak mempunyai hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris dengan orientasi sikap keusahawanan.

(h) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran Prinsip Akaun dengan orientasi sikap keusahawanan. Seperkara yang agak jelas ialah kajian mendapati responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan tinggi adalah mereka yang mendapat gred lulus dalam mata pelajaran tersebut. Manakala responden yang mendapat gred amat baik dalam mata pelajaran tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(i) Mengenai mata pelajaran perdagangan, kajian mendapati tidak mempunyai hubungan di antara gred responden dengan orientasi sikap keusahawanan.

(j) Kajian mendapati gred mata pelajaran Matematik Tambahan mempunyai hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan. Responden yang mendapat gred baik di dapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Manakala, responden yang mendapat gred lulus mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(k) Mengenai mata pelajaran Fizik, kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred responden dengan orientasi sikap keusahawanan.

(l) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam Kimia dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun, pada keseluruhannya responden yang mendapat gred amat baik didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(m) Mengenai mata pelajaran Biologi, kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam mata pelajaran tersebut dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun, adalah didapati bahawa responden yang mendapat gred amat baik didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(n) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara mata pelajaran yang disukai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan. Seperkara yang jelas ialah pelajar yang menyukai Matematik Tambahan mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(o) Mengenai mata pelajaran yang tidak disukai oleh responden, kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara mata pelajaran yang tidak disukai dengan orientasi sikap keusahawanan.

(p) Kajian mendapati terdapat hubungan di antara gred responden dalam Ekonomi Mikro dengan orientasi sikap keusahawanan. Responden yang mendapat gred lebih baik didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang lebih tinggi dan disebaliknya.

(q) Hasil kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara gred responden dalam Ekonomi Makro dengan orientasi sikap keusahawanan. Tetapi kajian telah menunjukkan bahawa responden yang mendapat gred A didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(r) Mengenai mata pelajaran Konsep dan Amalan Pengurusan, kajian mendapati grednya tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan.

(s) Kajian mendapati responden yang mengambil mata pelajaran Asas Keusahawanan tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan. Kajian ini disebaliknya mendapati bahawa responden yang mengambil mata pelajaran tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(t) Mengenai mata pelajaran Pengurusan dan Pemiagaan, kajian mendapati ianya tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan.

(u) Kajian mendapati purata mata keseluruhan (PMK) responden tidak mempunyai korelasi dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun responden yang mendapat PMK (3.00 - 4.00) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi .

**Bahagian C: Pengalaman** Responden

(a) Mengenai pengalaman menjual, kajian mendapati bahawa tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan.

(b) Kajian ini mendapati pengalaman mengawasi pekerja yang diperolehi oleh responden tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan.

(c) Mengenai pengalaman mengendalikan akaun perniagaan, kajian ini mendapati terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman tersebut dengan orientasi sikap keusahawanan. Responden yang memperolehi pengala-man tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan tinggi. Responden yang tidak mempunyai pengalaman berada pada tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(d) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang memperolehi pengalaman menguruskan perniagaan sendiri dengan sikap keusahawanan. Walaubagaimanapun , responden yang memperolehi pengalaman mengurus perniagaan sendiri mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(e) Kajian ini menunjukkan bahawa pengalaman menguruskan perniagaan orang lain tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun didapati responden yang mempunyai pengalaman tersebut merupakan mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(f) Mengenai pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus perniagaan kecil, kajian ini mendapati ianya tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun responden yang tidak mempunyai pengalaman tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah.

(g) Kajian ini mendapati bahawa pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus firma perniagaan sederhana yang dipunyai oleh responden tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun kajian ini mendapati bahawa responden yang mempunyai pengalaman tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(h) Mengenai responden yang mempunyai pengalaman bekerja bersama seorang pemilik/pengurus firma perniagaan besar, kajian mendapati pengalaman ini tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan.

(i) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara pengalaman menghadiri kursus, kelas atau bengkel perniagaan yang dipunyai oleh responden dengan orientasi sikap keusahawanan. Sungguhpun begitu kajian ini memperlihatkan bahawa responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi adalah mereka yang mempunyai pengalaman tersebut.

**Bahagian D: Latar Belakang Ibubapa dan Penjaga**

(a) Kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara tahap pendidikan ibu dengan orientasi sikap keusahawanan.

(b) Mengenai hubungan di antara tahap pendidikan bapa dengan orientasi sikap keusahawanan. Kajian mendapati tidak mempunyai hubungan yang signifikan.

(c) Kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan di antara pekerjaan ibu dengan orientasi sikap keusahawanan. Didapati responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai pegawai profesional/ eksekutif dan kerani mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah. Manakala, responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai petani merupakan responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

(d) Mengenai hubungan pekerjaan bapa dengan orientasi sikap keusahawanan, kajian ini mendapati ianya tidak mempunyai hubungan yang signifikan. Kajian ini memperlihatkan responden yang mempunyai bapa bekerja sebagai ahli profesional berada pada tahap sikap keusahawanan yang rendah. Manakala, responden yang mempunyai bapa bekerja sebagai petani merupakan responden yang mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Penemuan ini menyamai ibu responden yang bekerja sebagai petani juga mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Tetapi jika tingkat signifikan ($p=0.10$) maka menunjukkan terdapat hubungan di antara pekerjaan bapa dengan orientasi sikap keusahawanan pelajar.

## 6.8 *Penutup dan Interpretasi*

### (a) Objektif Pertama

Objektif pertama kajian ini ialah untuk melihat adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara faktor-faktor demografi yang digunakan dalam kajian ini seperti umur, jantina, keturunan, agama, tempat tinggal dan negeri asal responden mempengaruhi orientasi sikap keusahawanan pelajar politeknik.

Teori orientasi sikap keusahawanan yang diketengahkan oleh Robinson et. al. (1991) telah digunakan untuk mengukur angkubah-angkubah tersebut. Keputusan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara umur, keturunan, agama, tempat tinggal dan negeri asal responden dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun, perbezaan jantina mempunyai hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa responden perempuan lebih mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lelaki. Sungguhpun, bilangan responden lelaki merupakan paling ramai dalam kajian ini (61.4 peratus) tetapi tidak menunjukkan lelaki mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi.

Kajian terdahulu mengenai jantina mendapati perempuan merupakan kumpulan yang paling ramai telah membuka perniagaan sendiri. Ini jelas menunjukkan bahawa bilangan wanita yang mempunyai perniagaan baru terus meningkat. Kajian terdahulu oleh Leavitt (1988) menyatakan bilangan wanita melancarkan pemiagaan baru telah meningkat lebih dari enam kali ganda daripada lelaki.

Mengenai umur kajian-kajian yang terdahulu, juga menunjukkan umur seseorang tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagai-mana pun kebanyakan usahawan memulakan kerjaya keusahawanan mereka di antara umur 22 dan 55 tahun sebagaimana yang dinyatakan oleh Hisrich dan Peters (1989). Oleh itu, kajian ini mendapati responden yang berumur 22 tahun mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi.

Mengenai bangsa, kajian mendapati tidak terdapat hubungan di antara bangsa dengan sikap keusahawanan. Walaupun begitu, didapati Melayu mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (52.4 peratus). Bilangan yang tinggi ini kerana responden Melayu adalah yang paling ramai dalam kajian ini (68.3 peratus). Responden India didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah berbanding dengan lain-lain bangsa (66.7 peratus).

Banyak kajian yang tidak berasaskan kajian empirik telah mengutarakan bahawa pelajar-pelajar Melayu yang beragama Islam tidak mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Penemuan ini jelas menunjukkan bahawa pandangan tersebut adalah meleset sama sekali. Melalui kemudahan dan peluang pendidikan yang terbuka luas dan yang telah disediakan oleh kerajaan di dalam untuk meningkatkan pendidikan masyarakat maka di dapati bahawa perubahan mula berlaku di kalangan masyarakat terhadap keusahawanan yang mana dahulunya hanya dikuasai oleh sesuatu kaum sahaja. Ini bermakna Dasar Ekonomi Baru yang bertujuan antara lainnya ialah untuk menyusun semula masyarakat telah menunjukkan suatu pencapaian yang positif menerusi penemuan kajian ini.

Mengenai agama, kajian ini memperlihatkan tidak terdapat hubungan di antara keturunan bangsa dengan agama. Didapati responden beragama Islam mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (52.6 peratus). Ini kerana responden Islam merupakan paling ramai dalam kajian ini (69.7 peratus). Responden yang beragama Hindu mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah dibandingkan dengan lain-lain kaum (69.2 peratus). Responden Islam mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi adalah sesuai dengan ajaran agama Islam yang menggalakkan penganutnya bemiaga kerana sebahagian besar rezeki adalah datangnya daripada bemiaga. Dakwaan yang mengatakan penganut

agama Islam tidak meminati bidang perniagaan clan keusahawanan hanya merupakan dakwaan yang tidak berasas kerana Islam itu sendiri memberikan penekanan bahawa ahli-ahli perniagaan yang benar dan tidak riba adalah dikumpulkan rohnya bersama dengan para syuhada.

Mengenai tempat tinggal, kajian mendapati tidak mempunyai hubungan dengan orientasi sikap keusahawanan. Sungguhpun begitu, responden yang berasal dari kampung mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (55.3 peratus) dan mereka merupakan responden yang paling ramai dalam kajian ini (49.7 peratus). Responden yang tinggal di bandar/pekan didapati mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah (55.9 peratus). Kajian mendapati tidak mempunyai hubungan di antara negeri responden dengan sikap keusahawanan. Walaupun begitu, didapati bahawa responden dari negeri Terengganu mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain negeri. Jumlah responden dari Terengganu ialah 2.8 peratus. Perlis, didapati mempunyai tahap sikap yang rendah dikalangan responden (77.8 peratus). Jumlah responden dari Perlis ialah 2.5 peratus.

Responden yang tinggal di bandar/pekan dan di bandar raya/ibu negeri telah dikatakan bahawa lebih didedahkan kepada keusahawanan, tetapi kajian ini mendapati bahawa kebanyakan dari pelajar kampung lebih mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Ini bermakna cara hidup pelajar-pelajar di kampung yang lebih berdikari untuk hidup dengan menolong ibu bapa mereka bekerja dan menjual hasil keluaran pertanian ibu bapa mereka telah membentuk sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar dari kampung. Mungkin pengalaman seperti ini tidak pernah dinikmati oleh pelajar-pelajar bandar dan pekan yang lebih mewah daripada pelajar kampung. Oleh itu, tanggapan terhadap pelajar kampung yang mengatakan mereka tidak mempunyai sikap keusahawanan perlu dikikis.

Umumnya, daripada faktor demografi yang dikaji didapati hanya perbezaan jantina yang memperlihatkan hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaupun faktor yang lain tidak menunjukkan hubungan yang signifikan tetapi telah memberikan penemuan yang berguna kepada kajian ini.

### (b) Objektif Ke Dua

Objektif ke dua kajian ini ialah untuk melihat faktor latar belakang pendidikan seperti perbezaan jurusan di politeknik dan di sekolah mempengaruhi sikap keusahawanan pelajar politeknik. Keputusan kajian mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara angkubah-angkubah tersebut dengan sikap keusahawanan. Ini berkemungkinan kurikulum jurusan-jurusan tersebut tidak memberikan penekanan kepada bidang keusahawanan. Sungguhpun begitu, responden dari jurusan perdagangan mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan lain-lain jurusan di politeknik (55.0 peratus). Menge-nai jurusan di sekolah pula, didapati jurusan sastera mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (5 8.5 peratus) berbanding dengan lain-lain jurusan. Kajian ini mendapati bahawa jurusan teknikal mempunyai tahap sikap keusaha-wanan yang rendah (56.9 peratus). Jurusan perdagangan yang sepatutnya mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi, tetapi mempunyai tahap sikap yang rendah (50.5 peratus) berbanding dengan jurusan sastera (58.5 pera-tus). Perbezaan ini berkemungkinan kurikulum jurusan perdagangan di sekolah tidak menekankan ciri-ciri keusahawanan dalam kurikulum mata pelajaran yang bercorak pemiagaan dan keusahawanan. Oleh itu, tidak dapat membentuk sikap dan pemikiran pelajar-pelajar terhadap keusahawanan. Temyata bahawa melalui penemuan kajian ini responden dari jurusan pengajian perdagangan di politeknik mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi berbanding dengan jurusan kejuruteraan. Ini bererti bahawa kurikulum memainkan peranan penting di

dalam membentuk sikap keusahawanan di kalangan pelajar. Pelajar kejuruteraan yang mempunyai sikap keusahawanan yang rendah perlu diberikan pendedahan mengenai keusahawanan agar mereka lebih mempunyai sikap keusahawanan dan akhimya dapat menggunakan kemahiran teknikal yang dipelajari di politeknik bagi tujuan keusahawanan. Manakala pelajar yang memasuki politeknik dari jurusan sastera di dapati mempunyai sikap keusahawanan yang lebih tinggi berbanding dengan jurusan perdagangan di peringkat sekolah menengah. Walaupun, terdapat banyak dakwaan di dalam ulasan karya yang menjalankan kajian tidak secara empirik yang mengatakan pelajar jurusan perdagangan peringkat sekolah menengah mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi, ternyata dakwaan tersebut tidak benar kerana pelajar dari jurusan sastera telah didapati mempunyai sikap keusahawanan yang lebih tinggi. Oleh itu, pihak sekolah perlu melihat kekurangan yang terdapat di dalam kurikulum jurusan perdagangan.

### (c) Objektif Ke Tiga

Objektif ke tiga kajian ini untuk melihat faktor mata pelajaran di peringkat SPM dan politeknik mempunyai hubungan terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik.

Kajian ini mendapati gred mata pelajaran di peringkat SPM iaitu Sains, Matematik, Sejarah, Bahasa Inggris, Geografi, Prinsip Akaun, Perdagangan, Sains Tambahan, Fizik, Kimia, Biologi adalah tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap keusahawanan. Manakala, gred mata pelajaran Matematik Tambahan dan Bahasa Malaysia kajian mendapati terdapat hubungan yang signifikan dalam dua mata pelajaran tersebut dengan sikap keusahawanan. Pelajar-pelajar yang mendapat gred baik di dalam kedua-dua mata pelajaran tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang lebih tinggi dan sebaliknya. Sungguhpun seseorang itu telah mempelajari asas-asas keusahawanan yang

berkaitan dengan perniagaan maka belum pasti untuk menjadi seorang usahawan kerana sikap mereka yang tidak cenderung kepada keusahawanan akan menghalang diri mereka untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan.

Mengenai hubungan gred mata pelajaran di peringkat politeknik iaitu, Ekonomi Makro, Konsep dan Amalan Pengurusan, Asas Keusahawanan dan Pengurusan dan Perniagaan dengan sikap keusahawanan pelajar, kajian ini mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan dengan sikap keusahawanan. Sungguhpun begitu, mata pelajaran Ekonomi Mikro didapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap keusahawanan. Kajian mendapati 76.5 peratus responden mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi. Mata pelajaran di atas yang tidak menunjukkan hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan perlu diberi penekanan ke atas keperluan kandungan kurikulumnya dengan memasukkan unsur-unsur keusahawanan yang menekankan kepada pembentukan sikap dan pemikiran bagi mewujudkan pelajar yang mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Walaupun, politeknik telah memperkenalkan mata pelajaran tersebut yang seharusnya memberikan kesan yang positif ke arah tahap sikap keusahawanan yang tinggi tetapi kajian ini mendapati mata pelajaran tersebut tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan. Kelemahan yang telah dikenalpasti dalam mata pelajaran tersebut boleh dibaiki bagi memantapkan kurikulum politeknik ke arah bidang keusahawanan. Oleh itu, kandungan kurikulum yang lebih menjurus kepada bidang keusahawanan perlu diberikan perhatian yang wajar. Banyak kajian secara bukan empirik menyatakan bahawa jika pelajar-pelajar di dedahkan kepada mata pelajaran yang mempunyai unsur keusahawanan mereka akan menjadi seorang usahawan. Tanggapan ini tidaklah benar kerana untuk menjadi seorang

usahawan itu ia perlu mempunyai sikap di antara lainnya ialah berani mengambil risiko dan mengenal pasti peluang serta mempunyai keinginan pencapaian yang tinggi.

Mengenai prestasi akademik melalui PMK yang diperolehi oleh responden, kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara responden yang memperolehi PMK tertinggi dengan orientasi sikap keusahawanan. Walaubagaimana pun, kajian menunjukkan bahawa responden yang mendapat gred tertinggi (3 .OO-4.00) mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (5 1 .O peratus).

Umumnya, mata pelajaran yang diharapkan dapat memberi kesan ke atas sikap keusahawanan pelajar seperti mata pelajaran Asas Keusahawanan, didapati tidak menunjukkan keputusan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan pelajar.

### (d) Objektif Ke Empat

Objektif yang ke empat dalam kajian ini ialah untuk melihat hubungan mata pelajaran yang menjadi kegemaran responden di peringkat SPM terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik.

Kajian ini memperlihatkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara mata pelajaran yang digemari/disukai dan mata pelajaran yang tidak disukai terhadap sikap keusahawanan pelajar politeknik. Responden yang menyukai mata pelajaran Matematik Tambahan mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (73.3 peratus). Terdapat keterangan di dalam ulasan karya yang membuat kajian tidak secara empirik menyatakan pelajar yang mengemari mata pelajaran tertentu akan mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi. Dakwaan dalam kajian tersebut ternyata tidak sentiasa benar kerana kajian ini

memperlihatkan bahawa mata pelajaran yang digemari tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap keusahawanan.

### (e) Objektii Ke Lima

Objektif yang ke lima dalam kajian ini ialah untuk melihat hubungan di antara pengalaman responden dalam pemiagaan dengan sikap keusahawanan.

Kajian ini mendapati bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara pengalaman menjual, mengawasi pekerja, mengurus perniagaan sendiri, mengurus pemiagaan orang lain, bekerja bersama pemilik/pengurus perniagaan kecil, bekerja bersama pemilik/pengurus pemiagaan sederhana, bekerja bersama pemilik/pengurus perniagaan besar dan pengalaman menghadiri kursus/kelas/bengkel dengan orientasi sikap keusahawanan, Walaupun begitu kajian ini mendapati responden yang tidak mempunyai pengalaman tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah berbanding dengan mereka yang mempunyai pengalaman tersebut. Tetapi, responden yang mempunyai pengalaman mengendalikan akaun perniagaan di dapati mempunyai hubungan yang signifikan dengan orientasi sikap keusahawanan. Kajian ini mendapati responden yang mempunyai pengalaman tersebut mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (58.5 peratus). Oleh itu, ulasan karya yang menyatakan pengalaman perniagaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan sikap keusahawanan adalah tidak sentiasa benar jika kursus/kelas atau bengkel tersebut tidak dapat membentuk sikap keusahawanan di kalangan peserta.

### (f) Objektif Ke Enam

Objektif ke enam untuk melihat hubungan latar belakang ibubapa iaitu mengenai tahap pendidikan, pekerjaan dan pengalaman berniaga dengan orientasi sikap keusahawanan.

Kajian ini memperlihatkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara tahap pendidikan, pekerjaan dan pengalaman berniaga dengan orientasi sikap keusahawanan. Mengenai tahap pendidikan ibu kajian mendapati bahawa responden yang mempunyai ibu tahap pendidikan universiti/maktab mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi (57.1 peratus). Responden yang mempunyai ibu tahap pendidikan sekolah menengah mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah (53.2 peratus). Mengenai tahap pendidikan bapa, responden yang mempunyai bapa tahap pendidikan universiti/maktab mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (57.9 peratus). Manakala, responden yang mempunyai bapa tahap pendidikan sekolah menengah mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah (55.4 peratus). Keputusan kajian ini didapati sama dengan tahap pendidikan ibu. Di dalam ulasan karya sering menekankan pentingnya taraf pendidikan ibu dan bapa dalam mempengaruhi sikap keusahawanan anak-anak mereka. Tetapi kajian tidak menunjukkan hubungan yang signifikan. Walaupun begitu, tahap pendidikan ibu berkait rapat dengan sikap keusahawanan responden.

Mengenai pekerjaan ibu, kajian mendapati bahawa responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai petani mempunyai sikap keusahawanan yang tinggi (54.9 peratus). Responden yang mempunyai ibu bekerja sebagai pegawai profesional/eksekutif/kerani mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah (60.0 peratus). Mengenai pekerjaan utama bapa, kajian menunjukkan bahawa responden yang mempunyai bapa bekerja sebagai petani mempunyai tahap sikap keusahawanan yang tinggi (60.2 peratus). Responden yang mempunyai bapa bekerja sebagai pegawai profesional mempunyai tahap sikap keusahawanan yang rendah (88.9 peratus). Dalam ulasan karya terdahulu terdapat kajian bukan secara empirik menyatakan pekerjaan ibubapa mempunyai hubungan dengan

sikap keusahawanan responden. Kenyataan tersebut di dapati kurang tepat kerana dalam kajian ini memperlihatkan bahawa pekerjaan ibu dan bapa tidak mempunyai hubungan dengan sikap keusahawanan responden. Sungguhpun begitu ia mempunyai kaitan yang rapat dengan sikap keusahawanan responden.

## 6.9 *Implikasi*

Berdasarkan penutup dan interpretasi yang telah dikemukakan dalam bahagian terdahulu, satu ringkasan terhadap implikasi kajian ini dapat di kemukakan seperti berikut:

(a) Pembelajaran ke atas mata pelajaran Ekonomi Makro, Konsep dan Amalan Pengurusan, Asas Keusahawanan dan Pengurusan dan Perniagaan haruslah memperkenalkan mengenai cara untuk menanam sikap keusahawanan di kalangan pelajar-pelajar politeknik.

(b) Tiada hubungan di antara yang menghadiri kursus keusahawanan dengan orientasi sikap keusahawanan yang mungkin kandungan kursus-kursus itu tidak dapat membentuk orientasi sikap keusahawanan.

(c) Mengenai gred, walaupun tiada hubungan yang signifikan di antara gred dalam mata pelajaran dengan sikap keusahawanan tetapi jelas didapati bahawa orientasi sikap keusahawanan yang tinggi adalah mereka yang mencapai gred yang tinggi dan mereka yang mendapat PMK yang tinggi. Boleh dirumuskan bahawa mereka yang berjaya dalam keusahawanan adalah mereka yang mempunyai orientasi sikap keusahawanan yang tinggi.

(d) Mengenai pengalaman, walaupun tiada hubungan yang signifikan tetapi mereka yang mempunyai pengalaman berikut iaitu pengalaman menjual, mengawasi pekerja, mengendalikan perniagaan sendiri, menguruskan pemiagaan orang lain dan pengalaman bekerja bersama dengan seorang pemilik firma majoriti darinya mempunyai orientasi sikap keusahawanan yang tinggi.

## 6.10 *Cadangan*

Berdasarkan kepada implikasi di atas, cadangan-cadangan dapat dikemukakan seperti berikut:

(a) Maklumat yang dikemukakan dalam kajian ini disebarkan kepada politeknik dan BPTV yang mungkin berguna bagi tujuan pembangunan keusahawanan politeknik di Malaysia.

(b) Mata pelajaran yang diperkenalkan di politeknik yang mempunyai hubungan dengan keusahawanan seperti ekonomi makro, konsep dan amalan pengurusan, asas keusahawanan dan pengurusan perniagaan perlu diberikan perhatian yang lebih menjurus kepada bidang keusahawanan yang sebenar dengan mengenalkan ciri-ciri keusahawanan di dalam kurikulum tersebut. Kandungan kurikulum bagi mata pelajaran tersebut seharusnya tidak dicampurkan dengan cara untuk mendirikan perniagaan tetapi disebaliknya menekankan kepada pembentukan sikap yang berkaitan dengan ciri-ciri keusahawanan iaitu mengenai pencapaian, penghargaan diri, kelakuan dan innovasi agar dapat membentuk sikap keusahawanan di kalangan pelajar politeknik di Malaysia. Ciri-ciri lain keusahawanan boleh dimasukkan ke dalam kurikulum keusahawanan seperti kesediaan mengambil risiko, lokus kawalan dalaman, kreativiti dan mengenalpasti peluang.

(c) Mengadakan program pembangunan keusahawanan di kalangan pelajar politeknik. Dalam program ini pelajar perlu dilibatkan secara langsung bagi mendapatkan pengalaman yang praktikal. Pihak politeknik juga harus menjalin hubungan dengan agensi-agensi yang menawarkan program keusahawanan seperti MARA, MARDI, Kementerian Perdagangan, Kementerian Perusahaan Awam dan Institusi Kewangan bagi tujuan mendapatkan latihan dan bimbingan.

(d) Menerusi latihan industri yang diwajibkan kepada pelajar-pelajar politeknik, boleh digunakan peluang tersebut untuk menempatkan pelajar-pelajar yang berminat ke dalam organisasi perniagaan. Program ini seharusnya tidak menjadikan pelajar sebagai pekerja sahaja di syarikat tersebut tetapi dilibatkan dalam hal-ehwal pentadbiran syarikat.

(e) Tenaga pengajar mata pelajaran keusahawanan perlu diberikan latihan dan pendedahan serta terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang dalam pendidikan keusahawanan. Kegagalan menyediakan kakitangan dalam program keusahawanan adalah merupakan di antara faktor utama punca gagalnya program keusahawanan. Oleh itu, kakitangan yang terlibat dalam program ini perlu diberikan latihan dan pendedahan dalam bidang keusahawanan dari masa ke semasa agar mereka mampu merangsang minat pelajar terhadap keusahawanan.

(f) Kaedah pengajaran mata pelajaran keusahawanan perlu diubah kepada bercorak 'student-oriented' yang melibatkan pelajar mengambil bahagian secara aktif dan membuat keputusan. Oleh itu program simulasi boleh digunakan bagi mencapai matlamat ini.

### *6.11 Cadangan Penyelidikan Masa Hadapan*

Berdasarkan kepada objektif kajian ini maka dapat dikemukakan batasan kajian yang boleh diperkukuhkan oleh penyelidik dan cadangan penyelidikan masa hadapan seperti berikut:

(a) Kajian ini hanya mengkaji hubungan di antara dua angkubah iaitu angkubah berubah dan angkubah bergantung tetapi analisis ini tidak membuat "control group" bagi tujuan membandingkan dengan suatu kumpulan lain seperti dalam kajian yang bertajuk The Development Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia yang dijalankan oleh Salleh (1992).

(b) Tinggi rendahnya sikap keusahawanan yang telah ditentukan dalam kajian ini, normanya ialah di kalangan pelajar politeknik sahaja. Bagi melihat tahap sikap keusahawanan di kalangan pelajar di Malaysia, mungkin perlu ada norma tahap sikap keusahawanan di Malaysia.

(c) Ujian 'Pre-Test' dan 'Post-Test' perlu diadakan untuk mengkaji kesan sesuatu program yang dijalankan oleh politeknik serta mempunyai "control group".

(d) Kajian selanjutnya boleh dijalankan bagi membaiki model kajian. Ia boleh dilaksanakan dengan menambah angkubah-angkubah lain yang tidak diuji dalam kajian ini.

(e) Kajian ini boleh dijalankan ke atas populasi yang lain iaitu seperti Institut Kemahiran Mara, Pusat Latihan Belia Negara dan Institut Kemahiran Malaysia untuk mengetahui orientasi sikap keusahawanan mereka.

(f) Kajian juga boleh dijalankan ke atas pelajar-pelajar yang tinggal di kampung, bandar/pekan dan bandar raya/ibu negeri untuk mengetahui orientasi sikap keusahawanan mereka.

(g) Terdapat keperluan kajian yang lebih lanjut terhadap politeknik mengenai keberkesanan kurikulum, sikap keusahawanan pensyarah-pensyarah politeknik, program keusahawanan politeknik dan kajian ke atas sikap keusahawanan pelajar perempuan di politeknik.

(h) Kajian juga perlu dibuat terhadap menyediakan politeknik ke arah melahirkan pelajar yang mempunyai sikap keusahawanan menjelang tahun 2020.

# BIBLIOGRAFI


AlBana, H.(1988). **Konsep Pembaharuan Masyarakat Islam,** Jakarta, Indonesia: Kerjaya Printing Industries Pte. Ltd.

Allport, G. W.(1935). "Attitudes", In C. A. Murchison **(cd.), A Handbook of Social Psychology,** Worcester, Mass, Clark University Press, m. s. 798-844.

Al-Qordhawi, M. Y.(1987). **Hukum Zakat, Komperatif Mengenai Status dan Falsafat Zakat Berdasarkan Quraan dan Hadis:** Pustaka Nasional, Pte. Ltd. Singapore.

Anderson, A. L.(1984). "Entrepreneurship, Risk, Reward, Small Business, Attitudes, Trends", **Journal of National Underwriter (Life/Health), Vol.88,** November, 1984.

Ashmohmore, M. C. dan Pritz, S. G.(1983). "Program for acquiring competence in entrepreneurship", no.240 AA, **Center On Education and Training For Employment,** The Ohio State University.

Atkinson, J. W.(1957). "Motivational Determinants of Risk Taking Behavior", **Psychological Review,** Vol. 64.

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional (1993). **Laporan Status,** Kuala Lumpur, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bailey, J. E.(1986). "Learning styles of succesful entrepreneurs". In R. Ronstadt, J. A. Hornaday, R. Peterson, and K. H. Vesper (Eds.), **Frontiers of Entrepreneurship Research.** Wellesley, MA: Babson College.

Bandura, A.(1977). **Social Learning Theory,** Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Bandura, A.(1986). **Social Foundations of Thought and Action: A Social-cognitive** View,Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.

Barab, M. A. M.(1988). **Success and Failure in Small Business, The Case of Manufacturing Firms in California,** Tesis PhD., United States International University. San Diego.

Bedeian, A. G. Armenakis, A. A. dan Randolf, A.(1989). "The significance of congruence coefficients: a comment and statistical test", **Journal of Management,** Vol. 14, m.s.559-556.

Bender, A. D. dan Meli, J. T. (199 1), "Entrepreneurship Education and Micro-business Development of Past of a Program of Community Revitalization", **Economic Development Review, Vo1.8, No.** 1, m.s.38-41.

Bird, B.(1989). **Entrepreneurial Behavior,** Gleenview III Scott: Forseman and Company.

Birley, S.(1987). "New ventures and employment growth", **Journal of Business Venturing,** Vol.2(2), m.s. 155-166.

Birley, S. (1989), "The Role of Networks in the Entrepreneurial Process", **Journal of Business Venturing,** Vol. 1. No. 1.

Borland, C. M.(1975). **Locus of Control, Need For Achievement, and Entrepreneurship,** Unpublished doctoral dissertation, University of Texas at **Austin.**

Bottroff, D.(1989). "The Entrepreneur: Nature or nurture?", **New England Business,** Vol.11. No.5. m.s.14-18.

Bowen, D. D. dan Hisrich, R. D. (1986). "The female entrepreneur: a career development perspective", **Academy of Management Review,** Vol. 11, m.s.393-407.

Brockhaus, R. H. (1980). "Risk taking propensity of entrepreneurs", **Academy of Management Journal,** Vo1.23, m.s.509-520.

Brockhause, R. H. dan Horwitz, P.(1986). "The psychology of the entrepreneur", In D. Sexton and R. Smilor **(eds.), The Art a Science of Entrepreneurship,** Cambridge, MA: Ballinger.

Brockhause, R. H. dan Nord, W. R.(1979). "An exploration of the factors affecting the entrepreneurial decision: personel characteristics vs. environmental condition", **Academy of Management Proceedings,m. s. 364-368.**

Brodzinski, J. D., Scherer, R. F., Gover, K. A. dan Wiebe, F. A.(1989). "Differentiating among three measures of career preference", **Psychological Reports,** Vo1.65, 1275-1281.

Burch, J. G.(1986). **Entrepreneurship,** New York: John Wiley & Sons Inc.

Burton R. P.(1987). **Prediction of Entrepreneurship Based On An Attitude Consistency Model,** Thesis PhD. ,Brigham Young University.

Canning, G. Jr.(1988). "Is your company marketing oriented?", **Journal of Business Strategy,** Vol.9 (May/Jun), m.s.38-44.

Canty, A. L., Wiebe, F. A. dan Scherer, R. F.(1987). **Entrepreneurial aspirations: The effect of gender and psychological characteristics,** Paper presented at the Academy Annual Meeting.

Carlan, J. W.(1982), **Entrepreneurship In A Small Business Setting: An Exploratory Study,** Unpublished Dissertation, University of Georgia.

Carland, J. W., Carland, J. A. C., Hoy, F., dan Boulton, W.(1988). "Distinctions between entrepreneurial and small business ventures: An empirical investigation", **International Journal of Management, Vol.5(1),** m.s.98-103.

Carland, J. W., Hoy, F., Boulton, W. R. dan Carland, J. C.(1984). "Differentiating entrepreneurs from small business owners: A conceptualization", **Academy of Management Review,** Vo1.9, m.s.355-359.

Carsrud, A. L., Olm, K. dan Eddy, G.(1986). "Entrepreneurship: Research in quest of a paradigm". In D. Sexton and R. Smilor (eds.), **The Art and Science of Entrepreneurship,** Cambridge, MA: Ballinger.

Carsrud, A. L. and Johnson, R. W.(1989), "Entrepreneurship: a social psychological perspective", **Entrepreneurship and Regional Development,** Vol. 1, m.s.21-32.

Clark, B. W., Davis, C. H. dan Harnish, V. C.(1984). "Do courses in entrepreneurship aid in new venture creation, **Journal of Small Business Management,** Vo1.22, m.s. 10-15.

Clouse, V. G. H.(1990). "A controlled experiment relating entrepreneurial education to students, start-up decisions", **Journal of Small Business Management,** Vo1.28, No.2, m.s.4553.

Cole, A. H.(1969), **Definition of entrepreneurship,** in J. L. Komives (ed.), Karl A. Bostrom, Seminar in the Study of Entreprise, Milwaukee, WI: Center for Venture Management, m.s. 10-22.

Collins, 0. F. and Moore, D. G.(1970). **The Organization Makers: A Behavioral Study of Independent Entrepreneurs,** New York, NY: Meredith.

Collins, 0. F. dan Moore, D. G.(1964). **The enterprising man.** East Lansing, MI: Michigan State University Business Studies.

Cooper, A. C. dan Komives, J. L., eds.(1972). **Technical entrepreneurship: A symposium.** Milwaukee, WI: Center for Venture Management.

Cullen, Dick, T. P. dan Timothy, J.(1989), "Tomorrow's Entrepreneur and Today's Hospitality Curiculum", **Cornell Hotel and Restaurant Administration Quartely** , Vol. 13, No. 2, m. s.54-57.

**Daim** Zainuddin, Tun. (1994). "Siswazah Perlu Cipta Kerja". **Utusan Malaysia,** Januari, 4, hal. 2.

DeCarlo, J. F. dan Lyons, P. R. (1979). A comparison of selected personal characteristics of minority and non-minority female entrepreneurs, **Academy of Management Proceedings, 369-373.**

Deshpande, R. & Webster, F. E. Jr.( 1989). "Organizational culture and marketing: Defining the research agenda, " **Journal of Marketing,** Vol.53 (January), m.s.3-15.

Dewing, A. S. (1919). **"The Financial Policy of Corporation". New** York, N. Y., Ronald Press, m.s.245-254.

Drucker, P. F. (1974). **Management: "Tasks, Responsibilities, Practices".** New York, N. Y., Harper & Row, m.s.45-47.

Drucker, P. F. (1985). **Innovation and Entrepreneurship.** London: William Heinemann Ltd.

European Foundation for Management Development,(1992). "The Entrepreneur in the driver's seat?", **22nd European Small Business Seminar,** September 23-25.

Evans, G.H., Jr.(1949). "The entrepreneur and economic theory: An historical and analytical approach ", **American Economic Review,** Vo1.39, m.s.336.

Fagenson, E. A. dan Marcus, E. C.(1991). "Perceptions of the Sex-Role Stereotypic Characteristics of Entrepreneurs, Women's Evaluations", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. 154, m.s. 33-35.

Fishbein, M. and Ajzen, **I.** (1975). **Belief, Attitude, Intention and Behavior.** New York: Addison-Wesley Publishing Company, Inc.

Fishbein, M. and Ajzen, **I.** (1975). **Belief, Attitude, Intention and Behavior.** New York: Addison-Wesley Publishing Company.

Gartner, W. B. (1989). "Who Is an Entrepreneur? Is the Wrong Question", **Journal of Entreprenuership Theory and Practice,** m.s.47-49.

Gartner, W. B. (1989). "Who Is an Entrepreneur? Is the Wrong Question", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice.** Vol. 133, m.s.47-49.

Geoffery, G. M.( 1982). **The Practice of Entrepreneurship,** International Labor Office, Geneva.

Gibb, A. A.,(1988). "The Enterprise Culture, Threat or Opportunity? In Entrepreneur, A Blue Print For An Action", **Management Decision, Vo1.26, No.4.** MCB University Press.

Giglierano, J. J. (1987). **The Relationship Between Founder's Prior Experience, Strategy Making Style, Strategy, and Performance in New Technical** Fii, PhD. Thesis, The Ohio State University.

Ginsberg, A. dan Buchholtz A.(1989). "Are entrepreneurs a breed apart? A look at evidence", **Journal of General Management,** Vol. 15, m.s.32-40.

Ginsberg, A. (1985). Measuring changes in entrepreneurial orientation following industry deregulation: The development on a diagnostic instrumen. In G. B. Robert@), **Proceedings: Discovering entrepreneurship,** Marietta, GA: U.S. Affiliate of the International Council for Small Business.

Haines, G. H. Jr.(1988). "The Ombudsman, teaching entrepreneurship", **Interfaces, Vol.18,** No.5, m.s.23-30.

Hargreaves R. B. (1984). **Starting a Business,** London: William Heinemann Ltd.

Hawkins, D. I. dan Coney, A. K.(1980). **Consumer Behavior,** Dallas, Texas: Business Publication Inc.

Hayes, H. M.(1988). "Another chance for the marketing concept", **Business, Vol.38(1),** m.s. 10-18.

Herron, L., Sapienza, H. J., dan Cook D. S. (1991). "Entrepreneurship Theory from an Interdisciplinary Perspective", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. I. m.s.9-12.

Herron, L., Sapienza, H. J., dan Cook D. S. (1991). "Entrepreneurship Theory from an Interdisciplinary Perspective", **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vol. II. m.s.912.

Hills, G. E.(1987). Marketing and entrepreneurship research issues: Scholarly justification? In G. E. Hills (Ed.), **Research at the marketing/entrepreneurship interface,** Marietta, GA: United States Association for Small Business and Entrepreneurship.

Hisrich, R. dan Brush, C.(1984). "The women entrepreneur: Management skills and business problems", **Journal of Small Business Management,** Vol.22, m.s.31-37.

Hisrich, R. D. dan Peters, M. P.(1989). **Entrepreneurship, Starting, Developing, and Managing a New Enterprise,** New York: Richard D. Irwin, Inc.

Holt, D. H.(1992). **Entrepreneurship, New Venture Creation,** New Jersey: Prentice-Hall, Inc.

Homaday, J. A. dan Aboud, A.(1971). "Characteristics of the successful entrepreneur", **Personnel Psychology,** Vo1.24, m.s.141-153.

Hornaday, J. A. dan Bunker, C. S.(1970). "The nature of the entrepreneur", **Personnel Psychology,** Vo1.23, m.s.47-53.

Hull, D. L., Bosley, J. dan Udell, G.(1980). "Renewing the hunt for the heffalump: identifying petential entrepreneurs by personality characteristics", **Journal of Small Business Management,** Vol. 18, m.s. 11-18.

Ivancerich, J. M.(1991). "A traditional faculty member's perspective on entrepreneurship, **Journal of Business Venturing,** Vol.6, No. 1, m.s. l-7.

Kannan, I. G. (1992). **Training for Entrepreneurship Development,** Yousufguda, Hyderabad, India, Small Industry Extension Training Institute.

Kao, R. W. Y.(1992). **Small Business Management,** Third Edi., Toronto: Holt, Rinehart & Winston of Canada, Ltd.

Keith, R. J.(1959). **An Interpretation of the Marketing Concept, In Advancing Marketing Efficiency,** Proceedings of the forty-first National Conference, Chicago: American Marketing Association.

Kent, C. A., Sexton, D. L., Van Auken, P. dan Young, D. M.(1982). Managers and entrepreneurs: do lifetime experiences really matter? In K. H. Vesper (ed.), **Frontiers of Entrepreneurship Research,** Wellesley, MA: Babson College.

Kerlinger, F. N.(1986). **Foundation of behavioral research,** New York: Holt, Rinehart, and Winston.

Khandwalla, P. N.( 1977). "Some top management styles, their context and performance", **Organization and Administrative Science,** Vol. 7 (Winter), m.s.21-51.

King, A. S.(1985). "Self Analysis and Assesment of Entrepre neurial Potention, Simulation and Game", **An International Journal of Theory, Design and Research,** Sage Publication, Vol. 16, No.4, m.s. 2-5.

King, R. L.(1965). "The marketing concept", In G.Schwartz (Ed.), **Science in Marketing,** New York: John Wiley.

Kirzner, I. M.(1979). **Perception, opportunity, and profit: Studies in the theory of entrepreneurship.** Chicago: University of Chicago Press.

Kishel, Gregory F.(1981). **How to start,run, and stay in business,** Toronto: John Wiley & Sons, Inc.

Knight, F. H.(1921). **Risk, uncertainty, and profit,** Boston: Houghton Mifflin.

Konting, M. M. (1990). **Kaedah Penyelidikan Pendidikan,** Selangor Darul Ehsan, Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kuratko, D. F. dan Hodgetts, R. M. (1989). **Entrepreneurship, A Contemporary Approach.** New York: The Dryden Press.

Lafuente, A. dan Salas, V.(1989). "Types of Entrepreneurs and Firms, The Case of New Spanish Firm", **Strategic Management Journal,** Vol. 10, m.s. 17-30.

Mariotti, S.(1990), "Entrepreneurship in the Innercity", **Executive Speeches,** Vo1.4, No.11, m.s.26-39.

Mayer, K. B. dan Goldstein, S.(1961), "The First Two Years Problems of Small Firms Growth and Survival", Washington D. **C., Journal of Small Business Administration,**

McClelland, D. C.( 1961). **The Achieving Society,** New Jersey: Van Nostrand Reinhord Co.

McConnell, J. V. **(1983). Understanding Human Behavior,** 2nd Ed. New York: Holt, CBS college Publishing.

Meyers, M.(1986). "Students need the truth about entrepreneurship", **Market-**ing News, July 18, m.s.34.

Miles, **M.** P.(1989). **An Empirical Investigation of the Relationship Between the Marketing Orientation and Entrepreneurial Orientation.** Unpublished doctoral thesis, Mississippi State University.

Miller, D.(1983). "The correlates of entrepreneurship in three types of firms", **Management Science,** Vol.29(July), m.s.770-791.

Mitton, D. G. (1989). "The Compleat Entrepreneur". **Journal of Entrepreneurship Theory and Practice,** Vo1.133, m.s. 9-11.

Mohd Salleh Hj. Din dan Gibb, A. A.( 1990). **"Small Business and Entrepreneurship Education, An Innovative Approach",** International Conference on Small and Medium Scale Enterprise, Pulau Langkawi, 28-30 May.

Mohd Salleh Hj. Din (1992). **The Development Entrepreneurship and Enterprise in Higher Education in Malaysia,** PhD. Thesis, University of Durham.

Morris, J. L. dan Fragher, K.(1974). "Achievement drive and creativity as correlates of success in small business", **Australian Journal of Psychology,** Vo1.26, m.s.217-222.

Morris, M. H. dan Paul, G. W.(1987). "The relationship between entrepreneurship and marketing in established firms", **Journal of Business Venturing,** Vol.2(3), m.s.247-259.

Morris MJ. (1985). **Starting A Successful Small Business,** London: Kogan Page Limited.

Murray, J. A.(1981). "Marketing is home for entrepreneurial process." **Industrial Marketing Management,** Vol. 10(2), m.s.93-99.

Nawawi Hj. Mohd Jan (1988). "Siswazah dan Keusahawanan", **Sasaran,** Janu-at-i-Jun, halaman 52.

Nicholls, G. dan Thornton, G.(1986). **101, Ways to run a business profitably,** London: Telegraph Publication.

Norusis, M. J. (1990). **SPSS/PC+ Studentware, New** York, N.Y.: SPSS Inc. Illinois.

Palmer, S. dan Cochran, L.(1988). "Parent as agents of career development", **Journal of Counseling Psychology,** Vol.35, m.s.71-75.

Papandreau, A.(1943). **The Location and Scope of the Entrepreneurship Function.** Unpublished doctoral dissertation, Cambridge: Harvard University.

Parameswaran, E. G.( 1992). **Educating for Entrepreneurship, Small Industry Extension Training Institute,** Yousufguda, Hyderabad, India.

Pascual, C. R.(1990). **"Strategy For The Development of A Country's SME"**, The Entrepreneurship Development For Collegiate Education Level, International Conference on Small and Medium Scale Enterprise, Pulau Langkawi, 28-30 May.

Peter, J. P.(1979). "Reliability: A review of psychometric basics and recent marketing practice", **Journal of Marketing Research,** Vol. 2 1 (February), m.s.6-17.

Peterson, R. T.(1989). "Small business adoption of the marketing concept vs. other business strategies", **Journal of Small Business Management,** Vol.27 (January), m.s.38-46.

Plascha, G. R. dan Welsch, H. P.(1990). "Curiculum designs and strategies", **Journal of Entrepreneurship, Theory and Practice,** Col. 14, No.3, m.s.55-71.

Quinn, J. B. (1979). "Technological innovation, entrepreneurship and strategy", **Sloan Management Review, Vol.20(1),** m.s. 19-30.

Quinn, J. B. (1979). "Technological innovation, entrepreneurship and strategy". **Sloan Management Review, Vol.20(1),** m.s. 19-30.

Rahim, M. S.(1983), Clients **Commitment to A Project In A Group Forming Organization. A Study of Felda Schemes in Malaysia,** PhD. Thesis, University of Winconsin, Madison.

Ray, J. W.(1981). **An Empirical Examination of the Characteristics and Attributes of Entrepreneurs Franchise Owners, and Manager Engaged in Retail Venture,** PhD. Thesis, University of South Carolina.

